

REPRESENTASI KESANTUNAN BUDAYA MENERUSI

NOVEL *BAROMKEH MATAMU DI MATAKU*:

ANALISIS PENDEKATAN IHYA' ULUMUDDIN

NURUL TASHA BINTI ZURAIMI

C20A1375

UNIVERSITI

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

KELANTAN



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**REPRESENTASI KESANTUNAN BUDAYA MENERUSI NOVEL  
*BAROMKEH MATAMU DI MATAKU: ANALISIS PENDEKATAN IHYA'*  
ULUMUDDIN**

**NURUL TASHA BINTI ZURAIMI**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian  
daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Pengajian  
Warisan dengan kepujian**

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan**

**2024**

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh.....sehingga.....

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

*tasha*

Tandatangan

Tandatangan Penyelia

Nurul Tasha binti Zuraimi

C20A1375

Tarikh: 10 / 02 / 2024

Dr. Nordiana binti Ab Jabar

Tarikh: 10 / 02 / 2024

## PENGHARGAAN

*Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

Segala puji dan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah atas limpah kurnia-Nya Yang Maha Bijaksana serta berkuasa ke atas sekalian alam. Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian Alam, selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, telah memberi kekuatan kepada saya untuk menyempurnakan Projek Penyelidikan I dan II. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia yang memberi tunjuk ajar iaitu Puan Siti Nur Anis Muhammad Appandi dan Dr Nordiana Ab Jabar serta penilai Ts. Dr. Mohd Saipuddin Suliman dan Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob di atas ilmu yang telah dicurahkan, kesabaran memeriksa tugas, serta pengorbanan masa yang diluangkan untuk memberi ilmu tambahan di luar waktu kelas agar tugas ini dapat disiapkan dengan jaya dan berkualiti agar dapat memberi manfaat kepada masyarakat luar. Jasa, budi baik, nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan amat saya hargai dan diingati hingga ke akhir hayat.

Seterusnya, penulisan laporan secara individu ini tidak akan sempurna dan diselesaikan dengan baik lagi teratur untuk mendapatkan data mengenai sumber dan maklumat-maklumat berkaitan kajian ini jika tidak dibantu dan mendapat dorongan sokongan yang kuat daripada mereka yang telah menjadi tulang belakang dalam menyiapkan laporan ini iaitu yang amat dihargai keluarga saya sendiri iaitu ibu saya Robiah Hasan. Selain itu, rakan-rakan yang turut membantu dalam menyumbangkan idea sepanjang perjalanan dalam menyiapkan kajian ini. Ternyata perjalanan dalam proses untuk menyiapkan tugas ini memerlukan banyak pengorbanan dan kegigihan yang kuat, walaupun terdapat pelbagai halangan dan rintangan terpaksa ditempuhi.

Berkat doa dan kesabaran telah menjadi pemangkin untuk saya meneruskan perjuangan ini. Tidak lupa kepada pihak-pihak yang membantu secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan kajian khususnya kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan berkenaan kajian representasi kesantunan budaya menerusi novel *Baromkeh Matamu di Mataku* satu penelitian pendekatan Ihya' Ulumuddin.

Sekian, terima kasih.

Nurul Tasha Zuraimi

2164 Jalan Rajawali Felda Gunung Besout 02,  
35600 Sungkai, Perak.

E-mel: [nurult445@gmail.com](mailto:nurult445@gmail.com)

## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PERAKUAN</b>	
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ISI KANDUGAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	vii
<b>ABSTRACT</b>	viii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.2.1 Definisi Sastera	1
1.2.2 Definisi Novel	2
1.2.3 Definisi Representasi	3
1.2.4 Definisi Kesantunan	3
1.2.5 Definisi Budaya	4
1.3 Pemasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	8
1.6 Skop Kajian	9
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.8 Kesimpulan	14
<b>BAB 2: SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Pendahuluan	15
2.2 Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Terhadap Novel	
2.3 Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Terhadap Kesantunan Budaya	
2.4 Kajian-Kajian Lepas Berkaitan Terhadap Ihya'Ulumuddin	
2.5 Kesimpulan	36
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	37
3.2 Reka Bentuk Kajian	38
3.2.1 Dokumentasi	38
3.3 Cara Pengumpulan Data	39
3.3.1 Kaedah Kepustakaan	39
3.3.2 Kaedah Internet	40
3.3.3 Analisis Dokumen	40
3.3.3.1 Teks	40
3.3.3.2 Artikel Jurnal/Buku	41
3.4 Kaedah Penerapan Pendekatan	42
3.4.1 Pendekatan Ihya'Ulumuddin	42

3.4.1.1 Rubu' <i>al-Ibadat</i> (Ibadah-Ibadah)	43
3.4.1.2 Rubu' <i>al-Adat</i> (Kebiasaan-kebiasaan)	44
3.4.1.3 Rubu' <i>al-Muhlikat</i> (Perkara-Perkara yang Membinasakan)	44
3.4.1.4 Rubu' <i>al-Munjiyat</i> (Perkara-Perkara yang Menyelamatkan)	44
3.4.2 Kaedah Analisis Pendekatan	45
3.4.3 Kerangka Pendekatan	46
3.5 Kesimpulan	47
<b>BAB 4: DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1 Pendahuluan	48
4.2 Bentuk kesantunan budaya yang terdapat dalam teks kajian	48
4.2.1 Budaya Berkomunikasi	48
4.2.1.1 Budaya Berkomunikasi antara Suami dan Isteri	53
4.2.1.2 Budaya Berkomunikasi antara Sahabat	57
4.2.1.3 Budaya Berkomunikasi antara Pelajar dan Guru	58
4.2.2 Budaya Menuntut Ilmu	62
4.2.3 Budaya Berpakaian	65
4.2.4 Budaya Bertamu	68
4.2.5 Budaya Pengaruh Luar	69
4.3 Menganalisis bentuk kesantunan budaya berdasarkan pendekatan <i>rubu' al-Adat</i>	71
4.3.1 Budaya Berkomunikasi (Kitab Adab Pergaulan)	71
4.3.1.1 Hak Sesama Kerabat	71
4.3.1.2 Hak Sesama Tetangga	73
4.3.2 Budaya Berpakaian (Adab-Adab Kehidupan dan Akhlak-Akhlak Kenabian)	73
4.3.2.1 Adab-Adab Kehidupan	73
4.3.2.2 Akhlak-Akhlak Kenabian	77
4.3.3 Budaya Bertamu (Kitab Makan dan Minum)	79
4.3.3.1 Etika Menerima Tetamu Sesama Sahabat	80
4.3.3.2 Etika Menerima Tetamu Antara Guru dan Pelajar	82
4.3.4 Budaya Pengaruh Luar (Kitab amar ma'ruf dan nahi mungkar)	84
4.3.4.1 Kewajipan Amar Ma'ruf Nahi Mungkar	84
4.3.4.2 Kemungkaran-Kemungkaran yang Biasa Terjadi	87
4.4 Menjelaskan kesan kesantunan budaya menerusi teks kajian dalam kehidupan seharian masyarakat	90
4.4.1 Individu	90
4.4.2 Masyarakat	92
4.4.3 Negara	94

4.5 Kesimpulan	95
<b>BAB 5: RUMUSAN</b>	
5.1 Pendahuluan	96
5.2 Rumusan	96
5.3 Cadangan	102
5.3.1 Individu	102
5.3.2 Masyarakat	103
5.3.3 Negara	104
5.4 Penutup	105
<b>RUJUKAN</b>	



**REPRESENTASI KESANTUNAN BUDAYA MENERUSI NOVEL *BAROMKEH MATAMU DI MATAKU*: ANALISIS PENDEKATAN IHYA' ULUMUDDIN**

**ABSTRAK**

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan mengenal pasti bentuk kesantunan budaya yang berlaku dalam kalangan masyarakat menerusi teks sastra. Hal ini kerana, pengkaji ingin meneliti penulisan yang mengandungi nilai kesantunan budaya dalam teks sastra iaitu novel *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) karya Ummu Hani Abu Hassan. Di mana novel tersebut telah menggambarkan dan merakamkan kehidupan masyarakat di Bumi Syria di kawasan Baromkeh, kawasan tersebut didiami oleh masyarakat Arab yang dekat dengan bumi para an-Anbiya'. Pemilihan teks kajian ini juga adalah kerana penulis tersebut mempunyai pengalaman dan merasai kehidupan menyambung pelajarannya di Syria dalam bidang Usuluddin. Selain itu, melalui pengamatan pengkaji dunia pada hari ini kurang mengamalkan nilai kesantunan budaya dalam kehidupan seharian. Perkara ini dapat dibuktikan di mana terdapat pelbagai masalah yang tidak bermoral berlaku dalam kalangan masyarakat pada masa kini yang bermula dengan perlakuan yang tidak menyenangkan dan dapat memberi kesan negatif kepada diri sendiri. Oleh itu, objektif kajian ini memfokuskan kepada tiga aspek penting iaitu mengenal pasti bentuk kesantunan budaya, menganalisis bentuk kesantunan budaya bertunjangan pendekatan Ihya' Ulumuddin dengan berpaksikan kepada *rubu al-Adat* yang digagaskan oleh Imam Al-Ghazali dan menjelaskan kesan kepada individu, masyarakat dan negara menerusi teks kajian. Metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam meneliti kajian ini adalah pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis teks yang dilakukan terhadap novel yang dipilih oleh pengkaji. Hasil kajian mendapati bahawa nilai kesantunan budaya ini masih kuat dinormalisasikan oleh masyarakat yang terdapat dalam novel serta terdapat pihak yang bertanggungjawab dalam mencegah masyarakat lain dalam melakukan kemungkaran dengan cara berhemah dan santun.

Kata Kunci: *Baromkeh Matamu di Mataku*, Ummu Hani Abu Hassan, Kesantunan, Budaya, Pendekatan Ihya' Ulumuddin, *Rubu al-Adat*



**REPRESENTATION OF CULTURAL Politeness THROUGH THE NOVEL  
BAROMKEH MATAMU DI MATAKU: ANALYSIS OF IHYA' ULUMUDDIN'S  
APPROACH**

**ABSTRACT**

*The purpose of this study is to identify the forms of cultural politeness that occur in the community through literary texts. The researcher wants to examine the writing that contains the value of cultural decency in the literary text, namely the novel Baromkeh Matamu di Mataku (2008) by Ummu Hani Abu Hassan. Besides, the novel has drawn and recorded the life of the community in Syria in the Baromkeh area, the area is inhabited by the Arab community that is close to the land of the an-Anbiya'. Next, the selection of the text of this study is also because the writer has experience and felt the life of continuing his studies in Syria in the field of Usuluddin. In addition, through the observation of world researchers today, there is less practice in the values of cultural decency in daily life. This point can be proven where there are various immoral problems occurring in society today. That start with unpleasant behavior and have a negative effect on oneself. Therefore, the objective of this study focuses on three important aspects, which is identifying the form of cultural politeness, analyzing the form of cultural politeness based on the approach of Ihya' Ulumuddin by focusing on the rubu al-Adat that was initiated by Imam Al-Ghazali and explaining the impact on individuals, society and the country through the study text. The research methodology used by the researcher in researching this study is that the researcher uses a qualitative method by analyzing the text of the novel selected by the researcher. The results of the study found that the value of cultural decency is still strongly normalized by the society found in the novel and there are parties who are responsible for preventing other societies from doing evil in a prudent and polite way.*

*Keywords: Baromkeh Matamu di Mataku, Umm Hani Abu Hassan, Politeness,  
Culture, Approach Ihya' Ulumuddin, Rubu al-Adat*

## Bab 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Bab satu pengkaji membincangkan pengenalan berkaitan kajian yang dilaksanakan di mana ia merangkumi latar belakang kajian, objektif kajian, persoalan kajian, pernyataan masalah, skop kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian dan kesimpulan. Kajian yang mengkaji tentang representasi kesantunan budaya menerusi novel berjudul *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) dengan menggunakan pendekatan Ihya' Ulumuddin Ruhu' al-Adat sebagai sokongan bagi memperkuat dan menyokong kajian.

#### 1.2 Latar Belakang

##### 1.2.1 Definisi Sastera

Muhd Norizam Jamian dan Shaiful Bahri Md Radzi (2015), menyatakan karya sastera merupakan karya yang indah dan bermanfaat, di mana karya sastera dibentuk menerusi jalinan dan siratan bahasa. Menurut Islam, sastera dikenali sebagai *al-adabi* yang bermaksud jiwa yang halus dan berfungsi mendidik serta memelihara hati nurani khalayak dengan nilai-nilai murni sehingga dapat melahirkan insan yang berbudi perkerti lembut dan luhur. Disamping itu, sastera juga berperanan sebagai perantara bagi memelihara peradaban, pengumpul ajaran dan pernyataan yang dapat mengajar manusia dengan adab. Keindahan dalam berkarya dapat memaparkan warisan Islam yang berperanan sebagai satu wacana yang boleh digunakan untuk memberi manfaat kepada masyarakat. Disamping itu,

dapat membentuk diri individu ke arah kebaikan. Perkara ini harus diteruskan oleh generasi pada masa kini untuk menjadikan sastera sebagai satu wacana untuk dizahirkan dalam penulisan dan pengkaryaan. Justeru, pengkaji telah memilih novel *Boremkeh Matamu di Mataku* (2008) yang ditulis oleh Ummu Hani Abu Hasan. Di mana, novel ini mengangkat tentang cara hidup masyarakat dan budaya yang telah diamalkan oleh masyarakat dalam novel tersebut.

### **1.2.2 Definisi Novel**

Menurut Risman Iye dan Susiati (2018), karya sastera atau novel digunakan untuk memaparkan keperibadian manusia secara kolektif menerusi penggabungan imaginasi seorang penulis secara individu dengan ketaksuban rakyat. Novel tidak boleh wujud atau berdiri sendiri tanpa ada unsur-unsur yang membinanya. Aspek yang terkandung dalam novel kebiasaannya berkenaan dengan persoalan estetika, moral, psikologi, masyarakat dan lain-lain. Hal ini berlaku kerana, novel merupakan representasi kehidupan sosial masyarakat. Di mana novel mengandungi banyak dimensi kehidupan. Hal ini menimbulkan pelbagai pendekatan dalam mengkaji novel itu sendiri. Nindy Elneri, Harris Effendi Thahar dan Abdurahman (2018), menyatakan bahawa novel adalah sebuah karya sastera yang menceritakan atau mencoretkan kejadian yang melibatkan kehidupan manusia seperti sedih, gembira, cinta dan derita. Sehubungan dengan itu, novel juga merupakan bayangan kehidupan sosial dan gejolak kejiwaan pengarang terhadap kebenaran yang dijumpai dalam masyarakat yang normalnya berbentuk peristiwa, norma, dan ajaran-ajaran agama. Maka, novel merupakan satu wacana yang begitu sinonim dalam merepresentasikan kehidupan masyarakat yang dapat menjadi ikutan.

### **1.2.3 Definisi Representasi**

Danesi (2010), menyatakan bahawa representasi adalah suatu proses di mana sebuah rujukan untuk mendapatkan bentuk tertentu dengan simbol-simbol. Melihat dari perspektif yang berbeza, representasi adalah sebahagian penting dalam proses di mana makna dihasilkan dan ditukar antara ahli budaya. Ia melibatkan penggunaan bahasa, tanda dan imej yang mewakili sesuatu. Representasi juga merupakan sistem perwakilan yang membolehkan individu itu memberi atau menggambarkan makna kepada dunia dengan menghasilkan satu set surat-menyurat atau rantaian keserataan antara objek, manusia, peristiwa, idea abstrak, dan lain-lain (Stuart Hall, 2003).

### **1.2.4 Definisi Kesantunan**

Menurut Salinah Ja'afar (2005), kesantunan bermaksud adab dan tertib yang sering terjadi dalam kehidupan ketika berkomunikasi dan berinteraksi sesama manusia. Hubungan dalam masyarakat yang perlu dijaga kesopanan dan ketatasusilaan. Manakala, Awang Sariyan (2007) menjelaskan kesantunan ini adalah sikap yang positif iaitu santun, sopan, beradab kerana ia mencerminkan peribadi yang baik dan memaparkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman berbual. Terdapat juga individu yang menyatakan bahawa kesantunan ini mencakupi sistem sapaan, panggilan atau gelaran bagi menggambarkan tingkah laku yang beradab dan sopan (Ainal Akmar Ahmad et.al, 2016).

### 1.2.5 Definisi Budaya

Newmark (1988) menakrifkan budaya sebagai satu cara hidup, amalan dan tradisi sesuatu bangsa dan masyarakat. Menurut takrifan yang dijelaskan budaya adalah gaya hidup yang diamalkan oleh generasi dahulu dan diikuti oleh generasi kini. Ia telah menjadi satu kebiasaan dan rutin masyarakat dalam menjalani kehidupan. Hal ini dapat dilihat dari pelbagai sudut kehidupan iaitu dari segi masyarakat itu berpakaian, berkomunikasi, adat resam dan sebagainya (Ahmad Jalaluddin, et.al, 2021).

Buya Hamka dalam Nur Izzliyana Adzwa dan Nordiana Ab Jabar, (2020) juga turut tidak ketinggalan dalam memberi makna kesantunan sebenar dalam hujahnya iaitu “kecantikan yang abadi terletak pada keelokan adab dan ketinggian ilmu seseorang, bukan pula pada wajah dan pakaiannya” kesantunan merupakan suatu perkara penting dalam kehidupan masyarakat kerana ia mencerminkan budaya sesuatu masyarakat. Perkembangan teknologi yang telah berlaku pada hari ini seperti cendawan tumbuh selepas hujan menyebabkan kesantunan budaya kini semakin pudar. Tambahan pula, zaman yang kian berkembang mengikut arus globalisasi kini dapat mencetuskan fenomena yang tidak menyenangkan apabila terdapat pelbagai anasir-anasir barat yang mula masuk secara halus melalui media hiburan. Hal ini, menyebabkan golongan muda pada masa kini tidak dapat membezakan budaya tempatan atau barat yang banyak merosakkan akhlak anak muda pada masa ini. Natijahnya, hal ini dapat memberi impak yang negatif khususnya kepada golongan remaja yang masih dalam lingkungan umur yang sangat muda.

Kajian tentang representasi kesantunan budaya pula terhadap masyarakat menerusi novel *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) karya Ummu Hani ini memberi tumpuan

kepada isu-isu yang berlaku mengenai bentuk-bentuk budaya dalam masyarakat. Kebelakangan ini, terdapat pelbagai isu budaya yang telah dibangkitkan di media sosial seperti di laman web, *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan sebagainya. Hal ini terjadi kerana, perubahan zaman teknologi yang semakin canggih dan merubah warna dunia. Oleh itu, untuk mengupas dan menyelongkar faktor dan kesan budaya terhadap masyarakat pengkaji menggunakan pendekatan Ihya Ulumuddin menerusi rubu' *al-Adat* untuk dijadikan landasan utama dalam meneliti kesantunan budaya dalam masyarakat.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Masyarakat tidak sedar bahawa sebenarnya teks sastera merupakan satu medium untuk penulis memperkenalkan budaya yang dimiliki masyarakat agar dapat dikongsi kepada khalayak. Teks sastera juga mampu mengangkat nilai-nilai budaya seperti nilai material, nilai vital, nilai kerohanian, nilai kebenaran, nilai estetika, nilai moral dan nilai agama untuk diketengahkan kepada masyarakat. Pengkaji menggunakan novel *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) ini untuk dijadikan rujukan dan membedah rakaman budaya manusia dalam teks sastera tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, dalam novel tersebut merakamkan bentuk budaya yang diamalkan oleh masyarakatnya serta mempunyai nilai kesantunan budaya yang dapat dikupas oleh pengkaji untuk mengkaji tentang kesantunan budaya. Terdapat beberapa isu yang ingin diketengahkan oleh pengkaji, melalui teks sastera yang dipilih bagi berkongsi dan mendedahkan tentang isu yang berbangkit dalam kalangan masyarakat.

Golongan muda pada hari ini merupakan harapan kepada kemakmuran dan kemajuan negara. Namun begitu, mereka sudah pun terpengaruh dan disogok dengan hasil

kesusasteraan popular terutamanya novel popular. Hal ini dikatakan demikian kerana, kepengarangan pengarang novel yang terkenal lebih cenderung untuk mengikut citarasa penerbit yang lebih mementingkan aspek keuntungan material, hiburan dan kepuasan jiwa pembaca. Maka, keutamaan dalam merepresentasikan nilai-nilai murni kurang diberikan tumpuan dalam sesebuah novel yang akan dihasilkan. Justeru, bagi melahirkan modal insan yang berkualiti novel-novel haruslah memaparkan nilai-nilai yang positif dan mempunyai unsur didaktik yang dapat dicontohi dalam usaha menghasilkan karya yang bermutu (Talib Samad, 2013) menerusi Zaidi Ahmad.

Kebelakangan ini, nilai-nilai murni remaja dilihat semakin tipis akibat beberapa faktor dalaman dan luaran. Antara faktornya ialah, pengaruh budaya negatif yang membawa kepada ketidaksantunan dalam masyarakat disebabkan kesan globalisasi yang tidak dapat disekat dan masyarakat harus akur dengan kemajuannya. Hal ini disebabkan oleh, budaya ketidaksantunan tersebut telah menjadi kebiasaan dalam masyarakat kini. Tamsilannya, corak komunikasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat kini sudah berubah dengan drastik. Sementara itu, golongan dewasa juga tidak ketinggalan dalam menyemburkan kata-kata kesat kepada rakan sebaya dan juga di media sosial (*keyboard warrior*). Perkara ini amat membimbangkan masyarakat pada masa kini kerana faktor ini dapat menenggelamkan nilai kesantunan budaya dalam masyarakat dan secara langsung mengubah corak hidup masyarakat ke arah yang lebih buruk (Arina Johari et.al, 2021).

Selain itu, kemasukan budaya baru memberi ruang kepada asimilasi kehidupan bermasyarakat. Lahirnya budaya baru dikhuatiri menjadi ancaman kepada budaya sedia ada. Akibat lahirnya budaya baru yang tidak sepadan dengan ideologi dan jati diri bangsa akan mengancam warisan budaya yang telah dipelihara sejak turun-temurun (Ester Irmania,

2021). Justeru, teknologi komunikasi merupakan penyumbang utama kepada kesan budaya yang menyelinap masuk tanpa sedar sehingga membawa kepada intensiti hubungan budaya tempatan dengan budaya dari luar. Hal ini amat menakutkan dunia kini kerana, perubahan yang berlaku dalam orientasi budaya kadangkala memberi impak kepada tadbir urus nilai budaya dalam masyarakat. Contohnya, media sosial merupakan medium utama perubahan budaya. Hal ini dapat dibuktikan daripada pelbagai saluran seperti hiburan yang berbentuk lagu, drama dan fesyen daripada negara Korea atau dikenali sebagai KPOP. Remaja merupakan golongan yang paling banyak terdedah dengan budaya dari negara tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, minat yang terlalu mendalam akan artis idaman mereka, tanpa segan silu mereka merubah cara berpakaian yang menjolok mata. Cara berpakaian kurang sopan seperti itu adalah tingkah laku yang menyimpang dan dilarang daripada agama dan bertentangan dengan adat resam.

Tambahan pula, sesetengah pihak tidak lagi semangat serta tiada jati diri untuk mengekalkan sesuatu budaya yang telah ditinggalkan oleh nenek moyang terdahulu. Hal ini mengakibatkan, budaya yang sedia ada dipandang enteng oleh sesetengah masyarakat jika tidak dikaji dengan lebih mendalam. Masyarakat akan melihat budaya itu sebagai suatu yang sudah tidak mempunyai kepentingan kepada mereka. Mohd Sobhi Ishak dan Norsiah Abdul Hamid (2023), membincangkan pengaruh langsung pemboleh ubah nilai budaya keinsanan terhadap etos bangsa dan hubungan sosial. Beliau mendapati bahawa nilai budaya merupakan faktor utama untuk diacuankan ke dalam komuniti remaja agar pengukuhan nilai perpaduan dalam masyarakat di negara ini dapat diperkasakan secara lebih berfokus.



Kajian tentang isu kesantunan budaya adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan memelihara dan menjaga budaya dalam kehidupan. Pemuda pemudi merupakan aset negara sebagai penggerak bangsa untuk meneruskan perjuangan memelihara budaya yang telah dicipta dan dilahirkan oleh generasi terdahulu dan perlu diperjuangkan sehingga kini. Tersebut adalah beberapa permasalahan kajian yang dapat dibincangkan dan dapat menjadi dorongan kepada pengkaji untuk melaksanakan kajian berkaitan representasi kesantunan budaya dalam masyarakat menerusi novel *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008).

#### 1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada persoalan yang telah dibangkitkan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini secara teliti, seperti:

- I. Apakah bentuk kesantunan budaya yang terdapat dalam teks kajian?
- II. Bagaimanakah bentuk kesantunan budaya dapat diaplikasikan menggunakan pendekatan Ihya' Ulumuddin *rubu' al-Adat* dalam teks kajian?
- III. Apakah kesan kepada individu, masyarakat dan negara menerusi teks kajian?

#### 1.5 Objektif Kajian

Kajian ini mendasari kepada beberapa objektif kajian utama iaitu:

- I. Mengenal pasti bentuk kesantunan budaya yang terdapat dalam teks kajian.
- II. Menganalisis bentuk kesantunan budaya berdasarkan pendekatan *rubu' al-Adat*.
- III. Menjelaskan kesan kesantunan budaya menerusi teks kajian dalam kehidupan individu, masyarakat, negara.

## 1.6 Skop Kajian

Novel *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) merupakan novel yang inspiratif. Pengkaji memilih novel karya Ummu Hani Abu Hasan sebagai bahan acuan dalam penelitian kerana novel ini mengangkat isu mengenai bentuk budaya. Kajian ini berfokuskan kepada kajian kesantunan budaya menerusi novel *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) karya Ummu Hani Abu Hasan dengan mengaplikasikan pendekatan Ihya Ulumuddin. Pengkaji menggunakan pendekatan Ihya' Ulumuddin yang diasaskan oleh Hujjatul Islam Al-Imam Al-Ghazali. Pendekatan ini mengandungi isi *ihya* yang tinggi dan mendalam tentang akhlak dan falsafah hidup. Selain itu, memberi keutamaan kepada situasi dan keadaan, tempat dan masa serta pengembangan falsafah hidup ummat Islam. Imam Al-Ghazali telah membahagikan kitabnya kepada empat bahagian iaitu yang pertama *Al-'Ibadat* (ibadah-ibadah) yang menjelaskan ilmu berkaitan kepelbagaian ibadah, fadilat, keutamaan dan rahsia yang terdapat dalam setiap amalan yang dilakukan oleh individu dapat dilaksanakan dengan tertib dan berterusan. Bahagian yang kedua pula adalah *Al-Adat* (kebiasaan-kebiasaan), dalam bahagian ini ia menjelaskan berkaitan adat istiadat yang tepat mengikut syariat Islam. Seterusnya, bahagian ketiga *Al-'Muhlikat* (perkara yang membinasakan) bahagian ini pula menerangkan pengetahuan berkaitan perkara-perkara yang buruk, tercela dan juga membinasakan manusia tidak kira perkara buruk itu daripada diri sendiri, pergaulan atau keadaan semasa di dunia yang menghalang jalan menuju keredhaan Ilahi. Akhir sekali dalam pendekatan Ihya' Ulumuddin yang keempat iaitu *al-Munjiyat* (perkara-perkara yang menyelamatkan) bahagian yang menghuraikan secara terperinci tentang hal-hal *muqamat* dan *ahwal* yang perlu diharungi oleh seseorang yang merupakan orang mu'min dan beriman. Namun, kajian ini hanya memfokuskan kepada

satu *rubu* sahaja iaitu *rubu' al-Adat*. Hal ini dikatakan demikian kerana, *rubu' al-Adat* ini dilihat sesuai dan paling dominan bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, jelaslah idea yang diangkat oleh penulis bertepatan dengan kajian yang akan dibincangkan oleh pengkaji dalam kajian. Bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu menggunakan kaedah rujukan dan melibatkan kaedah perpustakaan iaitu proses pembacaan serta membuat mengumpulkan beberapa melalui artikel, teks, jurnal, tesis, buku dan kertas kerja yang berkaitan dengan budaya bagi meneliti pembacaan secara kritis ke atas teks. Selain itu, pengkaji juga turut menggunakan pendekatan Ihya Ulumuddin *rubu' al-Adat* sebagai panduan analisis bagi memantapkan lagi hujah analisis kajian. Pengkaji mendapati bahawa melalui pendekatan Ihya Ulumuddin ini dapat memberi panduan dan pemudah cara bagi mengenalpasti faktor dan kesan kesantunan budaya yang terdapat dalam novel *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) karya Ummu Hani Abu Hasan.

Seterusnya, tujuan pengkaji memilih novel *Baromkeh Matamu di Mataku* ini kerana, karya sastera tersebut mempunyai isu yang membincangkan dan merepresentasikan masalah budaya sosial seperti kekeluargaan, kejiranan dan persahabatan pada masa kini yang perlu diketengahkan dan agar dapat membuka mata masyarakat yang masih leka dengan masalah dunia pada masa kini. Terutamanya, terhadap golongan remaja kerana mereka merupakan harapan kepada negara yang sedang mengenal erti kehidupan. Mereka sebaiknya diterapkan dan didedahkan dengan budaya yang sihat dan tidak dipengaruhi oleh budaya luar yang menjadi penyebab utama mempengaruhi akhlak dan jati diri mereka. Melalui gambaran yang ingin disampaikan oleh pengkarya, dapat disimpulkan bahawa kajian ini dapat memberi maklumat dan ilmu yang baru kepada pembaca. Walau

bagaimanapun, pengkaji telah memfokuskan objektif kajian dengan mengenalpasti bentuk kesantunan budaya yang terdapat pada masyarakat yang didasari dalam teks kajian. Ia merupakan satu alternatif yang baharu untuk memaparkan isu tentang kesantunan budaya yang akan memberi manfaat kepada masyarakat melalui kajian ini.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ini dilakukan bagi memahami dan mendalami dengan lebih mendalam tentang kesantunan budaya masyarakat dalam teks *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008). Kajian ini amat penting untuk dilakukan bukan sahaja memberi manfaat kepada pengkaji tetapi juga dapat memberi manfaat kepada masyarakat lain, terutamanya kepada pengkaji-pengkaji yang baru mengkaji tentang bentuk budaya yang terdapat dalam novel seperti kajian ini. Ia juga dapat memberi manfaat kepada pembaca yang mana mereka mendapatkan maklumat berkaitan kajian ini dengan lebih terperinci.

Kepentingan kajian ini kepada bidang pendidikan sastera ialah ia merupakan satu saluran yang dapat merepresentasikan kepentingan budaya. Ki Hadjar Dewantara (1954) menyatakan bahawa pendidikan dan budaya merupakan sistem pengantara. Perkara ini tidak bermakna pendidikan sebagai platform untuk melahirkan generasi berilmu dan cerdas. Malah, pendidikan juga dapat membina minda tingkah laku pelajar mengikut budaya bangsa melalui teks karya sastera. Individu lain juga turut menyatakan bahawa kepentingan menyemai budaya tempatan dalam bidang pendidikan untuk membina jati diri dan identiti kebangsaan. Perkara ini bertepatan dengan impak globalisasi di mana pada era tersebut dapat menghakis identiti dan membawa kepada kebinasaan. Maka, dalam menyemai dan menanam budaya tempatan melalui pendidikan merupakan satu inisiatif

yang strategik untuk meningkatkan kualiti generasi yang mempunyai perwatakan yang baik dan bertamadun dengan melalui pergerakan literasi institusi pendidikan seperti sekolah, universiti dan lain-lain lagi platform pendidikan (Ika Oktavianti et.al, 2017).

Disamping itu, kajian ini dijalankan bagi mendedahkan dan melaksanakan suatu kelainan dengan memperkenalkan budaya timur kepada masyarakat tempatan. Justeru, pengkaji memilih novel *Baromkeh Matamu di Mataku* sebagai wadah untuk memberi pendidikan tentang nilai budaya. Disamping, merentasi negara luar pengkaji ingin mengenal pasti bentuk budaya dan persamaan dengan masyarakat tempatan yang boleh menjadi ikutan dan mempelajari nilai baik yang terdapat pada budaya. Secara tidak langsung dapat berkongsi ilmu pengetahuan yang luas dan dapat memberi manfaat kepada negara dan masyarakat kini. Kajian ini membuktikan bahawa setiap dapatan kajian dan hasil maklumat yang baru dapat menyumbang kepada dana maklumat dan nilai tambah ilmu. Bertepatan dengan itu, teks kajian yang dipilih oleh pengkaji mempunyai tauladan dan pengajaran dalam kehidupan yang boleh diambil iktibar oleh masyarakat.

Seterusnya, setiap nilai-nilai kesantunan budaya yang terdapat dalam novel *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) akan melahirkan masyarakat yang baik dari segi tingkah laku, emosi, rohani, intelek dan jasmani. Jelaslah bahawa, nilai-nilai budaya dapat memberi kesan yang positif kepada masyarakat dengan pendedahan yang lebih mendalam. Kajian ini juga amat penting bagi diri pengkaji yang mana segala nilai-nilai yang dipaparkan dalam teks kajian ini mampu ditelusuri dengan lebih mendalam dan dimanfaatkan kepada masyarakat di Malaysia. Oleh itu, melalui kajian ini juga pengkaji mampu menambahkan lagi pengetahuan yang sedia ada serta mampu mengangkat

kesantunan budaya dalam teks kajian yang sememangnya dapat membentuk sahsiah dan melestarikan budaya yang baik dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia.

Kepentingan yang dapat dilihat dengan jelas oleh masyarakat kini ialah melalui kupasan dan huraian akan kesantunan budaya masyarakat dalam teks *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) secara tidak langsung dapat memberi pendedahan dan pencerahan kepada masyarakat menerusi aktiviti membaca dan menghayati kenyataan dan rutin kehidupan yang dijalani oleh masyarakat terdahulu yang mengamalkan dan menerapkan kepelbagaian budaya dalam meneliti kehidupan seharian masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, pembentukan budaya masyarakat yang dapat bersatu dan hidup secara harmoni dan sejahtera adalah berdasarkan unsur-unsur budaya yang diterapkan sebagai pemangkin dan arus permulaan dalam kehidupan dalam sesebuah masyarakat.

Diharapkan masyarakat pada hari ini mempunyai kesantunan dalam menjalani kehidupan seharian. Hal ini, dapat dilihat melalui cara hidup perhubungan kemasyarakatan yang terjalin, adat resam, agama dan budaya yang dipraktikkan dalam norma seharian yang melihatkan corak kehidupan masyarakat yang bertamadun dengan wujudnya hubungan sosial antara satu sama lain. Contohnya, memberi salam apabila bersua, menghormati semasa orang tua bercakap, berkata sopan dan sebagainya. Pengamalan budaya yang baik dan mempunyai kesantunan dapat mencerminkan akhlak seseorang dan menjadi perisai kepada diri sendiri serta dapat menjaga nama baik sebuah negara.

## 1.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengkaji telah membincangkan mengenai pengenalan kajian pada bab satu ini di mana ia mengandungi latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Pada bahagian latar belakang pengkaji telah memberikan pendedahan berkaitan kajian yang akan dilaksanakan. Pengkaji mendapati bahawa terdapat pelbagai persoalan yang wujud bagi mengenal pasti bentuk kesantunan budaya, menganalisis kesantunan budaya bentuk kesantunan budaya berdasarkan pendekatan *rubu' al-Adat* dan kesan kepada kesantunan budaya menerusi teks kajian dalam kehidupan seharian individu, masyarakat dan negara.



## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 PENGENALAN

Sorotan kajian akan memperlihatkan suatu fakta atau perkara yang telah dirujuk daripada pengkaji lepas digunakan untuk menampung objektif dan menyatakan bahawa teori yang dipilih adalah satu pemilihan teori yang benar dan mempunyai gagasan yang tersendiri serta bukan hanya tekaan semata-mata. Sorotan kajian juga dilakukan bagi memberikan gambaran dan maklumat terhadap kajian yang dilakukan oleh pengkaji agar kajian yang dilakukan oleh pengkaji mempunyai pengukuhan dari segi fakta. Disamping itu, sorotan kajian juga dapat membantu pengkaji dalam mengenal pasti kekurangan terhadap kajian-kajian lepas. Sorotan kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah berdasarkan kepada padanan yang bersesuaian dengan tajuk dan dapat dijadikan sandaran pada kajian serta teori yang digunakan dalam kajian.

Pada bahagian ini pengkaji membataskan tiga subtopik yang membincangkan mengenai tinjauan kajian lepas iaitu yang pertama, kajian lepas terhadap novel. Kedua, kajian lepas terhadap kesantunan budaya dan yang ketiga kajian lepas terhadap pendekatan Ihya Ulumuddin di mana pengkaji menggunakan *rubu al-Adat* yang dipelopori oleh Imam Al-Ghazali. Pengkaji meneliti dan mengkaji penyelidikan lepas yang telah dijalankan oleh para pengkaji sebelumnya. Hal ini, membuktikan bahawa kajian lepas yang dilaksanakan dapat meyakinkan pengkaji akan keberkesanan kejayaan kajian ini. Pemahaman dan penelitian hasil kajian yang dilihat dalam kajian-kajian terdahulu berkait rapat dengan tajuk kajian ini mampu membawa pengkaji untuk menghasilkan sebuah kajian yang lebih baik

dan ilmiah. Kajian lepas ini penting bagi memantapkan lagi hujahan dengan mengemukakan beberapa kajian lepas untuk dijadikan bukti terhadap pelaksanaan kajian.

### 2.1.1 KAJIAN-KAJIAN LEPAS TERHADAP TEKS KAJIAN

Al Afif Hazmar (2023) dalam kajiannya yang bertajuk “*Nilai-Nilai Pendidikan Islam dalam Novel Ketika Cinta Bertasbih Karya Habiburrahman El Shirazy*”. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti nilai-nilai pendidikan Islam yang terdapat dalam diri generasi kini. Walaupun terdapat beberapa generasi muda yang masih mempunyai nilai jati diri, namun masih terdapat segelintir remaja yang kehilangan jati diri dan nilai akhlak untuk membentuk keperibadian diri mereka. Pengkaji memilih novel *Ketika Cinta Bertasbih* untuk dijadikan sebagai bahan utama kajian. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan beberapa kaedah iaitu kaedah menganalisis data dan kaedah kepustakaan bagi mendapatkan maklumat serta data yang sistematik. Hasil dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa nilai-nilai pendidikan Islam yang terdapat di dalam novel *Ketika Cinta Bertasbih* mampu mengubah seseorang ke arah yang lebih baik. Nilai-nilai Islam seperti menjaga kebersihan, bersikap jujur dan bertanggungjawab yang telah disebutkan meliputi nilai pendidikan tauhid, nilai pendidikan ibadah dan nilai pendidikan akhlak serta memenuhi kriteria-kriteria yang terkandung dalam nilai-nilai Islam.

Kajian daripada Yolanda Ginting et.al (2022) yang bertajuk *Analisis Nilai Moral Religius dalam Novel Laskar Pelangi karya Andrea Hirata* membincangkan nilai moral, budaya, kehidupan sosial, dan karya sastera yang dimiliki oleh setiap

kehidupan masyarakat. Melalui penciptaan karya sastera yang memasukkan unsur sesebuah budaya dan kehidupan masyarakat yang mempunyai nilai-nilai sosial dapat memberi pengajaran kepada masyarakat. Sehubungan itu, dalam kajian ini terdapat masalah yang akan diteliti dengan lebih terperinci dari segi nilai-nilai moral yang terkandung dalam novel dan cara nilai moral disampaikan. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data melalui penganalisan novel. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa novel *Laskar Pelangi* ini ingin membawa masyarakat untuk berkelakuan baik, seperti menghormati ibu, bapa, dan guru, menepati masa, berdisiplin dan lain-lain lagi. Sikap yang baik dapat dijadikan sebagai pedoman dengan mengkaji nilai-nilai moral yang dipaparkan dalam novel pada setiap watak.

Noriyana Abdul Rashid dan Arnida A Bakar (2022), dalam kajian “*Prosedur Terjemahan Perkataan Berunsur Budaya Ekologi dalam novel Zainab Arab-Melayu : Satu Kajian Analisis*” telah mengkaji tentang penyelidikan dalam mengenalpasti unsur budaya yang terdapat dalam teks sastera iaitu unsur budaya ekologi. Selain itu, mereka juga meninjau tentang prosedur terjemahan yang diaplikasikan semasa merentasi budaya bahasa sasaran untuk memindahkan maksud unsur budaya ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan analisis dokumen dengan prosedur yang dipelopori oleh Newmark. Melalui analisis kajian Noriyana dan mendapati bahawa karya novel berbahasa arab hasil nukilan Muhammad Husayn Haikal ini lebih menumpukan kepada budaya ekologi di mana latar tempat dalam novel mempunyai persekitaran yang

melibatkan topografi seperti mempunyai musim yang pelbagai, unsur ekologi flora yang tumbuh di sesuatu kawasan dan fauna yang hidup di daerah tersebut.

Mila Karmila, Ferina Meliasanti dan Sutri (2021) dalam kajian mereka yang bertajuk *Nilai Pendidikan Karakter Dalam Novel Tiga Matahari Karya Prito Windiarso* telah melakukan kajian berkaitan kehidupan bersosial dalam menerapkan nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, toleransi, menyayangi dan lain-lain lagi. Kajian ini mengangkat isu yang berlaku pada akhir-akhir ini di mana terdapat banyak isu yang terjadi dalam institusi kekeluargaan, masyarakat dan institusi persekolahan. Kerosotan akhlak mula dikesan telah bermula sejak kebelakangan ini, antaranya perlakuan devian oleh sesetengah remaja, berbahasa kasar, berlakunya pemerkosaan di bawah umur, gangguan seksual, aktiviti menghisap dadah, pergaduhan antara kumpulan dan keruntuhan nilai cinta terhadap tanah air. Sehubungan itu, pengkaji telah membataskan novel *Tiga Matahari* sebagai kajian kerana, terdapat nilai-nilai pendidikan yang dapat dicontohi oleh pembaca khususnya kepada golongan pelajar dan pengkaji ingin mengupas watak dalam novel *Tiga Matahari* karya Prito Windiarso ini. Pengkaji menggunakan kaedah analisis deskriptif yang mendasari kepada pendekatan pragmatik sastera dan mempraktikkan teori Kementerian Pendidikan Negara. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa, novel *Tiga Matahari* dapat memberikan nilai-nilai yang baik iaitu nilai-nilai pendidikan seperti menerapkan keagamaan, disiplin, menghargai sebuah pencapaian, cintakan kedamaian, minat membaca, mencintai alam sekitar, meningkatkan rasa ingin tahu yang tinggi dan bertanggungjawab yang dapat

dijadikan ikutan atau pembelajaran oleh mahasiswa dan mahasiswi serta pembaca novel yang lain.

Seterusnya, kajian oleh Mar'atus Sholihah, Cutiana Windri Astuti dan Lusy Novitasari (2022) dalam kajiannya yang bertajuk *Kajian Sosio-budaya Sekolah Berasrama Penuh Islam dalam Novel Kembara Rindu oleh Habiburrahman El Shirazy* kajian ini bertujuan untuk menerangkan aspek sosio-budaya di pesantren dan gelak tawa pelajar terhadap Kyai. Pengkaji telah mengkaji kajian ini kerana telah dilihat terdapat kelompangan terhadap kajian lepas yang telah dibuat oleh para sarjana terdahulu. Objektif kajian kajian ini adalah untuk menganalisis aspek sosiobudaya pondok pesantren dan tawa murid terhadap Kyai. Pengkaji telah membataskan kajian ini kepada karya Habiburrahman El Shirazy iaitu *Kembara Rindu* dengan menggunakan kaedah kualitatif deskriptif untuk menganalisis data. Hasil kajian yang diperolehi pengkaji ialah novel *Kembara Rindu* ini telah memaparkan hubungan antara murid dan guru serta sikap baik yang perlu menjadi kebiasaan ketika berhadapan dengan guru seperti memberi salam apabila bertemu dengan guru, mula bercakap dengan guru apabila mendapat keizinan dan taat perintah guru kecuali arahan yang tidak bermoral.

Fathin Noor Ain Ramli dan Azhar Wahid (2019) di dalam kajiannya yang bertajuk *Pengurusan Identiti Bangsa dalam Trilogi Karya Hamka: Suatu Pengenalan* yang dikaji oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelompangan dalam kajian lepas berkaitan pengurusan identiti bangsa. Objektif kajian ini dijalankan oleh pengkaji ialah untuk mengenal pasti pengurusan identiti bangsa Melayu dan melihat kesesuaian Teori Teksdealisme dalam menganalisis

pengurusan identiti bangsa yang berlandaskan novel Hamka iaitu *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, *Merantau Ke Deli* dan *Di Bawah Lindungan Ka'abah*. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks kandungan. Kaedah yang membantu pengkaji mengumpul dan menganalisis data daripada ketiga-tiga novel tersebut. Seterusnya pengkaji juga telah mengaplikasikan teori Teksdealisme dan digabungkan bersama 14 Rubu' al-Adat Asas Pengurusan yang dipelopori oleh Henry Fayol bagi mengukuhkan dapatan kajian. Rumusan daripada kajian ini, pengkaji berharap supaya kajian ini dapat memberi manfaat kepada ahli-ahli sastera terutamanya ahli yang terlibat dalam aspek pengurusan sastera. Selain itu, dapat menambah ilmu pengetahuan yang mendalam dalam bidang pengurusan bagi mencapai objektif kajian penubuhan mereka.

Cindy Aulia Kartikasari (2021) dalam kajiannya *Analisis Sosiologi Sastra Nilai-Nilai Pendidikan Karakter Novel Hafalan Shalat Delisa Karya Tere Liye dan Relevansinya dalam Pembelajaran Sastra di SMA*. Objektif kajian dalam kajian ini adalah untuk menerangkan struktur binaan novel *Hafalan Shalat Delisa* karya Tere Liye, menghuraikan nilai-nilai pendidikan watak dan menghuraikan perkaitan novel *Hafalan Shalat Delisa* dalam menuntut ilmu sastera di sekolah menengah. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dengan teknik pengumpulan data melalui kaedah kepustakaan dengan menganalisis data. Selain itu, unsur intrinsik yang dijelaskan dalam kajian ini adalah pengkaji mengangkat tema agama, perjuangan dan ketabahan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa, mesej yang ingin dalam novel ini adalah setiap musibah yang menimpa dalam hidup seseorang

haryslah diambil pengajaran dan iktibar agar dapat menyelamatkan dan mencegah seseorang daripada membuat kesilapan yang lalu. Selain itu, dapatan daripada kajian ini menerusi novel *Hafalan Shalat Delisa* ini mampu mengajak masyarakat terutama pelajar sekolah yang masih muda untuk berperwatakan baik seperti jujur, sentiasa semangat, berdisiplin, kreatif, berdikari, berpengetahuan luas gemar membaca. Sehubungan itu, novel ini juga layak untuk menjadi bahan bacaan di peringkat sekolah.

Abdul Aziz (2021) dalam kajiannya yang bertajuk *Analisis Nilai Pendidikan dalam Novel Sepatu Dahlan Karya Khrisna Pabhicara* sebuah kajian mengenai nilai-nilai pendidikan yang wujud dalam sastera. Kajian ini dilakukan oleh pengkaji kerana terdapat beberapa kelompangan dalam kajian lepas. Oleh itu, kajian yang dilaksanakan ialah untuk mengetahui huraian-huraian nilai pendidikan dalam novel *Kasut Dahlan* karya Khrisna Pabhicara yang berjumlah 369 halaman. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dengan menghuraikan nilai pendidikan dalam novel tersebut dengan menggunakan kaedah dokumentasi terhadap teks kajian. Pengkaji juga mengaplikasikan pendekatan nilai pendidikan untuk menguatkan lagi hasil data untuk dianalisis. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa, maklumat mengenai nilai pendidikan boleh diperolehi dari segi nilai pendidikan agama dengan ikhlas, tabah, kerajinan dan ketakwaan dimiliki oleh watak Dahlan.

Galuh Farah Rahma Yunita dan Sugiarti Sugiarti (2020) dalam kajiannya *Kajian Mitos dalam Novel Aroma Karsa Karya Dewi Lestari: Pespektif Ekologi Budaya* kajian berkaitan dengan fakta mitos, fungsi mitos dan hubungan mitos

dengan persekitaran budaya. Hal ini kerana, masyarakat dan persekitaran budaya tidak dapat dipisahkan dari aspek penciptaan karya sastera. Pengkaji menggunakan kaedah analisis deskriptif untuk menggambarkan mitos dalam novel dengan melibatkan persekitaran budaya. Data yang didapati adalah dalam bentuk susunan cerita, petikan unit cerita dalam bentuk petikan langsung, dialog dan monolog mengenai mitos. Pengkaji juga telah mengaplikasikan teori strukturisme Claude Levi-Strauss dalam bentuk miteme iaitu unsur kecil dalam mitos. Hasil kajian mendapati bahawa, mitos masih lagi wujud dan dipercayai benar oleh masyarakat. Buktinya, kehadiran Puspa Karsa dan tokoh mitologi lain membuktikan fungsinya tersendiri iaitu dengan memberikan pemahaman bahawa terdapat kuasa lain yang wujud bersama dengan manusia.

Amalia dan Zona (2021) dalam kajiannya *Kajian Nilai Sosial Dan Budaya Novel The Dreamer oleh Andrea Hirata*. Objektif kajian ini adalah menerangkan nilai-nilai sosial, nilai-nilai budaya dan implikasi nilai sosial dan budaya yang terdapat dalam novel *The Dreamer*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dengan menganalisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa nilai-nilai sosial dan budaya dalam novel *The Dreamer* ini mempunyai nilai sosial yang hebat seperti nilai kecantikan, nilai moral dan sahs, dalam nilai moral ia mengandungi empat jenis nilai moral yang didapati iaitu keazaman dan komitmen, rendah hati, bantuan kasih sayang. Implikasi nilai sosial dan budaya dalam novel *The Dreamer* dalam kehidupan seharian adalah dapat membentuk personaliti yang baik dalam diri, memupuk semangat toleransi antara manusia lain dan mampu mewujudkan rasa kekeluargaan yang dekat dengan persekitaran.



### 2.1.2 Kajian-Kajian Lepas Terhadap Kesantunan Budaya

Kiftian Hady Prasetya, Hani Subakti, dan Ari Musdolifah (2022) menerusi kajian berjudul "*Pelanggaran Rubu' al-Adat Kesantunan Berbahasa Peserta Didik Terhadap Guru Sekolah*" telah melakukan kajian berkaitan dengan kesantunan budaya dalam berkomunikasi. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dan pengaplikasian pendekatan pragmatik. Melalui analisis kajian kesantunan merupakan sesuatu kemestian yang harus diamalkan dalam setiap percakapan perkara ini telah disepakati dan dipersetujui oleh suatu masyarakat. Rentetan itu, dengan menggunakan kesantunan dalam berkomunikasi, perselisihan faham yang berlaku dalam kalangan masyarakat tersebut dapat dihindari. Oleh itu, masyarakat sebaiknya menuturkan bahasa tanpa melibatkan unsur-unsur yang negatif seperti sifat yang memaksa dan sombong.

Selain itu, Farah Nur Dini dan Maheram Ahmad (2020), turut menjalankan kajian yang berjudul *Tinjauan Literatur Aspek Kesantunan dalam Kajian Terjemahan*. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti pendekatan yang telah dilakukan dalam kajian-kajian lepas berkaitan dengan penterjemahan dan kesantunan bahasa serta menganalisis keperluan kajian masa kini. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif untuk menganalisis data secara deskriptif dengan menggunakan kaedah perpustakaan bagi mendapatkan data. Hasil dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa, budaya memainkan peranan penting dalam aktiviti terjemahan maka, secara langsung ia berkait rapat dengan aspek kesantunan bahasa yang merujuk kepada nilai sopan, di mana perkara tersebut melibatkan pertuturan yang elok, halus dan indah serta sikap yang memancarkan budi pekerti mulia.

Menurut Abdul Wahab Syakhrani, (2022) dalam kajiannya yang bertajuk *Islam Sebagai Agama Dan Islam Sebagai Budaya Dalam Masyarakat Banjar* menyatakan bahawa dalam agama Islam berfikiran terbuka dalam memilih dan membuat tapisan terhadap nilai budaya serta tradisi yang sedang bertambah dalam kehidupan masyarakat setempat. Jika terdapat nilai budaya dan tradisi tempatan yang tidak sehaluan dengan syariat yang ditetapkan oleh agama Islam, maka perubahan akan dibuat mengikut konteks Islam di mana reformasi budaya akan berlaku untuk mengekalkan budaya tempatan bertepatan dengan nilai-nilai Islam. Walaupun perkara seperti itu sukar untuk dihindari kerana pengaruh tempatan. Perkara tersebut tidak akan menjadi penghalang kepada budaya Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana, konsep Islam yang bersifat holistik dan mempunyai unsur tetap akan menjadi pedoman dalam segala aspek kehidupan.

Disamping itu, Mohd Rosli Saludin dan Muhammad Sufi Ahmad Nazri (2020), dalam kaji mereka yang bertajuk *Adab Masyarakat Melayu Lama dalam Hikayat Hang Tuah* budaya menghormati tetamu dalam kalangan masyarakat orang Melayu merupakan satu amalan dan tradisi daripada zaman nenek moyang terdahulu diikuti oleh generasi kini. Masyarakat pada zaman dahulu melayani tetamu dengan rendah diri tanpa mengira budaya, agama walaupun tetamu yang datang bertandang mempunyai niat jahat. Peristiwa hormat-menghormati yang wujud dalam kalangan masyarakat zaman dahulu seperti yang digambarkan menerusi hikayat Hang Tuah dapat dijadikan contoh oleh generasi pada masa kini khusus berkaitan dengan nilai kesantunan melayan tetamu yang diamalkan oleh moyang terdahulu.

Syarifah Alawiyah et.al (2020), menerusi kajian mereka yang bertajuk “*Adab Berpakaian Wanita Muslimah Sesuai Tuntunan Syariat Islam*”. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis cara muslimah berpakaian mengikut perspektif Islam. Hal ini kerana pada masa kini cara wanita berpakaian tidak sesuai dengan kehendak Islam seperti memakai tudung tetapi masih menampakkan bentuk tubuh. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan mencari maklumat di perpustakaan, mentafsir bahan bacaan seperti artikel, buku-buku dan carian di laman sesawang. Hasil kajian menunjukkan bahawa aurat adalah bahagian tubuh manusia yang menurut syariat Islam harus ditutup dengan pakaian yang menepati syarat dan tidak boleh diperlihatkan kepada orang lain.

Ganjar Wibowo, (2019) dalam kajiannya yang bertajuk *Represetasi Perempuan dalam Film Siti* merupakan sebuah filem yang menceritakan tanggungjawab seorang ibu, isteri, yang harus mencari sumber pendapatan mereka sendiri untuk menyara anak-anak. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah semiotik oleh Roland Barthes sebagai panduan bagi mendapatkan analisis kajian. Terdapat tiga perkara yang hendak ditekankan dalam filem ini iaitu tidak menampilkan watak Siti yang merupakan seorang wanita yang tabah dan kuat. Kedua, unsur tempatan tetap menjadi keutamaan tanpa dihiraukan dan dipermainkan. Ketiga, kajian sinematik yang minima dan sederhana membantu dalam menyampaikan pesanan dalam filem kepada penonton dengan baik. Kesimpulannya, kajian dalam filem ini adalah untuk mengangkat watak wanita Jawa yang hidup dalam kesukuan budaya patriarkal tanpa melibatkan unsur feminisme dan ketidaksamarataan gender.

Selain itu, kajian dalam bidang kesantunan dilakukan oleh Putri Adrian Sapitri et.al (2019) menerusi kajian yang bertajuk *Exploring Brown and Levinson's Politeness Strategies: An Explanation on the Nature of the Politeness Phenomenon* dalam buku yang bertajuk Kesopanan (*Some Universals in Language Usage*) bertujuan untuk mengkaji semula strategi kesantunan Levinson dan Brown. Penyelidikan ini adalah tentang strategi kesantunan dari segi sosial dan linguistik. Brown dan Levinson (1978) terdapat banyak teori yang telah diwujudkan untuk menerangkan fenomena kesopanan pada komunikasi lisan dan bukan lisan. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan pendekatan analisis. Kajian mendapati bahawa konsep kesantunan yang dibawa oleh Brown dan Levinson pada masa kini masih relevan untuk digunakan dalam komunikasi lisan dan bukan lisan.

Kajian oleh Nurfadhilah Bakhtiar Hamzah, Rahman Rahim dan Iskandar (2022) di dalam kajian mereka yang bertajuk *Kerasan Verbal pada Media Sosial Facebook ditinjau dari Perspektif Penyimpangan Kesantunan Berbahasa* yang telah dikaji oleh pengkaji kerana dilihat terdapat beberapa kelompongan di dalam kajian lepas oleh para sarjana. Sebuah kajian yang membincangkan isu etika bahasa yang saat ini kurang mendapat perhatian di media sosial. Misalnya, penggunaan bahasa yang telah mengubah corak bahasa ke arah yang negatif. Para pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dan menggunakan teknik persampelan. Hal ini bertujuan untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan dalam kajian mereka. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa terdapat beberapa bentuk kekerasan lisan dalam pelbagai situasi. Menurut klasifikasi

Kesworo dalam Utoro terdapat enam bentuk kekerasan lisan iaitu, kata makian, eufemisme, disfemisme, stigmatisasi, hiperbola, dan pergaulan haiwan. Bentuk kekerasan lisan ini kerap kali diungkapkan di media sosial iaitu di aplikasi *Facebook*. Hal ini memaparkan bahawa masyarakat Indonesia masih belum mampu menggunakan bahasa yang sopan. Hal ini terjadi kerana, kurangnya kesedaran dalam diri masyarakat dalam etika ketika berkongsi atau memberi komen daripada media sosial. Kesannya, tingkah laku devian terhadap kesantunan berbahasa melalui kekerasan lisan di media sosial ini telah menjadi punca terbesar dalam menggalakkan penggunaan bahasa yang keterlaluan sehingga dapat mengubah corak kehidupan budaya yang positif kepada negatif.

Muhammad Arif Syihabuddin (2019) dalam kajiannya yang bertajuk *Budaya Organisasi Lembaga Pendidikan dalam Perspektif Islam*, dari Institut Keislaman Abdullah Faqih (INKAFA) Gresik, Indonesia dalam kajiannya membincangkan budaya organisasi dengan berfokuskan kepada kajian tentang budaya organisasi menurut perspektif Islam. Kajian ini membuktikan terdapat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi budaya organisasi Pendidikan Islam. Sehubungan itu, pengkaji juga telah melakukan kajian tentang hubungan budaya dengan Islam, serta budaya yang berkonsepkan Islam. Kajian yang digunakan oleh pengaji adalah dengan mencari pelbagai kajian-kajian lepas daripada pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan kajian. Hasil kajian mendapati bahawa, kajian ini telah berhasil mendapatkan beberapa definisi budaya organisasi sebagai falsafah daripada tokoh-tokoh. Contohnya, Greenberg dan Baron mentakrifkan budaya organisasi itu adalah sebagai suatu kerangka kerja kognitif yang berbentuk nilai-

nilai, sikap, norma, dan harapan yang telah dipersetujui secara bersama oleh seluruh anggota organisasi. Justeru, budaya organisasi mempunyai asas yang berbentuk satu ciri-ciri teras yang dinilai secara holistik dan teguh oleh semua organisasi. Selain itu, terdapat tiga proses dan peringkat dalam membentuk budaya organisasi, kewujudan hubungan antara budaya dan Islam, hubungan tersebut menjadi bukti bahawa Islam adalah asas, Rubu' al-Adat, pengawal dan panduan. Tambahan pula Islam merupakan sumber nilai dalam pembangunan budaya. Akhir sekali, budaya organisasi dalam institusi Pendidikan Islam merujuk kepada nilai kebersamaan, sangkaan asas dan artifak yang diterima pakai oleh institusi Pendidikan Islam seperti sekolah pondok, madrasah dan Institusi Pengajian Tinggi Islam.

Annisa Dwi Hamdani (2021) dalam kajiannya yang bertajuk *Pendidikan di Era Digital yang Mereduksi Nilai Budaya* kajian ini bertujuan untuk melakukan memberikan gambaran mengenai pendidikan dalam era digital yang menghakis nilai budaya dalam kalangan masyarakat. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif melalui pendapat pakar, kajian lepas dan menggunakan teknik pengumpulan data daripada beberapa jurnal dan buku ilmiah. Akhir-akhir ini perkembangan teknologi berlaku begitu pantas yang dapat memberi impak yang begitu besar kepada dunia. Sehubungan itu, perkembangan teknologi juga membawa kepada perkara negatif dan positif dalam kehidupan manusia antara kesan negatif yang berlaku adalah dapat mengurangi nilai budaya sehingga terdapat institusi yang perlu mengembalikan semula dan menanam nilai budaya Indonesia menerusi proses pembelajaran dan pendidikan. Selain itu, literasi teknologi juga diperlukan bagi semua masyarakat agar mereka dapat menapis maklumat yang

terkandung dalam teknologi. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa, masyarakat merupakan penggerak utama dan peranan yang amat penting untuk melaksanakan dan mengekalkan nilai-nilai budaya yang telah tersemat agar tidak mudah dihakis oleh arus globalisasi. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendidikan, budaya dan masyarakat merupakan komponen yang bersepadu dan tidak dapat dilepaskan, baik di era digital mahupun di era sebelumnya.

### 2.1.3 KAJIAN-KAJIAN LEPAS PENDEKATAN IHYA ULUMIDDIN

Fadlullah, Mohamad Imron dan Suklani (2023) dalam kajian yang bertajuk *Perkembangan Moral Menurut Al Ghazali dalam Kitab Ihya Ulumuddin* ini mengkaji tentang faktor yang mempengaruhi perkembangan akhlak dan tahap perkembangan akhlak menurut perspektif Al-Ghazali. Penelitian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis kitab Ihya' Ulumuddin bab *Rayadhah An-nafs* (pelatihan jiwa) karya Al-Ghazali. Hasil kajian mendapati bahawa corak didikan dan masyarakat sekeliling merupakan faktor perkembangan akhlak, malah dalam penelitian ini juga menemukan bahawa manusia mempunyai tingkat perkembangan akhlak sehingga dapat mencapai tahap terbentuknya akhlak yang terpuji.

Seterusnya, kajian mengenai nilai yang dilakukan oleh Mahsusiyyah, dan Lailatul (2021) dalam kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak Dalam Kitab Ihya' Ulumuddin Karya Imam Ghazali (Studi Analisis Bab Adabul Ulfah Wal Ukhwah)*. Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu yang pertama untuk menganalisis dan mengkaji pemikiran Imam Ghazali tentang nilai pendidikan

akhlak bab *adabul ulfah wal ukhwah* dalam kitab Ihya'Ulumuddin dan yang kedua untuk mengetahui implementasi nilai-nilai pendidikan akhlak yang terkandung pada bab *Adabul Ulfah Wal Ukhwah* dalam kitab Ihya' Ulumuddin karya Imam Ghazali dalam kehidupan seharian. Dalam kajian ini mendapati bahawa nilai merupakan sesuatu yang berharga, bermutu bagi seseorang manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana, seseorang itu dapat dinilai melalui perwatakan yang ada pada diri individu tersebut. Antara nilai yang perlu ada pada diri seseorang adalah bertakwa kepada Allah, bersikap hati-hati ketika memilih rakan, amanah, menjaga lisan, bersikap pemaaf dan sebagainya. Oleh itu, amatlah penting penanaman nilai-nilai pendidikan akhlak bagi generasi muda pada masa kini bagi melahirkan modal insan yang berguna kepada agama, bangsa dan masyarakat.

Arri Salaeh et.al (2023) dalam kajian yang bertajuk *Character Education Concepts in Ihya' Ulumuddin* mengenai konsep pendidikan akhlak Imam Al-Ghazali dalam Ihya' Ulumuddin. Penyelidikan ini dibuat atas dasar berlakunya kemerosotan moral dalam era globalisasi semasa yang telah berlaku dalam keluarga, pihak sekolah dan masyarakat. Bagi mengkaji akhlak Imam Al-Ghazali dalam Ihya' Ulumuddin ini pengkaji menggunakan kaedah kualitatif serta menggunakan teknik analisis kandungan untuk mengetahui faedah dan kesan. Melalui analisis kajian mendapati bahawa terdapat dua unsur pendidikan dalam mengenali perwatakan Imam Al-Ghazali iaitu keikhlasan beliau dalam beribadah kepada Tuhan dan budi pekerti yang tercermin dalam akhlak yang baik dan mendalam.



Kajian mengenai pendekatan Ihya Ulumuddin daripada Widia Jati Ningrum, Nirwan Syafrin dan Hasan Basri Tanjung (2022) yang bertajuk *Metode Dakwah pada Anak Usia Dini Menurut Imam Al-Ghazali dalam Kajian Kitab Ihya Ulumuddin*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis kaedah yang sesuai digunakan pada peringkat awal kanak-kanak menurut pandangan al Ghazali terhadap golongan kanak-kanak dalam kitab Ihya' Ulumuddin. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dengan menggunakan kajian literatur dan analisis kandungan. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah dakwah kerana ia merupakan satu faktor kejayaan dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat. Konsep kehidupan Islam melalui dakwah yang diperkenalkan pada peringkat awal kanak-kanak merupakan satu fasa yang wajar dan mesti dilaksanakan. Hasil kajian mendapati bahawa, dari sudut al Ghazali mengenai peringkat awal kanak-kanak dalam kitab Ihya Ulumuddin yang tepat digunakan untuk kanak-kanak pada peringkat awal adalah *bil-hikmah*, *dakwah bil hikmah*, *da'wah al-mau'izah al-hasanah*, *dakwah bil hal*, kaedah dakwah dalam dunia pendidikan, kaedah dakwah terapan, *dakwah bi al-takrir wa al-muroja'ah*, *dakwah bi tabsyir wa tandzi*, kaedah dakwah dengan pengawasan, *dakwah bil qishah*, dan *dakwah bi lu'bah*.

Kajian pendekatan Ihya Ulumuddin yang seterusnya telah dilakukan oleh Latifah dan Siti Nur (2021) yang bertajuk *Pemikiran Al-Ghazali Tentang Pendidik dan Peserta Didik Dalam Kitab Ihya'ulumuddin* kajian terhadap akhlak dan sopan santun yang semakin memburuk di era moden dan negara yang kian maju. Tambahan pula, yang semakin menggerunkan adalah dunia pendidikan yang sangat memerlukan bimbingan daripada pendidik yang mempunyai perwatakan yang

menepati piawaian agar dapat menjadi teladan dan contoh kepada anak didik khususnya bagi generasi pada masa kini. Kajian ini meneliti permasalahan utama iaitu pemikiran al-Ghazali tentang pendidik dalam kita Ihya' Ulumuddin. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah penelitian kepustakaan dengan pendekatan kajian tokoh yang membantu pengkaji untuk mengkaji biografi, pemikiran dan karya-karya lain bagi mendapatkan maklumat. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa menurut al-Ghazali pendidik atau pengajar haruslah berusaha dalam mendekati diri kepada Allah SWT demi menolong agama Allah. Tambahan lagi, pendidik haruslah mempunyai niat iaitu mengajar untuk akhirat demi mendapat keredhaan Allah SWT semata-mata. Selain itu, pendidik menurut al-Ghazali haruslah sentiasa mengingatkan anak muridnya tentang pencipta iaitu Allah SWT dan kebaikan yang membawa kepada akhirat.. Maka, dapat menghasilkan dan melahirkan insan yang bermoral dan mewujudkan keserasian antara pelajar dan guru.

Kajian seterusnya oleh, Antlata Digi Maulana Syah, M. Anang Sholikhudin dan Achmad Yusuf (2023) dari Universitas Yudharta Pasuruan, East Java, Indonesia dalam kajian mereka yang bertajuk *Konsep Pendidikan Karakter Al-Ghazali dalam Kitab Ihya' Ulumuddin dan Relevansinya Terhadap Projek Penguatan Profil Pelajar Pancasila*. Kajian yang membincangkan isu perkembangan pendidikan akhlak dalam kalangan murid di sebuah sekolah di Indonesia. Isu ini telah mencetuskan bagi pembentukan paradigma perkembangan perwatakan seorang remaja menjadi lebih buruk. Oleh hal yang demikian, konsep pendidikan menurut kitab Ihya' Ulumuddin dan projek membina personaliti pelajar

pancasila telah dilaksanakan. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa, kajian ini telah pun berjaya mendapatkan konsep yang dapat dipraktikkan kepada pelajar bagi membaik pulih akhlak remaja. Terdapat tiga konsep dalam membina kepribadian pelajar yang pertama, berfokuskan kepada keutamaan belajar dan mengajar, mengasuh, membimbing secara berperingkat, adab bergaul dengan orang, adab hidup dengan akhlak yang baik. Konsep kedua pula, konsep pendidikan perwatakan dalam menguatkan personaliti pelajar pancasila pada penelitian yang menekankan kepada enam dimensi iaitu beriman dan bertakwa kepada Tuhan yang Maha Esa, dan berakhlak mulia, bekerjasama, berfikiran kreatif dan inovatif. Konsep ketiga yang terakhir adalah konsep pendidikan perwatakan pada Kitab Ihya' Ulumuddin untuk membantu dalam pengembangan perwatakan pelajar untuk melahirkan generasi yang berperwatakan baik dan matang dalam mengharungi kemajuan negara di peringkat global yang mendasari kepada pengajaran Kitab Ihya' Ulumuddin.

Dodi Robiansyah dan Ii Rahmanudin (2023), dalam kajian yang bertajuk *Qashr dalam Kitab Ihya Ulumuddin Ruhu' Ibadah karya Imam Al-Ghazali* kajian ini adalah untuk mengetahui kaedah Qashr dan untuk mengetahui tentang pembahagian Qashr dan maksud jumlah yang terkandung Qashr dalam kitab Ihya' Ulumuddin Ruhu' Ibadah dalam karya Imam Al-Ghazali. Qashr adalah cabang ilmu ma'ani atau dalam makna lain Qashr ini mengkhususkan sesuatu pada sesuatu dengan menggunakan langkah-langkah tertentu. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan iaitu menggunakan kaedah deskriptif analitik. Selain itu, juga untuk mendapatkan data yang lebih mendalam, menentukan sumber data dan untuk

menentukan jenis data kajian teknik pengumpulan data dengan pustaka dan dokumentasi, serta bagi analisis dan mengolah data. Terdapat peringkat-peringkat yang telah digunakan dalam kajian iaitu peringkat deskripsi data, peringkat klasifikasi data iaitu dengan mendeskripsikan data-data dan dikelaskan atau dikelompokkan mengikut permasalahannya. Kajian ini mendapati bahawa, dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* dengan pendekatan *Qashr Ulumuddin Rubu' Ibadah* daripada bab ilmu sehingga bab solat terdapat 60 uslub *Qashr*.

Anny Musta'inah (2021) dalam kajiannya yang bertajuk *Konsep Pendidikan Mentl Spiritual dalm Kitab Ihya ,Ulumuddin Al-Ghazali*. Kajian ini mendasari empat Rubu' al-Adat teori pendidikan mental spiritual yang dibangunkan oleh Imam al-Ghazali yang pertama, penanaman Rubu' al-Adat dasar ilmu dan akidah kedua, pembiasaan amal-amal lahiriyah ketiga, melatih diri dalam mensucikan diri dari akhlak tercela (*tazkiyatun nafs*) dan yang keempat pembiasaan dalam berperilaku mulia (*ahlakul karimah*). Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti konsep pendidikan mental-rohani yang terdapat dalam kitab *Ihya Ulumuddin* yang tertumpu kepada pendidikan kerohanian. Selain itu, kajian ini adalah untuk menghuraikan kaedah-kaedah dalam mendidik rohaniah serta melahirkan generasi muda menuju insan kamil melalui pendidikan mental-rohani menerusi *Ihya' Ulumuddin*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengaplikasikan pendekatan normatif. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah analisis kandungan iaitu jenis deskriptif analitik untuk menghuraikan dan menganalisis konsep pendidikan mental rohani yang terkandung dalam kitab *Ihya' Ulumuddin*. Hasil kajian mendapati bahawa, konsep pendidikan mental rohani

dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* adalah untuk pendidikan jiwa manusia yang berfokuskan kepada aspek spiritual iaitu roh, qalbu, akal, dan nafsu dengan matlamat untuk mengajar. Aspek kerohanian ini mempunyai hubungan yang baik dengan Allah SWT di mana dapat mendidik manusia merendahkan diri di hadapan Allah SWT, tunduk dan patuh kepada manhaj-Nya melalui empat Rubu' al-Adat teori pendidikan mental spiritual yang telah dijelaskan.

Kajian mengenai adab murid dengan guru oleh Winda Sari, Aprilia, Mahfuz dan Taqiyuddin, M. (2022) membuat kajian menurut Imam Al-Ghazali dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* yang bertajuk *Konsep Al-Ghazali Tentang Adab Murid dan Guru Dalam Kitab Ihya' Ulumuddin Dan Relevansinya Dengan Pendidikan Modern*. Objektif kajian ini adalah untuk mendalami adab pelajar menurut Imam Al-Ghazali dalam kitab *Ihya' Ulumuddin* di era moden ini. Pengkaji menggunakan kajian kepustakaan iaitu kajian yang menggunakan kajian literatur dengan meneliti pelbagai buku berkaitan konsep Al-Ghazali tentang adab pelajar dengan guru dan teknik sistematik untuk memproses dan menganalisis kandungan mesej. Hasil kajian mendapati bahawa, masih ramai pendidik yang mempraktikkan konsep pendidikan akhlak yang diajar oleh Imam al-Ghazali. Namun, terdapat perbezaan dalam pemikiran dan kes yang dihadapi, seperti Imam al-Ghazali mendidik mengikut tahap umur dan tidak bersifat mutlak. Manakala, pendidikan pada zaman kontemporari ini bersifat dinamik dan dibatasi nilai-nilai konsep pendidikan yang masih relevan.

Kajian oleh Umma Farida (2022) dalam kajian yang bertajuk *Potret Perempuan dalam Kitab Pesanten di Indonesia: Telaah terhadap Kitab Ihya' Ulum*

*ad-Din Karya Imam al-Ghazali*. Kajian ini berkisarkan gambaran peranan wanita dalam perkahwinan menerusi kitab klasik Islam *Ihya'Ulumuddin* yang dikarang oleh Abu Hamid al-Ghazali yang diajar secara meluas di sekolah pondok di Jawa Tengah, Indonesia. Pentafsiran buku ini memberi kesan yang signifikan terhadap pemikiran, keperibadian dan sikap masyarakat sekolah pondok. Pengkaji telah membataskan kajian dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan deskriptif kritis untuk mendapatkan data yang lebih lengkap dan mendalam. Kajian mendapati bahawa, pandangan al-Ghazali terhadap wanita dalam *Ihya* berbeza dengan pandangannya sebelum diasingkan. Wanita perlu dibimbing dan wanita yang baik menurut al-Ghazali adalah wanita yang dapat menjaga kehormatan dirinya, berakhlak mulia, bersopan santun, suka menghargai dan sentiasa bersyukur.

## 2.5 Kesimpulan

Keseluruhannya, bahagian ini telah menyatakan dengan memaparkan kepada pengkaji untuk melaksanakan penyelidikan yang mantap dan juga memilih pendekatan yang bersesuaian dengan tepat. Sorotan kajian yang dipilih tersebut bertepatan dengan tajuk penyelidikan dan kerangka kajian yang diingini dan dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji berharap bahawa kesemua sorotan kajian yang telah dinyatakan daripada kajian lepas dalam bab dua ini dapat dijadikan sebagai penanda aras dalam menyelesaikan kajian ini. Pengkaji dapat menjadikan kajian yang lepas ini sebagai sumber rujukan yang sah. Akhir sekali, dengan melakukan sorotan kajian ini pengkaji dapat membuat kesinambungan dan menjangka beberapa perkara yang dapat mewujudkan suatu penyelidikan yang baik.

## Bab 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Pada bab tiga ini, pengkaji membincangkan mengenai metodologi kajian yang menjadi medium penting dalam mendapatkan dan mengumpul maklumat serta informasi tentang tajuk kajian iaitu Representasi Kesantunan Budaya Menerusi Novel *Baromkeh Matamu di Mataku* Analisis: Pendekatan Ihya' Ulumuddin yang akan dibincangkan secara lebih terperinci dan mendalam. Menurut Ang Kean Hua (2016), metodologi bermaksud satu kaedah yang digunakan dalam melaksanakan suatu kajian untuk mengumpul dan mengambil maklumat melalui jalan yang berkesan bagi menjawab permasalahan kajian. Bahagian ini juga turut menerangkan cara untuk mendapatkan maklumat bagi mencapai objektif kajian dan matlamat menerusi kaedah dan pendekatan yang sesuai. Disamping itu, metodologi kajian membantu pengkaji untuk mengenal pasti kaedah-kaedah yang digunakan adalah bertepatan dengan kajian dengan menerapkan pengkaedahan kajian yang lebih jitu. Pengkaji menggunakan beberapa kaedah bagi mendapatkan data-data yang diperlukan untuk memastikan kajian yang dilaksanakan adalah sistematik dan maklumat yang diperolehi lebih padat dan informatif.

Secara umumnya, bab ini akan membincangkan bentuk kajian yang digunakan oleh pengkaji bagi melaksanakan kajian ini. Bab ini juga bertujuan untuk menjelaskan kaedah hasil kajian dilaksanakan serta data-data yang diperolehi itu adalah tepat. Pengkaji akan mengemukakan beberapa bahagian yang telah dibahagikan kepada tiga, iaitu bahagian reka bentuk kajian, kaedah kajian, pengumpulan dan pemprosesan data.

### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah satu perancangan tentang cara untuk melaksanakan suatu kajian. Reka bentuk kajian dijalankan untuk mendapatkan cara yang teratur dan sistematik bagi memperoleh data dan maklumat yang betul dan tepat. Penggunaan reka bentuk kajian membolehkan maklumat yang terperinci tentang bentuk kesantunan budaya dalam masyarakat yang terdapat dalam teks kajian tersebut dapat dikenal pasti dan diperoleh. Reka bentuk kajian yang dipilih dan ditentukan dapat memberikan gambaran yang kukuh tentang kajian iaitu berkaitan kesantunan budaya. Pengkaji hanya mengfokuskan kepada data yang diperoleh melalui analisis teks sepanjang kajian dilaksanakan.

Justeru, pengkaji telah menetapkan beberapa kaedah kajian bagi mencapai objektif kajian yang akan dikumpulkan dan diproses menerusi kaedah kepustakaan, kaedah laman sesawang dan kaedah analisis tekstual. Catatan juga adalah salah satu penyokong yang amat penting bagi pengkaji dalam mencatat data yang dikumpulkan akan dianalisis oleh pengkaji. Pengaplikasian pendekatan Ihya'Ulumuddin iaitu menerusi rubu' *al-Adat* adalah sebagai sokongan utama dalam proses menganalisis setiap data-data yang diperolehi daripada kajian teks.

#### 3.2.1 Dokumentasi Kajian

Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif deskriptif yang bertujuan menerangkan sesuatu situasi yang sedang berlaku dalam sesuatu bidang yang kurang dikaji.

Justeru kajian ini akan meneroka representasi kesantunan budaya dalam novel *Baromkeh Matamu di Mataku* dengan menggunakan tiga kaedah kajian iaitu, kaedah kepustakaan, kaedah laman sesawang dan kaedah analisis tekstual.



### 3.3 Cara Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data ini dilakukan bagi meneliti sesuatu penulisan secara terperinci. Kaedah ini dilakukan oleh pengkaji bagi menganalisis teks *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) bagi mendapatkan data kajian. Teks sastera ini dipilih bagi meneliti teks secara mendalam bagi kesemua data yang diperolehi dan menganalisis kesantunan budaya yang terdapat dalam kehidupan masyarakat dalam novel yang diterbitkan oleh Utusan *Publication* dan *Distributors Sdn Bhd*. Penulisan teks oleh Ummu Hani Abu Hasan (2008) kegigihan Ummu Hani Abu Hasan menghasilkan buku ini seharusnya dikagumi dan dihayati oleh pembaca. Data-data diperolehi melalui teknik analisis data kualitatif iaitu bacaan (memoing), penerangan data dan analisis data.

#### 3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan merupakan salah satu kaedah yang sangat penting kerana pengkaji memerlukan bahan untuk mendapatkan maklumat dan meneroka data serta rujukan bagi penyelidikan ini. Pengkaji telah membuat penyelidikan di perpustakaan yang berdekatan iaitu perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Bachok bagi mendapatkan rujukan seperti buku yang merupakan naratif utama, jurnal, artikel, tesis dan bahan yang bersandarkan kepada pelbagai sumber khususnya buku-buku dan bahan ilmiah yang lain selari dengan aspek perbincangan. Terdapat juga bahan akademik lain yang digunakan untuk mencari isu mengenai tajuk kajian. Disamping itu, fokus pengkaji adalah untuk mengumpulkan segala maklumat yang berkaitan dengan objektif kajian dan juga mencari maklumat tentang pendekatan Ihya' Ulumuddin rubu' *al-Munjiyat*. Maka,

kajian kepustakaan dilaksanakan kerana metod ini penting bagi meneliti dan mendapatkan data-data serta maklumat berkaitan kajian untuk mengenal pasti isu bagi membentuk permasalahan kajian dan objektif yang telah dinyatakan pada bab satu.

### **3.3.2 Kaedah Laman Sesawang**

Pengkaji menggunakan kaedah laman sesawang untuk mencari bahan berkaitan kajian dengan mendalam dan meluas. Sumber dalam sesawang telah membantu dan memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat-maklumat tentang budaya seperti isu yang wujud dalam kalangan masyarakat kini, persoalan yang dapat dibangkitkan dan mencari kajian-kajian lepas tentang masalah budaya. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan laman sesawang yang tanpa halangan sempadan dan juga masa dapat memudahkan pengkaji mencari maklumat. Antara, bahan-bahan yang diperolehi melalui laman sesawang adalah seperti jurnal, artikel, tesis dan buku. Pengkaji juga telah menggunakan platform lawang sesawang seperti *Google Scholar*, *Researchgate*, *Academia* dan sebagainya. Sehubungan itu, penggunaan laman sesawang dapat mempercepatkan dan memudahkan proses pencarian maklumat bagi melaksanakan kajian untuk mencapai objektif kajian.

### **3.3.3 Kaedah Analisis Dokumen**

#### **3.3.3.1 Teks**

Pengkaji telah menggunakan kaedah analisis dokumen dengan membuat pembacaan dan kajian secara teliti dan kritis terhadap novel *Baromkeh*

*Matamu di Mataku* karya Ummu Hani Abu Hasan. Buku yang telah diterbitkan pada tahun 2008 oleh Utusan Publication dan Distributors Sdn Bhd yang mengandungi 359 halaman bercetak. Kajian teks yang dipilih ini juga pernah memenangi tempat ketiga dalam Pertandingan Novel Remaja. Pemilihan novel ini adalah kerana isu yang diangkat dalam penulisan novel oleh penulis ini berkaitan dengan budaya dalam masyarakat menerusi novel tersebut. Pengkaji telah membaca dan meneliti jalan cerita yang mengandungi 31 bab di dalamnya yang bersertakan rakaman foto oleh penulis. Pengkaji mendapati bahawa terdapat banyak teks yang bersesuaian dengan objektif kajian yang ditetapkan. Setiap teks yang dipilih akan disokong dengan pendekatan Ihya' Ulumuddin rubu' *al-Adat* bagi menjawab tajuk kajian.

### 3.3.3.2 Artikel Jurnal/Buku

Kajian ini juga dibantu dengan bahan-bahan kajian akademik yang lain seperti beberapa jurnal, tesis, buku-buku ilmiah yang berkaitan dengan kajian dapat menjadi pendukung utama dalam mendapatkan data dan maklumat mengenai kajian. Bahan-bahan kajian yang dicari dan dipilih tersebut yang mengandungi data-data berkaitan budaya dan kelakuan masyarakat dalam kehidupan seharian mereka menerusi teks kajian yang menekankan aspek budaya. Kaedah ini digunakan bagi memperoleh data-data bagi mengupas perihal kesantunan budaya dalam novel *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) yang telah menjadi penguat kepada pengumpulan dan pemprosesan data secara tepat.

### 3.4 Kaedah Penerapan Pendekatan

Analisis dijalankan berdasarkan pemerolehan data yang diambil daripada petikan-petikan dalam teks kajian yang dipilih oleh pengkaji yang terdapat dalam *novel Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) bagi mengenal pasti bentuk dan menganalisis bentuk kesantunan budaya serta disokong dengan menggunakan pendekatan Ihya' Ulumuddin berpandukan kepada rubu' *al-Adat* bagi menjawab objektif kajian tersebut. Pendekatan kajian daripada rubu' *al-Adat* yang dipelopori oleh Imam Al-Ghazali membantu pengkaji untuk mengupas dan menghurai tentang isu yang timbul serta dapat menjawab objektif kajian yang diutarakan dalam bab satu.

#### 3.4.1 Pengenalan Pendekatan Ihya' Ulumuddin

Kitab Ihya Ulumuddin atau dikenali sebagai Al-Ihya adalah kitab yang membahas tentang kaedah dan *rubu al-Adat* untuk menyucikan jiwa (*Tazkiya al-Nafs*). Kitab yang ditulis oleh Hujjatul Islam yang digelar al-Ghazali merupakan salah satu tokoh yang paling berjasa dalam pengembangan akhlak Islami. Asbab kelahiran kitab ini dapat menyedarkan kembali para ilmuan Islam yang terpengaruh dengan falsafah-falsafah barat. Maka, al-Ghazali telah menyusun kitab ini disaat ahli-ahli fikir Islam lalai dalam mempelajari ilmu-ilmu Islam dan lebih menggemari filsafat Yunani, terutamanya Filsafat Aristotles. Oleh itu, al-Ghazali berjuang dan berusaha dalam mengembalikan dan menghidupkan ilmu-ilmu agama Islam. Bersesuaian dengan tajuk kitab iaitu Ihya' Ulumuddin yang bermaksud 'menghidupkan kembali pengetahuan agama.

Maka lahirnya kitab ini, dapat mengajak dan menyeru manusia ke arah kebaikan dengan membersihkan jiwa dan memperbaiki diri. Kitab ini juga merupakan

salah satu kitab teragung dalam Islam untuk menjadi panduan dan kayu ukur bagi mengetahui halal dan haram sesuatu perkara. Hal ini dikatakan demikian kerana, di dalam kitab ini mengandungi zahir-zahir hukum dan rahsia-rahsia yang sulit difahami. Namun demikian, kitab ini telah dikagumi dan dipuji oleh para ulama. Imam al-Ghazali bersandarkan kepada ayat-ayat Al-Quran, hadis-hadis Nabi, athar-athar sahabat dan *tabi'in*, kisah orang-orang soleh, serta pemerhatian yang teliti terhadap situasi-situasi individu dan masyarakat dalam mengkaji setiap tema dan kitabnya. Kitab ini telah memuatkan beberapa perbahasan tentang tauhid, fiqh, hadis, tasawuf, sosiologi, psikologi, dan dasar-dasar tingkah laku serta beberapa kaedah usuliyah serta hakikat syariat, hikmah dan rahsia. Kitab Ihya' Ulumuddin ini mempunyai empat bahagian rubu', iaitu bahagian *al-'Ibadat* (ibadah-ibadah), bahagian *al-'Adat* (kebiasaan-kebiasaan), bahagian *al-Muhlikat* (hal-hal yang membinasakan) dan *al-Munjiyat* (hal-hal yang menyelamatkan). Setiap bahagian tersebut terdiri daripada 10 bab.

#### **3.4.1.1 Rubu' al-'Ibadat (Ibadah-Ibadah)**

Bahagian ini menjelaskan kepentingan individu yang memasuki ilmu tasawuf. Menerusi rubu' ini individu dapat mempelajari kepentingan ilmu, asas-asas akidah yang menegaskan dalam proses ilmu tasawuf. Selain itu, bahagian ini, mengandungi hikmah daripada pelaksanaan ibadah-ibadah dengan cara yang tertib dan memberikan perincian-perincian ketika melakukan ibadah dengan penuh beradab dan tertib, sunnahnya dan rahsia-rahsia yang terkandung di dalamnya. Contohnya, rahsia-rahsia taharah dan rahsia-rahsia solat.

### **3.4.1.2 Rubu' al-'Adat (Kebiasaan-Kebiasaan)**

Dalam bahagian ini al-Ghazali ada menyebutkan rahsia-rahsia muamalah yang terjadi di antara makhluk, sunnahnya, perincian-perincian sikap warak di dalamnya, dan adab-adab yang diajarkan oleh syariat dalam menjalankannya. Perkara tersebut memaparkan tahap yang tinggi dari perilaku manusia yang lurus. Selain itu, seorang muslim yang soleh tidak dapat mencukupkan diri daripada hal-hal tersebut. Iaitu adab-adab makan dan berpakaian, amar makruf nahi munkar, dan sebagainya.

### **3.4.1.3 Rubu' *al-Muhlikat* (Perkara-Perkara yang Membinasakan)**

Semua sifat tercela yang diceritakan dalam Al-Quran dan As-Sunnah wajib kita jauhi sebagai muslim seperti sombong, ujub, hasad dan lainnya serta menyucikan hati, membersihkan jiwa seperti memerintahkan kita untuk menjauhi segala keburukan seperti sikap sombong, iri hati, dengki ujub dan lain-lain lagi. Al-Ghazali juga turut menggambarkan makna, hakikat, sebab-sebab kemunculan, kerosakan-kerosakan moral yang ditimbulkan, simbol-simbol yang menunjukkan, serta langkah-langkah untuk menyembuhkan dan melepaskan diri daripada perkara-perkara *al-Muhlikat*. Sehubungan dengan itu, al-Ghazali juga ada menyebutkan dalil-dalil daripada khabar, athar serta pengalaman peribadi dan sosial. Perkara-perkara tersebut menunjukkan pengetahuan beliau tentang rahsia-rahsia jiwa, keadaan-keadaan sosial, dan perkara-perkara yang diperlukan dalam terapi jiwa dan moral.

### **3.4.1.4 Rubu' *al-Munjiyat* (Perkara-Perkara yang Menyelamatkan)**

Bahagian *al-Munjiyat* memaparkan semua akhlak terpuji dan semua sifat positif yang perlu ada dalam setiap umat manusia dalam mendekati diri kepada Allah,


seperti syukur, takut, taubat dan berharap. Perbahasan mengenai *al-Munjiyat* ini menjelaskan tentang definisi, hakikat, sebab, simbol-simbol yang menggambarkan, dan keutamaan yang menyebabkan setiap orang beriman untuk mencintai penciptanya dan berusaha untuk mencapai redha-Nya. Al-Ghazali menjelaskan cabang-cabang tarbiyah yang telah digariskan oleh agama Islam bagi menyucikan hati dan membersihkan jiwa.

### 3.4.2 Kaedah Analisis Pendekatan


Berdasarkan pendekatan *Ihya Ulumuddin* yang dipelopori oleh Imam al-Ghazali, kajian ini telah memilih dan bertunjagkan kepada rubu' *al-Adat* yang lebih dominan dalam kajian ini. Hal ini, dapat membantu pengkaji untuk menerapkan bentuk kesantunan budaya yang terdapat teks kajian untuk dihubungkan dengan pendekatan yang dipilih. Rentetan daripada itu, melalui penelitian yang dilakukan oleh pengkaji mendapati bahawa rubu' *al-Adat* ini bertepatan dengan budaya-budaya yang dapat dikeluarkan daripada teks kajian. Budaya-budaya yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat dia mna terdapat hal-hal kebiasaan yang dilakukan oleh masyarakat dalam kehidupan seharian. Oleh itu, dengan penekanan yang dapat dibuat mendasari kepada rubu' *al-Adat* ini pengkaji dapat menghuraikan dan menerangkan bentuk kesantunan budaya dengan lebih baik dan jelas serta dapat memperlihatkan bahawa novel *Baromkeh Matamu di Mataku* ini berjaya memaparkan kesantunan budaya yang diamalkan oleh masyarakat dalam teks kajian tersebut dalam kalangan masyarakat.

### 3.4.3 Kerangka Pendekatan Ihya' Ulumuddin

Pengkaji telah memilih pendekatan Ihya' Ulumuddin bagi menganalisis bentuk kesantunan budaya memfokuskan kepada *rubu al-Adat* bagi menjelaskan budaya-budaya yang terdapat dalam teks kajian seperti yang dinyatakan menerusi carta alir di bawah:







Rajah 3.1: Kerangka Teori

Sumber: Nurul Tasha binti Zuraimi (2023)

Kerangka Teori ini dibentuk bagi memaparkan peranan kesantunan budaya dalam masyarakat yang terdapat dalam novel Baromkeh Matamu di Mataku. Kerangka konseptual ini juga digunakan untuk menganalisis bentuk, dan kesan kesantunan budaya berdasarkan pendekatan Ihya' Ulumuddin rubu' *al-Adat*. Hal ini dikatakan demikian kerana, pendekatan tersebut memaparkan hal-hal kebiasaan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat. Metodologi kajian yang digunakan adalah berpaksikan kepada penyelidikan lalu iaitu pada bab dua dan perkara yang telah diutarakan dalam bab satu.

### 3.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, perbincangan dalam bab tiga ini merangkumi pengenalan, reka bentuk kajian, kaedah kajian, pengumpulan dan pemerolehan data. Perbincangan ini meliputi metodologi kajian di mana terdapat kaedah dan proses pengkaji mencari, mengumpul dan merekod maklumat berdasarkan sumber yang sah dan fakta benar berkaitan data-data dalam bentuk kualitatif deskriptif dengan menggunakan kaedah kepustakaan, kaedah laman sesawang dan kaedah analisis teks.. Selain itu, kaedah kajian daripada sumber sekunder juga membantu dalam memudahkan pengkaji dalam memperoleh maklumat yang diperlukan bagi

memahami dengan lebih mendalam tentang kajian ini. Disamping itu, pendekatan yang digunakan oleh pengkaji adalah untuk membantu dan memastikan kejituan dan ketepatan instrumen kajian dapat diperkukuhkan lagi dengan menggunakan pendekatan Ihya'Ulumuddi rubu' *al-Adat*.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pendahuluan**

Bab ini menjelaskan secara terperinci setiap data yang telah diperoleh daripada hasil carian tentang bentuk kesantunan budaya yang telah dikenal pasti dan dikutip dalam teks kajian berjudul *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008). Data yang telah diperoleh daripada kajian teks dianalisis pada bab ini secara lebih terperinci mengenai kesantunan budaya. Data-data yang dikutip membantu pengkaji untuk mengulas tentang kesantunan budaya. Bahagian ini juga menerangkan bentuk budaya dan mesej-mesej yang jelas lagi terperinci mengenai kesantunan budaya dalam masyarakat menerusi novel *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008).

#### **4.2 Bentuk Kesantunan Budaya yang Terdapat dalam Teks Kajian.**

##### **4.2.1 Budaya Berkomunikasi**

Awal komunikasi seseorang itu bermula daripada institusi kekeluargaan. Manusia diajar bercakap oleh orang tuanya sejak kecil lagi. Komunikasi merupakan suatu

aktiviti yang berlaku dalam kehidupan masyarakat di setiap urusan bagi mencapai kata sepakat. Asal perkataan komunikasi secara etimologisnya diambil daripada bahasa Latin iaitu *communicatio* yang bermaksud berpartisipasi atau dalam makna lainnya memberitahu. *Comminatus* pula bermaksud berbagi atau milik bersama. Terdapat juga perkataan *communis* diambil dari bahasa Latin yang bermaksud milik bersama atau terjadi di mana-mana, perkataan tersebut telah mencapai kata sepakat secara majoriti oleh masyarakat dunia (Liliweri dan Alo, 1991). Sungguhpun begitu, kepentingannya tidak dapat dipertikaikan, sehingga ke tahap ia telah menjadi saluran utama untuk menyebarkan maklumat ke seantero dunia. Namun, Schramm dan Roberts (1971) dengan fasih mendefinisikan komunikasi sebagai proses canggih yang bertujuan untuk memupuk orientasi bersama ke arah satu set tanda maklumat. Komunikasi sangat penting dalam kehidupan kerana ia membantu manusia berkongsi mesej dan maklumat dengan orang lain. Ia membolehkan segala maklumat yang ingin disampaikan dan memahami sesuatu yang mereka katakan kepada seseorang tanpa sebarang kekeliruan. Justeru, komunikasi yang berkesan memainkan peranan penting dalam kemajuan manusia, kemajuan negara, dan perkembangan tamadun. Terdapat beberapa kesantunan budaya berkomunikasi yang direpresentasikan dalam novel *Baromkeh Matamu di Matakuku*.

Komunikasi yang berlaku dapat disampaikan dalam dua sifat iaitu verbal dan nonverbal. Supraktiknya (1995) mengatakan bahawa komunikasi mempunyai maksud yang amat luas berlaku secara verbal dan juga nonverbal. Selain itu, beliau menegaskan bahawa komunikasi merupakan suatu pesanan yang ingin disampaikan oleh seseorang dengan niat untuk mempengaruhi tingkah laku penerima pesanan

tersebut. Penyampaian maklumat dalam bentuk komunikasi boleh disampaikan secara verbal iaitu melalui kata-kata. Terdapat amalan yang dilakukan oleh baginda Rasulullah SAW dengan menggunakan komunikasi secara verbal. Iaitu dengan cara Rasulullah menunjukkan isyarat dua jarinya tanda menunjukkan tempuh kiamat yang begitu dekat. Selain itu, Rasulullah juga mendidik para sahabat dengan cara memegang tangan Ibnu Mas'ud untuk mengajarkan beliau cara untuk tasyahhud. Kaedah komunikasi yang digunakan merupakan budaya yang telah digunakan dan diterapkan pada hari ini dikalangan masyarakat terutamanya guru dan pelajar. Komunikasi yang kedua iaitu komunikasi secara nonverbal iaitu dengan mengekspresikan air muka, nada suara, gerak badan, hubungan mata atau gerak tangan yang berlaku tanpa kita sedari. Berdasarkan dua sifat komunikasi ini, terdapat tujuan dan mesej yang ingin disampaikan. Bentuk komunikasi ini sangat emotif dan biasanya mendedahkan sentimen asli yang ingin diungkapkan oleh individu.

Bertitik tolak dengan perkara di atas, komunikasi boleh berlaku dalam pelbagai bahasa. Bahasa adalah alat untuk berinteraksi dengan orang lain dan juga sebagai alat untuk berfikir. Dalam konteks ini, bahasa berfungsi sebagai mekanisme untuk berkomunikasi dan juga sebagai panduan melihat realiti sosial. Bahasa mempengaruhi persepsi, penyaluran dan penyertaan membentuk pemikiran. Menurut Chaer dan Agustina (2010), bahasa yang digunakan dalam kehidupan seharian terbahagi kepada dua cara iaitu bahasa lisan dan bahasa tulisan. Namun begitu, bahasa lisan adalah yang paling banyak dan kerap digunakan dalam kehidupan seharian kita melalui anggota mulut bagi menyampaikan maklumat

mengenai sesuatu perkara. Walau bagaimanapun, komunikasi lisan menjadi lebih berkesan apabila dilengkapi dengan isyarat bukan lisan, kerana ia dapat mengukuhkan mesej yang ingin disampaikan oleh individu berkenaan. Komunikasi yang baik itu dapat mengubah sikap seseorang dan mengubah masyarakat menjadi yang baik kepada lebih baik.

Seiring era teknologi pada hari ini, komunikasi disampaikan dalam pelbagai bentuk berdasarkan bidang kehidupan manusia. Antara komunikasi dalam kehidupan adalah komunikasi sosial, komunikasi organisasi, komunikasi perniagaan, komunikasi politik, komunikasi antarabangsa, komunikasi antar budaya, komunikasi pembangunan dan komunikasi tradisional. Kajian kesantunan budaya ini lebih menumpukan kepada komunikasi antar budaya sebagai alat perhubungan manusia yang terdapat dalam teks kajian. Oleh itu, komunikasi antara budaya akan diperjelaskan secara mendalam dan lebih terperinci. *Culture is communication* dan *communication is culture* ini adalah kata-kata daripada Edward T. Hall (1959). Kata-kata tersebut membawa maksud bahawa komunikasi yang berlaku di antara individu dengan individu yang lain atau satu kelompok yang besar dapat mewujudkan satu kelompok budaya. Hal ini dikatakan demikian kerana, budaya telah merakamkan cara dan usaha manusia untuk menyelami dan menguruskan dunia mereka.

Budaya komunikasi pada hari ini telah berkembang dengan meluas seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Hal ini dikatakan demikian kerana, faktor perkembangan teknologi yang begitu drastik berlaku tanpa kita sedar akan kecanggihannya. Interaksi yang berlaku dalam kehidupan seharian kita adalah

proses berlakunya budaya komunikasi berterusan melalui pelbagai alat komunikasi yang canggih setanding dengan dunia luar. Di mana dengan teknologi yang ada pada hari ini dapat menghubungkan saudara jauh yang dipisahkan oleh dua benua. Seperti yang digambarkan dalam teks kajian watak Iman Kauthar dan suaminya iaitu Dr Husam yang baru sahaja berkahwin terpaksa berpisah antara dua benua iaitu Iman harus meneruskan perjuangannya menuntut ilmu di Damsyik manakala suaminya harus menetap di Malaysia untuk bekerja. Rentetan itu, mereka terpaksa berhubung dengan menggunakan telefon bimbit sahaja. Peristiwa ini digambarkan apabila Iman dan temannya sedang asyik bermain salji tiba-tiba temannya menyebut nama suaminya. Lalu, Iman pun segera mencapai telefon dengan segera dia mengirim salam buat buah hatinya yang jauh di mata. Iman selalu mencuri masa untuk berkomunikasi dengan suaminya. Jarak yang jauh tidak menjadi alasan untuk Iman sentiasa berhubung dengan suaminya menggunakan alat teknologi yang memudahkan mereka menyampaikan rasa rindu yang tersemat di hati. Teknologi pada hari ini kian canggih buktinya dengan penggunaan aplikasi *Whatsapp*, *Skype*, *Twitter* dan sebagainya dapat membantu masyarakat dalam berinteraksi dan secara tidak langsung telah berlakunya budaya komunikasi. Bukan sekadar membalas pesanan, tetapi masyarakat pada hari ini dapat melihat wajah di skrin alat komunikasi mereka. Jelaslah bahawa, kehidupan manusia memerlukan komunikasi untuk saling berinteraksi antara satu sama lain dengan menggunakan pelbagai alat komunikasi yang wujud di dunia.

Pengkaji telah menemukan bentuk kesantunan budaya komunikasi setelah melaksanakan analisis ke atas teks kajian, pengkaji mendapati bahawa terdapat

budaya komunikasi yang berlaku antara hubungan suami isteri, rakan-rakan, pelajar dan guru di dalam teks kajian.

#### **4.2.1.1 Budaya Berkomunikasi antara Suami dan Isteri**

Surah *AnNaba'* ayat 45 yang bermaksud dan bahawa sesungguhnya, Dialah yang menciptakan pasangan lelaki dan perempuan. Berikutan dengan ayat al-Quran tersebut perkahwinan adalah perkara yang dituntut oleh agama dan diraikan fitrah semula jadi penciptaan manusia untuk hidup secara berpasang-pasangan (Wan Ismail et.al, 2018). Perkahwinan melibatkan penggabungan dua individu secara sah sebagai suami dan isteri, dengan matlamat untuk mewujudkan keluarga yang bahagia (Siti Mizati Mohd Basar, 2009). Perkahwinan antara lelaki dan perempuan adalah untuk melahirkan ramai umat manusia di muka bumi ini. Perkahwinan mempunyai kepentingan yang paling penting dalam menegakkan institusi keluarga yang dihormati, berfungsi sebagai saluran teguh yang melaluinya keturunan nenek moyang kita dapat bertahan, dengan lancar menyusuri sejarah masa, dari satu generasi ke generasi seterusnya. Dalam usaha untuk mengekalkan keturunan sebuah keluarga yang dianggap institusi sosial, perkahwinan adalah perkara yang penting dan rumit di mana dapat mengumpulkan orang ramai iaitu sanak saudara dengan cara istimewa. dengan perkahwinan wujudlah perkataan suami dan isteri. Oleh itu, untuk menjaga keharmonian rumahtangga yang dibina oleh sepasang suami isteri mereka haruslah melakukan aktiviti yang dapat mengeratkan hubungan bersama-sama.

Bertitik tolak dengan perkara di atas, terdapat empat cara yang diperhalusi dan menarik dimana pasangan dapat berkomunikasi dengan berkesan. Pertama,

perbincangan berfungsi sebagai platform untuk pertukaran maklumat dan pendapat. Kedua, dialog memupuk perkongsian emosi dan perluasan sempadan, semuanya berakar umbi dalam kepercayaan bersama yang mendalam dan penerimaan tanpa syarat pasangan seseorang. Ketiga, bahasa tubuh menjadi ungkapan cinta dan kelembutan yang mendalam, disampaikan melalui sentuhan fizikal yang lembut. Seterusnya, tindakan melibatkan diri dalam hubungan intim, sama ada melalui persetubuhan atau interstimulasi, berfungsi sebagai satu lagi cara untuk berhubung dan berkomunikasi secara intim dengan pasangan. Menurut Yoseph (1994), suami dan isteri mestilah mampu mewujudkan komunikasi yang harmoni dalam keluarga. Hal ini dikatakan demikian kerana, komunikasi yang harmoni dapat mewujudkan persefahaman bersama dan menghadirkan rasa ikhlas terhadap semua aspek kehidupan itu sendiri. Hal ini dapat dibuktikan dalam teks kajian yang dikaji iaitu terdapat sepasang suami isteri yang telah berumah tangga menggunakan panggilan 'abang' yang dipanggil oleh isteri di dalam peristiwa watak Iman memanggil suaminya dengan panggilan tersebut. Panggilan tersebut menunjukkan tanda hormat seorang isteri kepada suaminya. Manakala, suaminya pula Dr Husam memanggil isterinya Iman dengan panggilan 'sayang' atau 'dinda'. Panggilan yang digunakan oleh pasangan tersebut selepas berkahwin. Hal ini menjelaskan bahawa hubungan yang baik antara suami dan isteri dalam sesebuah rumah tangga pula pastinya bermula daripada komunikasi yang baik. Perkara ini pasti dapat mewujudkan rumah tangga yang sakinah, mawaddah dan warahmah.

Komunikasi yang berlaku dalam rumah tangga antara suami isteri adalah permulaan dalam mengenal hati budi masing-masing. Kurangnya kemahiran



berkomunikasi dengan pasangan akan menyebabkan potensi tercetusnya konflik perkahwinan. Hal ini dikatakan demikian kerana, komunikasi merupakan kunci kebahagiaan yang akan menyatukan, mengharmonikan dan mensejahterakan rumah tangga tersebut. Komunikasi antara suami dan isteri juga merupakan ukuran tahap kebahagiaan dalam sebuah keluarga. West dan Turner (2013), mengatakan bahawa komunikasi adalah satu proses sosial di mana individu menggunakan lambang-lambang dalam usaha melahirkan dan mentafsir makna dalaman di sekeliling mereka. Oleh itu, pengucapan yang berlaku dalam setiap hubungan mestilah yang baik dan indah seperti berkata-kata dengan berhemah, sopan santun dan diselitkan ucapan yang penuh berhikmah agar dapat mencapai tahap harmoni dalam rumah tangga. Namun, dalam setiap asam garam rumah tangga pasti akan berlakunya perbalahan atau salah faham antara kedua-dua belah pihak sehingga boleh terjadinya pergaduhan besar apabila diantara mereka tidak mempunyai toleransi dan tidak menjaga percakapan apabila berbicara. Tiada persefahaman antara suami isteri pada hari ini dalam mencapai kesamaan dan kata sepakat akan menyebabkan kegagalan dalam berkomunikasi antara suami dan isteri. Lama-kelamaan pasangan mula rasa bosan dan malas untuk berkomunikasi. Hal ini menyebabkan tanggungjawab yang perlu dipikul tergantung dan dibiarkan begitu sahaja seperti melepaskan batuk di tangga. Hal tersebut dapat mengundang tekanan dalam kehidupan seterusnya menyebabkan retaknya sesebuah perhubungan antara suami isteri itu sendiri dan berakhir dengan perceraian. Rentetan itu, anak-anak terpaksa menanggung sengsara kerana kurangnya kasih sayang daripada ibu bapa mereka.

Seiring berjalannya waktu, kini terdapat ramai pasangan suami isteri terpaksa berjauhan disebabkan untuk menunaikan tanggungjawab masing-masing dalam menyara ahli keluarga. Tambahan pula, terdapat pasangan suami isteri yang terpaksa hidup berjauhan kerana tempat kerja yang jauh dengan rumah, mereka terpaksa menjalani proses perhubungan jarak jauh atau dikenali sebagai (pjj) pada hari ini. Perkara tersebut akan menyebabkan kurangnya aktiviti komunikasi berlaku secara interpersonal antara suami isteri dalam keluarga. Walaubagaimanapun, pasangan suami isteri haruslah sentiasa melakukan komunikasi yang baik dengan selalu berfikiran terbuka dan jujur terhadap pasangan masing-masing. Hal ini penting agar dapat mengelakkan daripada konflik yang akan terjadi dan dapat menjaga hubungan baik antara suami isteri dalam masa yang sama dapat mengekalkan hubungan kekeluargaan. Hal ini, dapat digambarkan dalam teks kajian di mana watak Iman dan Dr Husam yang terpaksa berjauhan untuk menyambung pelajaran ke bumi Syam iaitu Syria. Manakala, suaminya Dr Husam merupakan seorang mahasiswa tahun akhir di Fakulti Perubatan. Mereka terpaksa berpisah walaupun baru sahaja menikah selama dua hari dan harus merasa pahitnya perpisahan. Oleh itu, amat penting pasangan suami isteri untuk menjaga kesantunan budaya dalam berkomunikasi agar dapat memberi contoh yang baik kepada anak-anak dan generasi akan datang serta menjadikan perkahwinan kukuh dan bertahan lebih lama. Sehubungan itu, ia membantu pasangan memahami antara satu sama lain dengan lebih baik dan dapat menyelesaikan masalah bersama-sama.

#### 4.2.1.2 Budaya Berkomunikasi Antara Sahabat

Pengertian sahabat berasal daripada bahasa Arab iaitu *masdar* daripada kata *sahiba* yang bermaksud teman atau sahabat (Munawwir, 1997). Dalam erti kata lain, sahabat dari sudut bahasa terikat dengan maksud persahabatan pada tempoh masa tertentu yang boleh terjalinnya satu pergaulan. Hal ini terjadi kerana seseorang yang datang mendekati seseorang dan dia merasa selesa untuk bergaul ia boleh dianggap sebagai sahabat sungguhpun ia tidak mengikutinya dalam soal pemikiran dan akidah, (Mohd Aizam Mas'od & Mohd Fauzi Hamat, 2018). Selain itu, persahabatan adalah suatu pertalian ukhawah atau jalinan sosial yang berlaku antara manusia, (Azmin Yusof dan Muhamad Ismail Abdullah, 2017). Allah S.W.T menciptakan manusia dengan pelbagai watak untuk menjadi khalifah di dunia dengan saling beriteraksi antara satu sama lain iaitu dengan cara berkomunikasi. Hidup di dunia ini haruslah mencari pendamping atau sahabat yang dapat menjadi contoh untuk mendorong seseorang itu membuat kebaikan dan mencegah daripada membuat kemungkaran. Islam juga menuntut pengikutnya untuk mencari sahabat yang mempunyai perilaku yang baik. Hal ini dikatakan demikian kerana, mereka dapat membantu kita untuk mengubah sikap seseorang yang tidak baik kepada yang lebih baik dan pada masa yang sama dapat membina persepsi yang pada diri seseorang. Jika sebaliknya, sahabat tersebut akan mempengaruhi kita ke arah yang negatif seperti menuturkan perkataan yang tidak baik, membawa seseorang ke arah maksiat dan terus ke arah kebinasaan.

Hal ini bertepatan dengan hadis yang mengatakan jika berteman dengan tukang minyak kita akan mendapat wanginya, dan jika kita berteman dengan tukang

minyak kita akan dapat bau minyaknya. Hal ini bermaksud bahawa kawan yang baik dapat memberi tempas kepada kita kerana akhlaknya yang baik dapat menjadi contoh kepada kita untuk mencontohnya manakala teman yang tidak baik usah diikuti kerana kata-kata dan perbuatannya akan mempengaruhi diri seseorang. Terdapat pelbagai cara untuk mengekspresikan diri antaranya adalah dengan cara berkomunikasi dapat membentuk jaringan hubungan sosial dan meluaskan lagi identiti masyarakat (Dahlan, 2014). Terdapat adab tentang komunikasi yang telah dinyatakan dalam al-Quran menerusi Surah al-Nahl (16:125) yang bermaksud:

“Serulah kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik serta berbahaslah dengan mereka menggunakan cara terbaik”.

(Surah al-Nahl, 16:125)

Hal ini menunjukkan bahawa Allah menyuruh hamba-Nya untuk bersikap baik dalam menyantuni manusia lain dalam berbahas. Perkataan baik yang digunakan ketika berbicara terutama bersama dengan sahabat dapat menjaga hati mereka dengan menjaga laras bahasa dan nada suara ketika berbicara. Sebaiknya seseorang sahabat itu haruslah menghindarkan dirinya daripada menggunakan perkataan yang dapat mengguris hati sahabatnya agar dapat mengelakkan daripada berlakunya pergaduhan. Perkara sedemikian dapat dilihat dalam teks kajian di mana Salwana iaitu teman kepada Iman yang suka bergurau sehingga mengecilkan hati Iman. Peristiwa tersebut terjadi apabila Iman secara tiba-tiba menyebut ‘abang’ dan didengari oleh Salwana lalu dia pun berseloroh mengenai pemuda Arab yang secara kebetulan pada ketika itu berhadapan dengan mereka, Salwana beranggapan Iman memanggil pemuda Arab tersebut sedangkan dia mengetahui bahawa Iman sudah

pun bersuami. Selain itu, terdapat juga peristiwa Jabir membunyikan hon kepada beberapa pemandu servis yang berselisih dengan mereka. Lalu tangannya diangkat justeru mengucapkan doa kepada teman-teman pemandu itu. Fahda Nur, penumpang yang berada dengan Jabir pada ketika itu sudah serasi dengan kelakuan masyarakat Arab yang suka mendoakan orang lain. Disamping itu, terdapat juga peristiwa Orang Suriah yang bersopan, walaupun sedang memaki temannya masih sempat menyelitkan pujian. Sikap saling memuji antara satu sama lain dapat mengeratkan hubungan antara mereka dan mewujudkan suasana yang ceria.

#### **4.2.1.3 Budaya Berkomunikasi antara Pelajar dan Guru**

“Homo Sapiens” adalah nama saintifik bagi manusia. Makhhluk yang dikatakan ciptaan paling sempurna oleh Allah S.W.T dan merupakan di antara makhhluk yang berbeza daripada makhhluk yang lain diciptakan oleh tuhan. Buktinya, manusia mempunyai kelebihan dan keistimewaan yang tidak dimiliki oleh makhhluk lain seperti akal fikiran dan nafsu yang tidak dimiliki oleh malaikat, jin dan binatang. Maka, dengan akal yang dimiliki tersebut diharapkan manusia dapat mengawal dan menguruskan bumi yang diciptakan. Rentetan daripada itu, manusia sebagai khalifah di bumi ini haruslah mempunyai ilmu pengetahuan yang luas untuk menggalas tugas dan bertanggungjawab atas amanah bagi memastikan keadaan dan kegiatan yang dijalankan oleh manusia di muka bumi ini berjalan dengan baik. Oleh itu, untuk memastikan perjalanan hidup seseorang manusia itu dipandu dengan baik dan terarah kepada kehidupan yang lebih bermakna mereka wajib menuntut ilmu. Hal ini dikatakan demikian kerana, ilmu adalah pelita hidup bagi manusia untuk dijadikan penyuluh agar dapat mencapai matlamat hidup dengan lebih baik.

Sifat ingin tahu dalam diri manusia itu cenderung untuk mengetahui setiap perkara yang terjadi di sekeliling mereka. Dunia pendidikan adalah usaha yang dapat membina dan mengembangkan keperibadian manusia kamil dari segi rohani dan jasmani. Sehubungan itu, pendidikan juga adalah satu anjakan paradigma sikap dan tingkah laku seseorang atau satu kelompok manusia dalam mendewasakan diri mereka melalui pengajaran dan pembelajaran dan latihan tidak kira di mana institusi sekalipun. Hal ini dikatakan demikian kerana, sesuatu perkara yang ingin diketahui oleh seseorang haruslah didorong dan diselaraskan dengan ilmu yang sah dan benar supaya sesuatu perkara yang ingin dipelajari tersebut tidak mudah terpesong dari landasan. Oleh itu, seseorang memerlukan tenaga pengajar yang merupakan seorang guru sebagai panduan untuk menimba ilmu.

Guru dan pelajar adalah watak yang akan menggerakkan institusi pendidikan. Menurut Djamarah dan Aswan (2016), guru adalah seorang yang berpengalaman dalam bidang profesional mereka. Guru mempunyai peranan yang amat penting dalam dunia pendidikan bagi melahirkan modal insan yang berguna kepada masyarakat dan negara. Manakala pelajar pula memerlukan peranan seorang guru untuk membantu mereka dalam proses pembangunan diri dan mengoptimumkan bakat dan kebolehan mereka. Menurut Zarnuji (1981), setiap penuntut ilmu haruslah menghormati gurunya dan sesiapa sahaja yang mengajarkan ilmu walaupun dengan satu huruf sahaja agar mereka dapat memahami agama. Hal ini dikatakan demikian kerana, penuntut ilmu tidak mampu mendapatkan ilmu dan mengambil faedah dari ilmunya sendiri. Seperti kata pepatah, guru seperti lilin yang

membakar diri. Hal ini bermaksud bahawa guru sanggup berhujan panas, mengorbankan masa dan tenaga untuk memberikan ilmu kepada pelajar.

Komunikasi adalah cara untuk mengeratkan hubungan antara guru dan pelajar. Selain itu juga komunikasi merupakan alat perhubungan yang penting untuk menyampaikan maklumat antara mereka secara berkesan. Kesantunan budaya dalam berkomunikasi mengikut amalan Rasulullah oleh Ibnu Majah meriwayatkan dari Abu Said al-Khudri di mana Rasulullah mengalu-alukan kedatangan sahabat yang hadir untuk menuntut ilmu. Lalu baginda berkata, “selamat datang, selamat datang bagi orang yang telah diwasiatkan oleh Rasulullah dan buatlah mereka redha”, dalam makna lain bermaksud ajarilah mereka ilmu. Peristiwa tersebut perlulah dicontohi pada zaman kini dengan cara seorang guru haruslah memeriksa kehadiran pelajar dan bertanya tentang ketidakhadiran pelajar sebagaimana amalan yang dibuat oleh Rasulullah terhadap para sahabat. Pendekatan ini dapat menarik minat pelajar untuk hadir ke tempat pengajian dan membuatkan pelajar merasakan diri mereka diperhatikan (Fadhli Ilahi, 2003). Kesantunan budaya komunikasi yang dibincangkan ini terdapat dalam teks kajian yang dikaji di mana peristiwa seorang pengetua sekolah Mujamma’ Syeikh Ahmad Kiftaro bernama Dr Rana menyambut anak muridnya yang baru pertama kali belajar di sekolah itu dengan penuh kemesraan. Anak murid yang bernama Iman Kauthar itu berasa amat terharu dengan layanan yang diberikan oleh pengetua tersebut walaupun Iman adalah orang asing di negara itu sehinggakan dapat meningkatkan semangat Iman untuk bersungguh-sungguh belajar tentang bahasa Arab. Tambahan pula, sikap gurunya yang sangat mulia, tawadhu dan penuh kehormatan dapat

dilihat dari cara beliau berbicara menunjukkan bahawa beliau seorang wanita ilmuan yang mempermulia ilmu dan penuntut ilmu. Berikut adalah budaya masyarakat Arab yang sentiasa menjaga adab ketika berkomunikasi sesama mereka.

#### **4.2.2 Budaya Menuntut Ilmu**

Pengetahuan dapat difahami apabila kita terlebih dahulu mempelajari tentang sesuatu ilmu pengetahuan mengenai istilah dan definisi yang berkaitan dengannya, ini termasuk meneliti asal usul perkataan ilmu dan mengkaji aspek konsepnya Hanurawan (2012). Ilmu adalah suatu pengetahuan dan maklumat yang dipenuhi dengan segala maklumat yang perlu diketahui dan dicari gali oleh manusia. Menuntut ilmu adalah suatu proses dan bukan hasil. Menurut Islam, ilmu wajib dituntut oleh sesiapa sahaja tidak mengira had umur dan jantina. Mempunyai ilmu dianggap sebagai satu keistimewaan yang memberi kelebihan kepada manusia berbanding makhluk lain, khususnya dari segi melaksanakan kuasa dalam khilafah. Al-Quran dan Hadis menekankan kepentingan orang Islam yang berilmu akan mendapat martabat yang tinggi, Ulum (2007). Hal ini dikatakan demikian kerana, ilmu merupakan suatu ibadah dan bagi sesiapa yang menuntut ilmu mereka dianggap berjuang di jalan Allah serta akan dihormati oleh sekalian makhluk di muka bumi ini.

Sehubungan dengan itu, ilmu pengetahuan adalah sebagai penyuluh kehidupan bagi membentuk dan mengembangkan fikiran bangsa. Tanpa ilmu manusia tidak dapat berfikiran dan berkomunikasi dengan baik. Tanpa pengetahuan juga manusia sukar menentukan arah tujuan untuk terus melangkah ke hadapan, sedangkan dunia terus berkembang seiring waktu berjalan. Kepentingan budaya



menuntut ilmu telah dipersetujui oleh semua masyarakat dunia tidak kira di dalam tamadun Islam mahupun barat. Hal ini juga telah digambarkan dalam al-Quran iaitu pada surah *al-Alaq* membawa maksud ilmu. Firman Allah dalam wahyu pertama diturunkan kepada Nabi Allah Muhammad S.A.W dalam surah *al-Alaq* ayat 1-5 yang bermaksud:

“Bacalah dengan menyebut nama Tuhanmu yang menciptakan, Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmulah yang Maha Pemurah, Yang mengajarkan manusia dengan perantaraan kalam. Dia mengajarkan kepada manusia apa yang tidak diketahuinya”.

(Surah *al-Alaq*, 1-5)

Setiap ayat yang diturunkan kepada manusia adalah sebagai panduan hidup dan wajib dibaca oleh setiap orang yang beragama Islam. Surah *al-Alaq* yang diturunkan oleh Allah menerusi Nabi Allah Muhammad ini adalah supaya kita manusia sentiasa belajar mencari ilmu di mana sahaja agar tidak menjadi orang yang jahil. Seperti mana yang pernah dikatakan Imam Syafie, bila kamu tidak tahan lelahnya belajar, mana kamu akan menanggung peritnya kebodohan. Oleh itu, Allah juga berjanji akan mengajarkan manusia apa yang tidak kita ketahui, selagi kita mempunyai usaha untuk belajar dengan bersungguh-sungguh mencari ilmu pengetahuan.

Selain itu, dalam novel yang dikaji terdapat masyarakat yang menjadikan ilmu sebagai satu keperluan atau budaya bagi sesebuah keluarga tersebut untuk meneruskan pembelajaran dan menjadikan pendidikan itu sebagai warisan turun-

temurun keluarga. Bahkan, mereka juga menjadikan pendidikan sebagai salah satu kriteria atau kelayakan apabila tiba masanya untuk memilih pasangan hidup. Hal ini dapat dilihat di mana keluarga Iman menjadikan cita-cita dan ilmu sebagai keutamaan dalam tradisi keluarga. Sebagai contoh, ibu dan bapanya berkahwin ketika mereka sama-sama menghabiskan pengajian di peringkat doktor falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia. Manakala, kakak sulungnya yang bernama Zarina, menemui jodohnya sebaik sahaja selesai kuliah sarjana dalam bidang Usul Fiqh di Akademik Pengajian Islam Universiti Malaya.

Tambahan pula, dalam novel *Baromkeh Matamu di Mataku* terdapat situasi di mana masih terdapat warga emas yang masih lagi berkeinginan untuk menuntut ilmu walaupun sudah lanjut usia. Mereka tidak merasa malu walaupun terdapat perkataan yang memerlukan mereka untuk mengeja satu per satu. Masyarakat tersebut telah lama menghidupkan budaya menuntut ilmu tanpa mengikut peringkat umur. Namun mereka tidak merasakan menuntut ilmu adalah satu bebanan malah ia adalah satu kewajiban dan budaya masyarakat tersebut untuk menuntut ilmu. Peristiwa tersebut dapat dilihat dalam teks kajian, di mana seorang nenek yang sedang mengeja perkataan “ayam” dan “kucing”. Senario tersebut jarang dilihat oleh Iman sewaktu berada di Malaysia iaitu tanah airnya. Maka, dia pun mula sedar dan menginsafi bahawa Allah tidak menilai tingkat ilmu seseorang tetapi yang dinilai-Nya atas dasar keikhlasan hati seseorang dalam menuntut ilmu. Walaupun usia mereka semakin meningkat, namun perkara itu tidak menjadi penghalang untuk mereka mencari cara atau di mana tempat menuntut ilmu. Salah satu cara

dusahakan oleh mereka adalah dengan menuju ke suatu tempat yang terdapat pengembangan dan penyebaran ilmu secara meluas di sana.

Selain itu, Nik Mahmud (1936) menyatakan bahawa dalam konteks pemerintahan seorang raja dan pemimpin haruslah mempraktikkan budaya ilmu dengan cara bergaul dan menjadikan para ulama serta orang bijak pandai sebagai pembimbing kepada mereka secara khusus. Hal ini membuktikan bahawa rakyat juga bertanggungjawab untuk menjadi penasihat kepada sesebuah kerajaan termasuk juga pembesar. Oleh itu, mereka yang berperanan untuk melakukan tugas tersebut haruslah mempunyai ilmu agar dapat mendorong kerajaan dengan baik. Hal ini dikatakan demikian kerana, tanggungjawab kerajaan bagi memastikan perkara yang mendatangkan kebejatan kepada rakyat dapat dielakkan dan dikurangkan. Sudah terang lagi bersuluh, ilmu amat penting agar dapat mengelakkan daripada perselisihan pendapat kerana perkara tersebut dapat menyebabkan kebingungan. Manakala, Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1993), pula mengatakan bahawa ilmu untuk mencapai sesuatu perkara terutama, ke arah menjayakan cita-cita membangkitkan sebuah negara bangsa yang terus melangkah ke hadapan, berwibawa dan cemerlang. Ironinya, ilmu yang dipelajari amat penting untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian, Salleh Lebar (2002).

#### **4.2.3 Budaya Berpakaian**

Berpakaian adalah satu cara manusia menutup tubuh badan mereka daripada kesejukan atau kepanasan. Dalam erti kata lain, berpakaian juga adalah cara manusia menutup aurat. Menutup aurat bermaksud menutup seluruh badan dengan pakaian daripada dilihat oleh orang lain. Budaya berpakaian masyarakat Baromkeh

yang terdapat dalam novel mereka lebih kepada pakaian masyarakat Arab. Hal ini dikatakan demikian kerana, kedudukan daerah Baromkeh yang terletak di timur tengah iaitu Arab Saudi. Masyarakatnya berpakaian lebih menutup tubuh badan mereka tidak kira kaum lelaki mahupun perempuan. Menutup aurat sendiri adalah cara untuk seseorang menjaga maruah dari dilihat oleh mahramnya, namun setiap mahram juga mempunyai batas aurat tertentu tidak kira kaum lelaki dan juga wanita. Terdapat ayat di dalam al-Quran yang menjelaskan batasan aurat sesama mahram iaitu di dalam surah *an-nur* ayat 31 yang berbunyi:

“Katakanlah kepada wanita yang beriman; “Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan kemaluannya, dan janganlah mereka menampakkan perhiasannya, kecuali yang (biasa) nampak daripadanya. Dan hendaklah mereka menutupkan kain kudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya kecuali kepada suami mereka, atau ayah mereka, ayah suami mereka, atau putera-putera mereka, atau putra-putra suami mereka, atau saudara-saudara laki-laki mereka, atau putera-putera saudara lelaki mereka, atau putera-putera saudara perempuan mereka, atau wanita-wanita islam, atau budak-budak yang mereka miliki, atau pelayan-pelayan laki-laki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap wanita) atau anak-anak yang belum mengerti tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka memukulkan kakinya agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, hai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung”

(*An-Nur* 31)

Menerusi surah *An-nur* 31 ini ayat ini menerangkan bahawa setelah turun sahaja ayat tersebut, masyarakat ketika zaman Rasulullah dengan segera mereka menutup aurat pada bahagian dada seperti mana diperintahkan Allah SWT. Oleh itu, wajib

bagi perempuan dan juga lelaki menutup dan menjaga aurat daripada dilihat oleh yang bukan mahram. Islam mewajibkan setiap muslimin dan muslimat berpakaian kemas dan kelihatan cantik dan kemas. Tetapi, menurut Islam yang sebenar menghias diri bermaksud menutup aurat bagi lelaki dan perempuan. Seperti peristiwa yang terdapat dalam novel *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008), kaum perempuan yang gemar memakai busana yang dipanggil jubah dan abaya berwarna hitam polos untuk keluar ke man-mana. Hal ini kerana pakaian tersebut adalah budaya masyarakat perempuan arab, di mana pakaian tersebut adalah pakaian yang dipakai oleh wanita arab pada zaman Rasulullah SAW dan menjadi ikutan oleh masyarakat arab khusus di bumi para anbiya'.

Pakaian dan alat kosmetik merupakan *trend* yang paling banyak diminati dan mempengaruhi remaja masa kini melalui media sosial terutamanya *tiktok*, *instagram* serta aplikasi-aplikasi lainnya yang mengandungi pelbagai komponen-komponen tentang cara hidup kini. Menerusi era globalisasi kini, dunia fesyen makin mengembangkan sayapnya sehingga ke peringkat antarabangsa. Buktinya pada hari ini, ramai remaja gemar berpakaian seperti artis atau orang yang berpengaruh di media sosial dan mengikut trend fesyen ke arah barat. Kadangkala cara pemakaian yang dipilih oleh masyarakat mungkin tidak sesuai dengan budaya setempat. Masyarakat juga sering mempunyai gaya rambut berwarna-warni. Mereka lebih gemar berfesyen seperti budaya berbanding mengikut adat budaya sendiri yang lebih sopan. Walaupun setiap masyarakat diberi pilihan untuk berfesyen, mereka perlu sedar budaya pakaian yang dibawa menunjukkan identiti sesuatu bangsa. Cara berpakaian memberi pengaruh yang begitu besar kepada

negara. Hal ini dikatakan demikian kerana, cara berpakaian pada hari ini banyak dipengaruhi oleh budaya luar terutamanya budaya barat.

#### 4.2.4 Budaya Bertamu

Bertamu menurut Kamus Dewan Bahasa (2017), bermaksud datang atau berkunjung manakala Kamus Pelajar Edisi Kedua (2016), pula bertamu adalah berkunjung ke rumah orang lain dalam rangka mempereratkan hubungan tali silaturahim sesama manusia. Ikatan silaturahim dapat diertakan dalam kalangan masyarakat dengan cara mengikut tatacara kerukunan, menghidupkan rasa kasih sayang antara saudara, bantu-membantu antara satu-sama lain. Chairilisyah (2016), mengatakan bahawa kebaikan bertamu dapat melahirkan sikap toleransi kepada orang disekeliling selain mempertemukan persamaan dan mencapai penyelesaian untuk berbual dan menjalinkan ikatan persahabatan dalam menjalani kehidupan. Islam mengajar kita untuk berbaik hati dan gembira apabila menerima tetamu.

“Sudahkah sampai kepadamu (wahai Muhammad) perihal tetamu Nabi Ibrahim yang Dimuliakan? Ketika mereka masuk mendapatkannya lalu memberi salam dengan berkata: "Salam sejahtera kepadamu!" Ia menjawab: Salam sejahtera kepada kamu! "(Sambil berkata dalam hati): mereka ini orang-orang yang tidak dikenal. Kemudian ia masuk mendapatkan ahli rumahnya serta dibawanya keluar seekor anak lembu gemuk (yang dipanggang). Lalu dihidangkannya kepada mereka sambil berkata: "Silalah makan".

(Surah al-Dzariyat; ayat 24–27)

Ayat tersebut menggambarkan bahawa Islam dan Adat Perpatih sama-sama menekankan kepentingan meraikan dan melayan tetamu dengan mesra rasa hormat.

Ajaran Islam, khususnya melalui tradisi Nabawi, mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap tingkah laku pemimpin tradisional, termasuk keperluan untuk menunjukkan rasa hormat kepada tetamu yang berkunjung ke rumah mereka. Terdapat beberapa peristiwa menyantuni tetamu dalam novel *Baromkeh Matamu di Matak* (2008) di mana masyarakat Arab meraikan tetamu dengan cara memeluk dan melaga pipi masing-masing hal ini telah menjadi budaya dan kebiasaan tidak kira lelaki mahupun perempuan. Contohnya, peristiwa Husaini yang bertemu dengan rakannya seorang pemuda Arab. Selain itu, mereka juga mendoakan tetamu yang datang kerana dengan kehadiran tetamu, Allah akan merahmati tuan rumah tersebut. Contohnya, ketika Iman Khauthar dan Salwana mendatangi rumah Ummu Huzaifah. Dia segera menyambut tetamu dengan berdoa “Selamat datang tetamuku, semoga Allah merahmati kehidupan keluarga kami dengan kehadiran kalian berdua”. Fenomena ini sekaligus akan mewujudkan suasana yang nyaman dan selesa kepada tetamu yang datang berkunjung.

#### **4.2.5 Budaya Pengaruh Luar**

Pengaruh dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia (KBBI) bermaksud, daya yang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu benda yang dapat mewujudkan watak baharu, kepercayaan atau mengubah perbuatan seseorang. Budaya dalam setiap masyarakat tidak terlepas daripada dicemari oleh pengaruh luar. Hal ini dapat dilihat melalui fenomena yang terjadi di Malaysia iaitu sesetengah budaya mereka telah dicemari dengan menormalisasikan budaya barat dalam kehidupan harian mereka. Hal ini disebabkan, oleh Malaysia yang dulu pernah dijajah oleh rang British dan Jepun oleh itu mereka membawa sekaligus mempengaruhi budaya masyarakat Melayu.

Contoh yang dapat dibuktikan, adalah dari sudut hiburan, pemikiran, pemakaian dan lain-lain lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat Melayu itu sendiri tidak mempunyai jati diri yang kuat untuk mempertahankan budaya mereka sendiri. Justeru, mereka mudah terpengaruh dengan budaya barat yang telah dibawa masuk oleh penjajah barat terdahulu.

Kebelakangan ini, pengaruh globalisasi merupakan punca utama dan platform yang begitu pantas bergerak tanpa sedar membawa maklumat yang dapat mengubah dan mencipta satu budaya dan peradaban baru kepada masyarakat hari ini. Sungguhpun begitu, budaya yang dicipta oleh pengaruh luar iaitu barat dan timur masih menjadi ikutan pada masyarakat zaman kini terutama golongan muda yang umurnya masih setahun jagung sangat mudah dipengaruhi. Fenomena ini sekaligus akan melahirkan masyarakat yang lemah dari segi mempertahankan identiti budaya yang dibawa oleh nenek moyang pada ketika dahulu. Jika perkara seperti ini terus menular ia akan memberi kesan buruk kepada individu, masyarakat dan juga negara kerana lebih mengagung-agungkan budaya luar daripada budaya sendiri yang lebih baik dan bertamadun daripada budaya luar. Peristiwa seperti telah direpresentasikan dalam teks kajian iaitu peristiwa beberapa pemuda yang melakukan perbuatan bid'ah iaitu dengan memasukkan duit kertas ke dalam pagar yang menjaringi makam. Perbuatan yang selalu dilakukan oleh penziarah-penziarah makan dan berharap mereka beroleh tuah dan rezeki daripada perbuatan tersebut. Perbuatan sesat itu dilakukan ramai orang yang menyamai penganut Budha yang membaling duit kepada pokok-pokok azimat di kawasan tokong.



### 4.3 Menganalisis bentuk kesantunan budaya berdasarkan pendekatan *rubu' al-Adat*.

#### 4.3.1 Budaya Berkomunikasi (Kitab Adab Pergaulan)

Wajib bagi setiap Muslim untuk mengawasi ucapan mereka dengan teliti, kerana setiap lafaz akan dihisab oleh Allah SWT. Oleh itu, seseorang haruslah bersungguh-sungguh memelihara kesucian lidah mereka dan memupuk sikap yang baik semasa berkomunikasi.

##### 4.3.1.1 Hak Sesama Kerabat

Kerabat adalah hubungan yang erat serta mempunyai ikatan darah yang dikumpulkan daripada satu rahim ibu yang sama di mana ia membawa makna hubungan kekeluargaan. Menurut Ibnu Mandhur pula kerabat dari sudut bahasa bermaksud suatu yang berantonim dengan perkataan ‘jauh’ iaitu dekat (Mansor Sulaiman & Hasan Ahmad, 2022). Terdapat komunikasi antara kerabat dalam novel iaitu komunikasi antara Fahda Nur dan ibunya melalui petikan di bawah:

“Along permata ibu. Kalianlah yang mewarnakan hidup ini. Tanpa along dan Masrur, kuatkah ibu, nak?”

(Ummu Hani Abu Hassan, 2008:107)

Berdasarkan petikan di atas ibu Fahda ingin memberitahu bahawa ayahnya mahu mengambil adiknya Masrur yang sudah berusia sembilan tahun. Melalui komunikasi ibu dengan Fahda ini juga menunjukkan komunikasi seorang ibu bersama anaknya yang sangat lemah lembut daripada nada suara ibunya yang kian lama berubah suara menjadi hiba.

Rentetan daripada itu, sikap ibu Fahda yang bertanggungjawab menjaga dia dan adiknya sehingga besar tanpa bantuan daripada bapanya yang tidak bertanggungjawab malah bapanya tidak pernah memberi nafkah kepada mereka tiga beranak. Tambahan pula, bapanya yang bersikap kasar terhadap ibunya. Bapanya meninggalkan ibu ketika sedang berpantang melahirkan Masrur. Oleh itu, Fahda ingin memperjuangkan hak ibu dan dia dengan mendapatkan hak penjagaan adiknya yang akan diambil oleh ayahnya. Tanggungjawab Fahda sebagai seorang kakak yang ingin memperjuangkan adiknya supaya tidak berpisah daripada dia dan juga ibunya dapat dibuktikan dengan cara menuntut nafkah bagi dirinya dan Masrur sebagai anak kandung bapanya.

Sikap yang ditunjukkan oleh Fahda ini bertunjangan rubu'al-*Adat* dalam kitab hak-hak kerabat. Di mana dia cuba untuk mendapatkan haknya dan adiknya. Rasulullah SAW pernah bersabda jika seseorang menjalinkan hubungan kekeluarganya maka akan dipanjangkan kenangannya dan dilimpahkan rezeki kepadanya. Selain itu, sabdaan Rasulullah dalam kitab hak-hak kerabat juga memperjelaskan kekeluargaan itu tergantung pada Arasy Allah, dan kepada orang yang ingin menjalinkan hubungan kekeluargaan bukanlah orang membalas perkataan dengan perbuatan yang sama, tetapi orang yang apabila hubungan ahli keluarganya terputus, maka dia akan mengeratkan semula. Hal ini sama seperti yang dilakukan oleh Fahda yang tidak mahu adiknya diambil oleh bapanya, dan dia sanggup untuk mempertahankan hubungan tersebut dengan mengupah peguam demi menuntut hak jagaan ke atas Masrur.

#### 4.3.1.2. Hak Sesama Tetangga

Tetangga membawa maksud masyarakat yang tinggal berhampiran atau duduk bersebelahan (Kamus Dewan, 2017). Berdasarkan petikan dalam novel *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) terdapat kesantunan budaya dalam berkomunikasi antara muslim iaitu pelajar dan guru yang didapati dalam petikan novel di bawah:

“Kalau kau bimbangkan tentang peperiksaanmu tadi, ayuh, keringkan air matamu. Allah tidak akan menguji hamba-Nya untuk menjatuhkan mereka. Dia hanya mahu menggandakan sabar supaya kau dekat dengan-Nya”

(Ummu Hani Abu Hassan, 2008: 280)

Petikan di atas menjelaskan peristiwa di mana Anisah Muna sedang menenangkan anak muridnya Fahda Nur dengan cara memujuk. Sementara itu, disaksikan oleh Salwana teman kepada Fahda Nur. Salwana terpegun menyaksikan layanan Anisah Muna tersebut dan dia mula teringat bahawa, Fahda Nur pernah berkata, Anisah Muna mempunyai keajaiban menyentuh perasaan orang lain dengan hikmah bicaranya. Pujukan oleh Anisah Muna itu, dapat dilihat daripada tutur bicaranya yang sangat lemah lembut dan menenteramkan. Hubungan antara mereka berdua sudah seperti ibu dan anak sejak Fahda Nur mula belajar Bahasa Arab bersama Anisah mula selama empat tahun bergelar pelajar di Damsyik. Tambahan pula, Fahda Nur yang duduk berjauhan dan mempunyai masalah keluarga. Oleh itu, dia selalu meminta nasihat daripada gurunya itu dan kerana itulah dia amat menyayangi gurunya itu. Hal ini dikatakan demikian kerana, selama dia berada di Damsyik Anisah Munalah yang banyak membantu dari segi memberi

nasihat, mengajar dan memberi kasih sayang kepadanya dan bukan itu sahaja. Malah gurunya itu, tidak mengambil upah atau bayaran daripada Fahda Nur sebagai guru tambahan yang telah mengajarnya berbahasa Arab sehingga fasih.

Peristiwa yang dibincangkan di atas menggambarkan bahawa kesantunan budaya komunikasi yang berlaku antara guru dan pelajar secara sehalu. Sehubungan itu, terdapat juga penggunaan bahasa yang bukan merupakan bahasa asli sebelah pihak. Hal ini dikatakan kerana, watak dalam novel tersebut adalah warga asing yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa kedua di negara itu dan masih dalam proses belajar dan mempraktikkan bahasa tersebut dalam kehidupan sehariannya yang dikelilingi dengan masyarakat Arab. Walaubagaimana pun, fenomena tersebut tidak menghalang antara kedua-dua individu tersebut untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Malah, hubungan mereka menjadi semakin rapat dan mesra apabila elemen kesantunan dalam bahasa itu sentiasa dinormalisasikan dalam perhubungan sesama muslim. Lantaran itu, masyarakat Arab tersebut yang menerima masyarakat luar dengan hati yang terbuka bahkan sentiasa menerima undangan daripada mereka dengan hati yang lapang.

Perkara ini telah membuktikan bahawa elemen bahasa terangkum dalam elemen budaya santun sesebuah masyarakat. Bahkan, aspek elemen bahasa dan budaya ini memerlukan diantara satu sama lain menerusi konteks ketamadunan sesuatu bangsa yang pernah dikatakan oleh Asmah Haji Omar (2008) iaitu:

*“Language and culture together form an index to civilization. In this role the two have to be taken together, not separately”.*

Penggunaan bahasa yang santun juga melambangkan kesantunan sesebuah masyarakat untuk mewujudkan keramahan dan budaya hormat menghormati kepada seseorang (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2012). Rentetan daripada itu, kesantunan budaya komunikasi yang bertunjangkan kepada pendekatan *rubu' al-adat* merujuk kitab adab pergaulan di mana telah memperlihatkan hak-hak sesama muslim. Iaitu dalam peristiwa nasihat-menasihati dan cara Anisah Muna menyambut kedatangan muridnya itu dengan mesra dan menyelitkan senyuman panjang sambil memeluk erat antara satu sama lain. Situasi tersebut akan melahirkan sikap saling menyayangi antara muslim. Justeru, dapat menyempurnakan hak-hak sebagai muslim yang disukai oleh Allah SWT kerana mereka saling mencintai di jalan Allah dan bersaudara dalam agama-Nya yang merupakan salah satu ibadah paling mulia dan akhlak yang baik dan terpuji.

#### **4.3.2 Budaya Berpakaian (Adab-Adab Kehidupan dan Akhlak-Akhlak Kenabian)**

##### **4.3.2.1 Adab-Adab Nabi SAW**

Menurut Kamus Dewan Bahasa (2017), adab bermaksud tingkah laku yang disertakan dengan tutur kata yang halus iaitu sopan, budi bahasa, cermat dan sentiasa menjaga kesucian diri. Nabi SAW adalah sosok yang sentiasa menjaga adab. Hal ini dikatakan demikian kerana, Allah Rasulullah mencerminkan al-Quran. Terdapat adab dan kesantunan budaya oleh masyarakat Syria iaitu seorang perempuan yang menjaga kehormatan dirinya dalam novel:

“...Salman memerhatikan wanita yang kebanyakannya berjubah tebal dengan tudung diselit ke dalam baju. Sungguh dia merasakan penghayatan Islam di negara ini masih kuat berbanding dengan bumi Mesir, baik di

Kaherah mahupun bandar-bandar besar yang lain...”

(Ummu Hani Abu Hassan, 2008: 103)

Petikan di atas memaparkan budaya masyarakat arab Syria menjadi satu kewajiban untuk sentiasa menutup aurat mereka berbanding dengan Mesir. Hal ini menggambarkan salah satu adab Rasulullah yang sentiasa menjaga aurat baginda daripada dilihat oleh orang lain. Wanita dikenali dengan makhluk yang lemah lembut dan sopan santun serta mempesonakan. Maka, wanita muslimah pada zaman Nabi Muhammad SAW disyariatkan untuk menutup seluruh tubuh dan perhiasan dengan hijab yang dapat menghalangi orang asing untuk melihat sedikit dari bahagian tubuh atau perhiasan yang dipakai. Seterusnya, budaya pemakaian kaum wanita terdapat dalam novel dapat menjaga keselamatan mereka daripada diganggu oleh kaum lelaki melalui petikan di bawah:

“Spontan Salman mengucapkan tahmid sebagai tanda syukur melihat si gadis berpakaian litup dalam busana sopan muslimah”

(Ummu Hani Abu Hassan, 2008: 103)

Peristiwa tersebut, menggambarkan budaya masyarakat yang suka berpakaian sopan seperti jubah dan abaya. Busana sopan muslimah seperti abaya adalah salah satu bentuk representasi kebudayaan masyarakat Arab. Ia sejenis gaun atau jubah yang menjulur panjang ke bawah yang mempunyai pelbagai jenis warna, tetapi bagi masyarakat Arab Saudi mereka memilih warna hitam polos tanpa dihiasi dengan manik-manik dan labuci yang akan menonjolkan dan menarik perhatian orang

apabila melihatnya.

#### 4.3.2.2 Adab-Adab dan Akhlak Nabi dalam Berpakaian

Adab dan akhlak mempunyai kedudukan yang sangat penting bagi manusia baik sebagai individu mahupun sebagai makhluk sosial. Berdasarkan etimologi, istilah "akhlak" berasal dari bahasa Arab, khususnya فأخال, yang bermaksud "etika, tingkah laku, budi pekerti, dan budi pekerti yang baik". Pada dasarnya, akhlak merangkumi intipati jiwa dan keperibadian seseorang, dengan mudah dan naluri menjelma tanpa pertimbangan. Intipati akhlak terletak pada pengaruh transformatifnya dengan hubungan yang rumit antara manusia, ketuhanan, dan alam semesta yang luas. Ia mengubah struktur kewujudan, membentuk ikatan dengan Tuhan dan sesama makhluk. Rasulullah SAW diutus oleh Allah untuk menjadi ikutan dan menyempurnakan akhlak umat manusia termasuklah dari segi pakaian. Antara, contoh berpakaian mengikut sunnah Rasulullah SAW dalam novel ialah:

“...Sebaik keluar, dilihatnya Hamdi sudah berada di atas hamparan sejadah siap berbaju Melayu dan berserban...”

(Ummu Hani Abu Hassan, 2008: 39)

Petikan di atas menggambarkan budaya masyarakat Melayu Islam yang berbaju Melayu dan berserban untuk menunaikan solat fardu subuh di masjid. Perwatakan Ziyad yang mengenakan budaya memakai baju Melayu dan serban di negara Arab tersebut telah membuktikan bahawa dia seorang masyarakat Melayu yang bangga dan tidak berasa kekok untuk mengenakan pakaian tradisional orang Melayu di Malaysia tersebut di negara luar iaitu negara Arab.

Disamping itu, baju Melayu yang dipakai oleh Ziyad telah menunjukkan usaha masyarakat Melayu untuk mengangkat identiti budaya Melayu dan membentuk imej mereka. Sehubungan dengan itu, menurut sejarah sosial di Malaysia terdapat isu pakaian yang telah dibangkitkan sehingga mendapat perhatian dan menjadi isu hangat pada tahun 1930-an. Di mana pada tahun itu, terjadinya konflik antara masyarakat Melayu dan Arab untuk menggantikan nilai yang dikatakan mewakili budaya Arab dengan sesuatu yang baru. Menurut Mohden & F.R (1993), masyarakat Melayu pada ketika itu, tidak dapat untuk mencapai kata sepakat secara kolektif berkaitan nilai dan norma. Masyarakat Melayu adalah golongan yang paling ramai dalam kalangan masyarakat Muslim yang menggunakan pakaian tradisional Melayu. Baju Melayu dikatakan telah mendapat pengaruh oleh kaum India Muslim dan juga masyarakat Arab. Sementara itu, etika dan cara pemakaian masyarakat Muslim di Semenanjung Tanah Melayu juga dipengaruhi oleh budaya masyarakat Arab. Hal ini terjadi kerana, sebelum Perang Dunia Pertama fesyen pakaian lelaki Muslim adalah bertunjangkan kepada budaya masyarakat Arab. Bertitik tolak daripada itu, masyarakat Melayu melihat bahawa konsep pemakaian masyarakat Arab mempunyai kriteria dan sesuai dengan etika pemakaian mengikut syariat agama. Sebagai contoh, penggunaan serban dan jubah yang dipakai oleh masyarakat Arab juga mempunyai kaitan dengan identiti dan keimanan seseorang. Pemakaian serban juga merupakan lambang atau simbolik kepada Islam. Oleh itu, masyarakat Melayu berpandangan bahawa masyarakat Arab merupakan keturunan Nabi Muhammad SAW dan memiliki kedudukan yang tinggi di sisi-Nya, (Nathan, 1922).

Selain itu, terdapat juga masyarakat yang berpakaian mengikut sunnah



Rasulullah iaitu mengenakan jubah putih untuk pergi ke masjid menunaikan solat berjemaah dalam petikan:

“Segera di sarungnya jubah putih dan dililiti kepalanya dengan serban sebelum membuntuti Hamdi.”

(Ummu Hani Abu Hassan, 2008: 39)

Petikan di atas menjelaskan terdapat persamaan adab dan akhlak yang dilakukan oleh watak Ziyad dengan pemakaian Nabi Muhammad SAW dalam budaya berpakaian merujuk kitab adab-adab kehidupan dan akhlak-akhlak kenabian dalam *rubu' al-Adat*. Perkara ini dapat dilihat di mana baginda Rasulullah SAW gemar memakai kopiah di bawah serban dan melilitkan serban baginda, kadangkala melepaskan songkok dari kepala dan menjadikan serban sebagai sejadah, lalu mengerjakan solat. Baginda juga berpakaian kemas, menutup aurat, dan memakai serban. Tambahan pula, bentuk muka bumi Arab yang melampau menuntut masyarakat Arab untuk menutupi bahagian badan untuk melindungi badan daripada terkena habuk, ancaman dan sebagainya. Secara tidak langsung, pemakaian yang diajarkan oleh baginda telah mewujudkan satu budaya pakaian di negara tersebut.

#### **4.3.3 Budaya Bertamu (Kitab Makan dan Minum)**

Bertamu merupakan suatu ibadah dan apabila seseorang menjaga adab-adab bertamu dia akan mendapat kebaikan di sisi Allah SWT. Perbuatan ziarah-menziarahi dengan memenuhi undangan daripada seseorang adalah satu tuntutan yang harus dipenuhi oleh masyarakat pada zaman kini yang kurang mengambil berat soal adab bertamu.

#### 4.3.3.1 Etika Menerima Tetamu Sesama Sahabat

Menyantuni tetamu adalah amalan mulia yang sekian lama diamalkan oleh masyarakat Melayu. Perihal ini turut dikemukakan oleh pengarang dalam menghasilkan novel *Baromkeh Matamu di Mataku*. Pengarang telah merekodkan paradigmanya dalam novel tentang entiti sosiobudaya dalam aspek menyantuni sahabat handai yang berlaku dalam masyarakat di bumi Baromkeh. Kenyataan ini digambarkan dalam petikan berikut:

“Nanti, kalau *anta* berdua datang ke Mesir, insya-Allah *ana* jamu kushairi pula. Khushairi tu nasi yang dicampur dengan makaroni atau spageti dan digandingkan dengan kuah tomato. Tapi, sedap lagi nasi mandi ni,” ujar Salman lagi.

(Ummu Hani Abu Hassan, 2008: 172)

Petikan di atas memaparkan perbualan antara Salman, Hamdi dan Ziyad. Salman yang jarang sekali ke Baromkeh itu mengenakan nasi mandi yang dikongsi bertiga bersama teman-temannya Ziyad dan Hamdi. Nasi mandi yang merupakan hidangan masyarakat Arab yang berasal daripada negeri Yaman dan terkenal di Damsyik. Mereka makan secara berjemaah sambil meluangkan masa bersama-sama. Menjadi satu kebiasaan atau budaya bagi masyarakat Arab apabila mereka menikmati hidangan nasi mandi haruslah makan secara berjemaah. Perkara tersebut telah menjadi ikutan oleh masyarakat Melayu yang datang ke negara Arab. Situasi itu tersebut dapat digambarkan oleh Ali RA yang berkata:

“Saya lebih suka mengumpulkan saudara-saudaraku untuk makan satu sha’ makanan daripada memerdekakan seorang hamba.”

Kata-kata daripada Ali RA itu bermaksud amalan yang lebih baik adalah duduk bersama-sama dengan saudara di hadapan hidangan pada tempoh yang lama, kerana perkara tersebut adalah amalan yang sangat mulia dan mendapat keberkatan daripada melepaskan seorang hamba. Tambahan pula, Allah SWT tidak akan menghisab amalan mereka dan mengumpulkan saudara untuk maka bersama-sama itu merupakan amalan mulia yang akan dikira di akhirat kelak. Setelah itu, Salman mencelah dan berkata dia akan menghidangkan kushairi kepada sahabatnya itu apabila mereka datang ke Mesir nanti.

Jelaslah bahawa, adab memuliakan tetamu dalam masyarakat Melayu adalah melayani tetamu dengan menghidangkan makanan atau minuman. Orang Islam akan merasa senang apabila menerima kunjungan sama ada dalam kalangan ahli keluarga, saudara malahan daripada rakan taulan (Ahmad Muhammad Abdul Gaffar, 2009). Selain itu, dalam rubu' *al-Adat* juga terdapat peristiwa para sahabat yang selalu berkumpul untuk membaca al-Quran, dan mereka tidak akan berhenti kecuali untuk makan bersama-sama. Dalam sepotong hadis disebutkan bahawa Allah SWT berkata di hari kiamat yang bermaksud:

“Wahai manusia, Aku lapar tetapi engkau tidak memberi-Ku makan. Manusia berkata, ‘Apakah mungkin amu memberi-Mu makan, sementara Engkau adalah Tuhan semesta alam.’ Allah SWT berfirman, ‘saudaramu sesama muslim lapar, tetapi engkau tidak memberinya makan. Jika engkau memberinya makan, bererti engkau telah memberi-Ku makan”

(HR.Bukhari)

Oleh itu, dalam peristiwa perbualan antara Salman dan rakan-rakannya iaitu

Hamdi dan Ziyad ini bertepatan dengan *rubu al-Adat* telah menunjukkan sunnah yang disukai oleh baginda Rasulullah SAW. Perihal tersebut menggambarkan bahawa pengarang menyisip adat budaya bertamu dalam mengemukakan hubungan persahabatan yang mengutamakan adab menyantuni tetamu.

#### 4.3.3.2 Etika Menerima Tetamu Antara Guru dan Pelajar

Budaya menyantuni tetamu adalah adat nenek moyang yang telah lama menjadi akar umbi sejak berzaman lagi. Islam juga menuntut umatnya untuk memberikan layanan yang baik kepada setiap tetamu yang datang ke rumah. Hal ini dikatakan demikian kerana, tetamu dikatakan membawa rezeki kepada tuan rumah. Apabila tuan rumah melayani tetamu mereka dengan baik dan membuatkan hati tetamu berasa tenang, maka Allah akan merahmati tuan rumah tersebut lebih-lebih lagi yang menjadi tetamu itu adalah orang yang disukai dan disegani. Hal ini dapat dikenal pasti menerusi novel baromkeh dalam petikan berikut :

“Aku ke dapur, ambilkan kalian air. Mahu kopi atau teh?” Dia bertanya sambil bangkit dari sofa. Salwana dan Fahda Nur saling berpandangan. Berat hati mereka untuk menolak kerana bagi wanita Arab, adalah memalukan jika tetamu datang tanpa minum walaupun seteguk air.

(Ummu Hani Abu Hassan, 2008: 281)

Petikan di atas menerangkan, Anisah Muna bertanya terlebih dahulu kepada tetamunya iaitu Salwana dan Fahda Nur untuk menghidangkan air kepada mereka. Perihal ini merupakan adab menyantuni tetamu di mana tuan rumah haruslah

menyediakan hidangan yang disukai tetamu. Budaya menyantuni tetamu dalam novel ini bertunjangan rubu' *al-Adat* merujuk kitab makan dan minum dalam etika jamuan makan, tuan rumah menghidangkan makanan yang disukai oleh tetamu tanpa bertanya kepada tetamu hidangan apa yang hendak dihidangkan kepada mereka. Namun, apabila tuan rumah menawarkan dengan dua pilihan makanan, maka tetamu haruslah memilih sesuatu hidangan yang lebih mudah untuk dihidangkan oleh tuan rumah. Sehubungan itu, diriwayatkan oleh Jabir RA bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

“Siapa memberi kenikmatan kepada saudaranya dengan memberi makanan yang disukainya, maka Allah SWT akan membalasnya dengan sejuta kebaikan, dan menghapus sejuta kesalahan daripadanya, serta mengangkatnya pada sejuta darjat. Allah SWT memberinya makanan daripada tiga syurga, iaitu Firdaus, syurga ‘Adn dan syurga Khuldi.”

(HR. Ibnu Jauzi)

Walau bagaimanapun, adalah penting untuk memastikan bahawa sebarang tindakan yang diambil oleh tuan rumah adalah mengikut keutamaan dan keselesaan tetamu. Layanan yang diberikan oleh masyarakat Arab di Tanah Arab berbeza dengan Barat. Hal ini dikatakan demikian kerana, Barat menjadikan tembok dinding sebagai penghalang antara kejiranan. Kemesraan dan kepercayaan yang ditunjukkan oleh komuniti masyarakat Islam di tanah Arab, jelas mencerminkan setiap tindak tanduk dan adab mereka. Tambahan pula, ketiadaan perasaan sangsi dalam menerima orang luar sebagai saudara dapat membezakan adab masyarakat arab dan Barat. Budaya menyambut tetamu dengan menunjukkan rasa hormat

kepada tetamu sudah menjadi kebiasaan dalam masyarakat Arab tanpa bias atau menimbulkan sebarang bentuk diskriminasi. Tuan rumah harus memberi layanan yang baik tanpa membeza-bezakan antara tetamu. Layanan harus diberi sama rata, tidak kira golongan atas atau bawahan hal dianggap penting supaya kunjungan yang datang bertandang merasa nyaman dan selesa sepanjang keberadaan mereka.

Disamping itu, perasaan serba salah menyelubungi hati Salwana dan Fahda Nur jika mereka tidak menjamah sedikit air yang dibuat oleh tuan rumah. Berikut, akan mengecilkan hati tuan rumah kerana tidak menghormati hidangan yang disediakan. Tetamu juga mempunyai adab apabila bertandang, di mana tetamu harus menerima layanan baik yang diberikan oleh tuan rumah dan memenuhi keperluan mereka. Oleh itu, wajib bagi tetamu untuk, menghormati tuan rumah secara tidak langsung menghargai dan menghormati budaya masyarakat Arab yang suka memuliakan tetamu. Senario saling hormat-menghormati tersebut akan mengeratkan hubungan antara tetamu dan tuan rumah malah dapat mengelakkan diri masing-masing daripada berlaku perselisihan (Bahri, 2009).

#### **4.3.4 Budaya Pengaruh Luar (Kitab amar ma'ruf dan nahi mungkar)**

Budaya pengaruh luar yang membawa kepada kebinasaan sesebuah masyarakat seperti masyarakat Barat yang telah mempengaruhi pemikiran dan cara hidup sesuatu masyarakat. Oleh itu, dengan menggunakan kitab amar makruf nahi mungkar ini ada dapat dipelajari dan dicontohi cara tentang hal-hal dan bagaimana sesuatu kemungkaran itu dapat dicegah dan dihindari.

##### **4.3.4.1 Kewajipan Amar Ma'ruf Nahi Munkar**

Amar ma'ruf nahi mungkar merupakan satu konsep dalam Islam yang harus

diaplikasikan pada setiap aktiviti manusia yang disebut sebanyak lapan kali dalam Al-Quran. Konsep ini mengajak kepada kebaikan dan meninggalkan kemungkar. Menurut Fadhlullah dalam Syeikh (2018), pembatasan kegiatan amar ma'ruf nahi mungkar adalah sebagai usaha dalaman umat Islam agar mengikuti dan melandasi jalan Islam agar tidak menyimpang dari jalan Islam yang lurus. Manakala, Ghazali (2001) pula mencadangkan bahawa sebagai pemimpin dan pendakwah, adalah penting bagi kita untuk berani menangani dan menghadapi sebarang kesalahan yang kita saksikan atau alami melalui tindakan kita sendiri. Hal ini jelas tergambar dalam petikan berikut:

“Kak Fahda, kami tak memaksa kakak untuk bersama dengan persatuan. Kedatangan kami sebagai wakil daripada pihak Muslimin yang ternampak kakak berduaan dengan lelaki ajnabi. Bukankah perbuatan itu tidak elok dan bertentangan dengan syariat?” tuturnya. Suaranya sehabis mungkin disesuaikan dengan konsep al-hikmah -lemah lembut.

(Ummu Hani Abu Hassan, 2008: 141)

Petikan di atas memaparkan, Fahda Nur yang baru pulang daripada rumah gurunya iaitu Anisah Muna untuk mendapatkan kata semangat dan menyegarkan kembali jiwanya kian yang mendung dan dihantar oleh Jabir. Sesampainya dia di rumah terdengar suara lelaki yang berkata “Dia dah pulang”. Rupanya-rupanya terdapat dua orang pemuda Malaysia dan tiga orang siswi berpurdah sedang berdiri di hadapan pintu rumah sewanya. Mereka berlima adalah daripada jawatankuasa tertinggi persatuan Hal Ehwal Siswi (HELWI). Ternyata mereka datang untuk berbincang tentang hal yang berbangkit mengenai dia dan juga Jabir yang menjadi

bualan oleh siswa dan siswi. Hal ini terjadi kerana, mereka selalu berdua dan perkara itu telah disaksikan oleh tiga pemuda Melayu iaitu Ziyad, Hamdi dan Salman sewaktu Jabir hendak menghantar Fahda Nur ke rumah Ummu Huzaifah. Perkara tersebut telah menjadi satu fitnah terhadap Fahda Nur. Mereka sudah banyak kali melihat Fahda bersama lelaki Arab tersebut menaiki tut-tut bersama. Senario yang beberapa kali dilihat tanpa sengaja itu, telah sampai kepada pemimpin muslimin dan muslimat persatuan HELWI. Hal ini berlaku kerana, peristiwa Fahda Nur dan Jabir yang terpaksa berdua-duaan menaiki tut-tut itu dikatakan tidak manis.

Hal ini dapat dilihat dalam pendekatan *ihya' ulumuddin* iaitu pada *rubu' al-adat* di mana dalam petikan tersebut menggambarkan mahasiswa yang menjalankan tanggungjawab mereka sebagai persatuan HELWI, sekaligus untuk menasihati, menegur untuk mencegah daripada terus difitnah. Disamping, mencegah Fahda Nur yang terus berdua-duaan dengan Jabir. Tindakan yang dibuat oleh Ziyad, Adawiyah dan rakan-rakan yang lain itu adalah bertepatan dengan kewajipan menjalankan tanggungjawab amar makruf nahi mungkar dalam *rubu al-Adat* di mana Rasulullah SAW bersabda:

“Barang siapa di antara kamu melihat suatu kemungkaran, maka dia hendaklah mengubahnya dengan tangannya. Apabila dia tidak mampu, maka dengan lidahnya. Dan apabila dia tidak mampu, maka dengan hatinya, dan itu adalah iman yang paling lemah.”

Menurut apa yang dikatakan oleh Rasulullah SAW itu, sebagai khalifah di dunia ini manusia haruslah mencegah maksiat dengan tiga cara untuk berdakwah mengikut hadis. Pertama adalah melalui kuasa atau kedudukan, di mana seseorang



yang mempunyai kuasa atau pengaruh boleh didengari dan dihormati oleh orang lain. Kedua ialah dengan bercakap benar kepada mereka yang melakukan kejahatan, hal ini memerlukan mentaliti yang kuat untuk mengambil langkah pencegahan terhadap kesalahan yang dilakukan. Cara ketiga ialah melalui hati, menasihati orang lain yang lemah imannya supaya sekurang-kurangnya menolak kemungkaran dalam hati jika tidak mampu mencegahnya secara mental.

#### **4.3.4.2 Kemungkaran-Kemungkaran Yang Biasa Terjadi**

Maksud kemungkaran Awang (2007) mengupas tentang kesantunan masyarakat Melayu yang berakar umbi kepada pegangan agama Islam. Agama ini menekankan dua tanggungjawab utama kepada manusia iaitu menggalakkan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Hal-hal yang biasa berlaku dalam masyarakat kita dapat dilihat petikan berikut:

“...Drama korea memang popular dalam kalangan siswi Malaysia di Damsyik. Setiap minggu ada sahaja yang memuat turun filem-filem Korea dari laman web You Tube...”

(Ummu Hani Abu Hassan, 2008: 232)

Petikan di atas menjelaskan, fenomena yang berlaku dalam kalangan pelajar siswi iaitu daripada masyarakat Melayu yang terpengaruh dengan budaya luar iaitu budaya Korea. Di mana mereka gemar akan drama Korea yang ditayang di televisyen dan memuat turun agar dapat menonton pada bila-bila masa. Selain itu, terdapat pelajar siswi yang tidak berpuas hati atas sikap yang ditunjukkan oleh pelajar siswi yang lain akan budaya negatif yang dibawa masuk, sedangkan tempat yang mereka diduduki kini adalah tempat di mana mereka menuntut ilmu Allah. Tidak bagus jika perkara tersebut terus menjadi budaya dan diamalkan oleh pelajar

tersebut kerana, drama Korea yang ditonton adalah jauh tersimpang dengan ajaran Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana, unsur-unsur yang terdapat dalam drama korea tersebut mempunyai unsur lucu, pergaduhan, percintaan yang akan membawa penonton ke arah kebinasaan. Sikap pelajar siswi yang berani mencegah kemungkaran yang berlaku dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“Anis tak ralat kalau mereka itu bukan pendukung Islam dan berbangga-bangga dengan pakaian Islam mereka. Tidaklah adil kalau mengecap orang lain sebagai liberal, sosial, sosial dan tak thiqoh kalau hati mereka sendiri berkarat dek mazmumah. Dari luaran bergaya solehah tetapi hakikatnya berhubungan dan bermain cinta dengan lelaki ajnabi. Kawankawan Anis di rumah ni, mereka lebih selesa bercakap tentang kosmetik berbanding kisah-kisah kepahlawanan Khalid al-Walid dan Salahuddin al-Ayubi. Jadi, apa untungnya mereka datang belajar jauh-jauh ke Syria jika manfaatnya tak digali?”

(Ummu Hani Abu Hassan, 2008: 236)

Menerusi petikan di atas, Anis meluahkan segala yang lama terpendam dihatinya berkenaan dengan tingkah laku dan aktiviti seharian Muslimah ketika waktu lapang mereka. Anis bersikap tegas dengan apa yang diluuhkannya kepada Adawiyah sebagai pengerusi HELWI. Terlalu banyak perkara yang sia-sia dilakukan oleh pelajar siswi. Contohnya, siswi Malaysia di Damsyik gemar melayan dan berbual mengenai drama Korea dalam kalangan mereka. Selain itu, terdapat juga muslimat yang langsung tidak terusik dengan nasib saudara-saudara Palestin di sebalik negara sana malah mereka juga sibuk menghabiskan masa dengan melayari Internet, berbual dan memuat turun drama-drama hedonis Melayu dan tak kurang juga yang tenggelam dalam godaan kartun dan lagu-lagu cinta.

Tambahan pula, Anis yang merasa kecewa dengan sikap siswi yang menuduh orang lain berfahaman liberal. Sedangkan tujuan utama siswi ke negara Arab, Damsyik tersebut adalah untuk menuntut ilmu. Anis juga berharap apa yang diluahkan dan diceritakan kepada Adawiyah sebagai pengerusi HELWI tersebut dapat diambil tindakan.

Rentetan daripada itu, kitab kemungkaran-kemungkaran yang biasa terjadi bertunjangan pendekatan *ihya' ulumuddin* dalam rubu' *al-adat*. Hal ini kerana, kitab tersebut berfungsi sebagai amar makruf nahi mungkar yang bertepatan dengan persyaratan keadilan yang mengelakkan daripada perkara mungkar sehingga seseorang yang berkuasa tidak mampu mencegah orang lain daripada membuat kemungkaran. Contohnya, di mana Anis cuba memberi tahu perkara sebenar kepada Adawiyah yang merupakan pengerusi HELWI akan aktiviti-aktiviti tidak berfaedah yang dilakukan oleh segelintir pelajar siswi selama ini dan dia berharap agar Adawiyah dapat mengambil tindakan yang sewajarnya dengan adil dan saksama agar segala kemungkaran dapat dicegah dengan sebaiknya.

Sehubungan itu, di dalam petikan novel yang dikutip tersebut menggambarkan fenomena seseorang yang ingin menjaga niatnya agar tidak tergelincir daripada matlamat utama untuk menuntut ilmu Allah di bumi Syria. Dengan itu Anis teguh dengan budaya yang dibawanya sebagai seorang masyarakat Melayu yang masih teguh dan tidak mudah dipengaruhi dengan anasir-anasir barat yang dapat merosakkan dirinya. Tambahan pula, Syria merupakan bumi para Anbiya', bumi yang sangat diberkati serta memiliki roh keimanan dan sarat dengan penghayatan Islam yang sangat mendalam mengikut syariat Islam. Namun begitu, masih terdapat sebilangan manusia yang tidak menghormati tempat mulia tersebut

dengan melakukan perkara yang sia-sia dan tidak mengambil manfaat di tempat menuntut ilmu tersebut. Dalam konteks ini, kemungkar-kemungkar yang biasa terjadi dalam kalangan pelajar siswi tidak harus dibiarkan malah mereka harus dibimbing agar tidak terlalu taksud dengan budaya luar yang langsung tidak memberi kebaikan kepada pembangunan diri malah dapat merosakkan diri serta membuang waktu belajar. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab haruslah sentiasa cakna dengan apa yang berlaku di sekeliling mereka agar budaya negatif yang dinyatakan tidak mudah menular.

#### **4.4 Menjelaskan kesan kesantunan budaya menerusi teks kajian dalam kehidupan seharian.**

##### **4.4.1 Individu**

Hasil karya novel *Baromkeh Matamu di Mataku* oleh Ummu Hani Abu Hassan ini adalah daripada buah fikiran penulis sendiri melalui pengembaraan beliau dan ilmu pengetahuan daripada hasil merantau dan pengalaman peribadi beliau yang pernah menjejakkan kaki ke luar negara. Penulis secara peribadi pernah merasai pengalaman merantau dan merasai sendiri keindahan budaya di negara luar. Oleh itu, tidak hairan jika novel yang dibaca oleh pengkaji terasa begitu hidup dan seperti berada dalam situasi yang diceritakan oleh penulis dalam novel. Tambahan pula dalam novel ini, penulis menekankan makna tambah apabila berkait tentang merantau digambarkan melalui aspek ilmu pengetahuan, pembelajaran,

pengalaman, budaya yang berlainan, persahabatan dan cabaran hidup di perantauan (Kamariah Kamarudin, 2014).

Pemerhatian yang dijalankan terhadap persekitaran dan pengalaman pembacaan yang meluas telah berjaya memberi kesan positif kepada individu yang membaca. Kesantunan budaya kepada individu melalui novel *Baromkeh Matamu di Mataku* adalah individu sebagai pembaca dapat membina jati diri mereka dengan pengamalan budaya yang baik mengikut syariat Islam. Persekitaran yang dipaparkan dalam novel ini dapat memberi pengetahuan kepada individu tentang kepayahan hidup seorang diri tanpa keluarga dan saudara rapat di negara orang. Bertitik tolak daripada itu, individu akan menjaga dirinya dengan baik jika dia mempunyai jati diri dan tahu akan batas-batas pergaulan serta mengapresiasi budaya di sesebuah kawasan. Seperti peristiwa yang terdapat dalam novel di mana Fahda Nur merupakan pelajar siswi yang gigih mencari rezeki untuk menyara dirinya sehingga terpaksa menaiki kenderaan bersama seorang pemuda arab yang merupakan pemandu kenderaan awam tersebut dengan kerap di atas dasar kerja sehingga dia dipanggil 'perempuan jaguh'. Tetapi Fahda masih tahu untuk menjaga batas dan menjaga maruah dirinya. Maka kesan kesantunan sesebuah budaya itu tidak terikat kepada seseorang selagi seseorang itu tidak melakukan perkara di luar batas dan melanggar syariat.

Seterusnya, kesan kepada individu terhadap kesantunan budaya dalam novel *Baromkeh Matamu di Mataku* adalah novel tersebut membawa individu mengenali dan menelusuri kesantunan budaya luar, yang lebih kurang sama dengan masyarakat Melayu Islam sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana, budaya

masyarakat di Syria mempunyai persamaan. Contohnya, dari segi pakaian yang mengikut syariah iaitu menutup aurat dengan berpakaian mengikut sunnah nabi SAW, cara menyantuni tetamu, adab ketika berbual dan lain-lain lagi. Perkara ini dapat memberi kesan kepada individu iaitu kesantunan budaya yang dipelajari dapat menjadi perisai kepada individu tersebut jika dia, benar-benar memahami dan mempraktikkan kesantunan budaya dalam kehidupan seharian. Maka, individu tersebut akan disayangi dan disenangi oleh orang sekeliling apabila melakukan perkara yang baik dan mengikut sesuatu budaya dengan beradab dan berhemah. Penulis juga telah memanfaatkan ruang fiksyen ini dengan memaparkan adab menyantuni tetamu yang disemai dalam masyarakat dan adab memuliakan tetamu bagi membentuk karakter peribadi masyarakat yang bersopan santun (Swingewood dan Laurenson, 1972).

#### **4.4.2 Masyarakat**

Tuntasnya, kajian yang mendasarkan novel *Baromkeh Matamu di Mataku* ini adalah untuk mengkaji lebih mendalam mengenai konsep kesantunan budaya yang dimiliki oleh setiap watak di dalam novel serta identiti budaya yang terdapat dalam masyarakat tersebut dengan bertunjangkan pendekatan *Ihya Ulumuddin rubu' al-Adat* telah menjadi batu loncatan kepada masyarakat untuk mengenali dan mempelajari budaya yang dapat membentuk peribadi masyarakat. Penggunaan *rubu'* yang dipilih sendiri oleh pengkaji di atas tahap kesesuaian bagi menghuraikan perkara-perkara yang berkenaan agar dapat memberi makna dan pemahaman yang lebih mendalam kepada pembaca. Selain itu, dengan penggunaan *rubu' al-Adat*

diharapkan setiap nilai-nilai yang positif dapat memberi kesan dan pelajaran yang boleh diteladani oleh pembaca khusus kepada masyarakat.

Jika dilihat daripada perspektif yang berbeza, prosa moden yang dihasilkan ini dan sudah pun dipertontonkan khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu sarat dengan nilai-nilai murni bahkan pengarang turut menyisipkan pengajaran melalui bentuk kesantunan budaya yang dikaji. Pengajaran yang terkandung dalam novel tersebut diinterpretasikan untuk mendidik khusus kepada jiwa-jiwa muda mengenai kepentingan budaya kepada masyarakat kini yang harus dilestarikan. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap budaya yang dilahirkan oleh setiap bangsa mahupun tempat itu mempunyai adab, nilai, dan peraturan yang harus diselami oleh masyarakat kini akan keindahan sesebuah budaya. Kesantunan budaya yang dipamerkan ini juga mampu menyedarkan masyarakat bahawasanya, kepentingan menjaga dan memelihara sebuah budaya itu tidaklah sukar. Hal ini berlaku kerana, budaya adalah sebahagian daripada darah daging setiap manusia, budaya juga adalah sesuatu yang menjadi norma dalam setiap kehidupan. Contohnya, jika dilihat dari perspektif yang lebih mendalam melalui bentuk budaya berkomunikasi, dari segi percakapan sehari-hari budi bahasa haruslah diterapkan bahkan harus menjadi kebiasaan masyarakat untuk menuturkan sesuatu perkara. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, budi bahasa merujuk kepada konsep kesantunan.

Dasawarsa ini, pelbagai teknologi telah pun menjadi alat penyebaran kata-kata kesat di media sosial. Nur Atikah Ibrahim & Maslinda Yusuf (2020), penggunaan bahasa yang tidak betul atau kesat yang digunakan dalam aplikasi atas talian seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan lain-lain lagi dengan kata-kata

sindiran dan perlian terhadap individu ataupun sesebuah organisasi tertentu. Perkara ini amat berbahaya kepada pembentukan generasi akan datang. Melalui bahasa sahaja, dapat mencabar sesebuah institusi pemerintahan. Hal ini berlaku akibat sesetengah masyarakat yang mengambil enteng dan mengetepikan nilai santun sesebuah bahasa dengan membudayakan bahasa dan kata yang kasar. Rentetan itu, kajian ini dilakukan dengan mendasari novel *Baromkeh Mataku di Matamu* bagi mendedahkan budaya yang sebaiknya diikuti dan dicontohi oleh masyarakat pada masa ini agar dapat mewujudkan doktrin masyarakat yang bertamadun.

#### **4.4.3 Negara**

Negara adalah kumpulan masyarakat yang menduduki sesuatu kawasan serta memiliki kedaulatan politik dan juga jentera pemerintahan (Kamus Bahasa Melayu, 2017). Kesan kesantunan budaya menerusi teks kajian kepada negara adalah mewujudkan hubungan dan persepsi yang baik dalam kalangan masyarakat. Penelitian kajian melalui kesantunan budaya ini dapat mengawal kadar jenayah yang berlaku dalam negara dengan mengaplikasikan kesantunan budaya dalam hidup bermasyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, kesantunan budaya dapat menjadi penghalang daripada berlakunya sesuatu kejadian yang buruk apabila sesebuah masyarakat di sesuatu kawasan itu mengamalkan kesantunan budaya dengan baik. Tambahan pula, ciri penting bangsa yang bertamadun adalah menjaga kesantunan dalam berbahasa dengan baik (Awang Sariyan, 2015). Antara contohnya, melalui budaya komunikasi seseorang masyarakat haruslah menggunakan intonasi yang tepat dan sesuai dengan sesuatu yang hendak dilontarkan. Hal ini amat penting untuk menjaga adab dan tatasusila masyarakat



dalam sebuah negara. Oleh itu dengan, kesantunan budaya yang terdapat di setiap negara haruslah dipelajari isi yang terdapat dalam setiap budaya walaupun berlatar belakangkan bahasa, warna kulit, fizikal badan yang berbeza dan lain-lain lagi yang tidak menjadi penghalang sesebuah masyarakat itu mengenali sesuatu budaya.

Selain itu, kesan daripada kesantunan budaya adalah dapat memberikan kontribusi positif terhadap negara dengan menciptakan masyarakat yang harmoni dan saling menghormati. Etika dan norma kesopanan membentuk dasar interaksi sosial yang baik, memperkuat hubungan antara individu serta dapat mencipta lingkungan yang kondusif untuk pembangunan dan kemajuan negara. Maka, pembangunan negara akan membangun seiring dengan suasana masyarakat yang harmoni tanpa sebarang kemaslahatan yang berlaku.

#### **4.5 Kesimpulan**

Jelaslah bahawa setiap budaya akan membawa kebaikan kepada khalayak dan masyarakat yang mengamalkan budaya. Pengkaji dapat merumuskan bahawa kajian yang dilakukan adalah untuk memperkenalkan kebaikan dan manfaat yang dapat diberikan kepada masyarakat melalui kesantunan sesuatu budaya menerusi pengamalan penulis yang pernah belajar Syria dan menginterpretasikan kesantunan budaya yang terdapat di bumi Arab. Penulis, telah pun menggunakan sepenuhnya karya sastera sebagai entiti dokumentasi sosiobudaya dalam memperhalus fenomena yang wujud dalam masyarakat. Justeru, karya ini dipilih oleh pengkaji untuk mengkaji tentang kesan kesantunan budaya yang dapat memberi manfaat kepada individu, masyarakat dan negara.

## Bab 5

### Rumusan

#### 5.1 Pendahuluan

Menerusi bab ini, pengkaji telah menyimpulkan semua hasil dapatan tentang pengkaji terhadap kesantunan budaya masyarakat menerusi novel *Baromkeh Matamu di Mataku*. Pada bahagian permulaan bab ini, pengkaji memberikan rumusan secara keseluruhan berkaitan kajian. Selain itu, pada pertengahan bab juga pengkaji akan memberikan cadangan kepada individu, masyarakat dan negara. Seterusnya, pada pengakhiran pengkaji membuat sedikit kesimpulan kecil bagi bab ini untuk hasil perbincangan kajian yang telah dikaji bagi membantu pengkaji lain dalam meneruskan kajian pada masa hadapan.

#### 5.2 Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian ini adalah untuk mengkaji berkaitan kesantunan budaya yang terkandung di dalam teks novel *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) dengan memfokuskan kepada analisis yang bertunjangkan kepada pendekatan Ihya Ulumuddin rubu' *al-Adat*. Pada masa yang sama objektif kajian yang telah ditetapkan dan dilaksanakan secara kualitatif telah dijalankan oleh pengkaji. Penggunaan novel yang tepat membantu pengkaji dalam mencari data-data dan maklumat yang lebih banyak mengenai bentuk kesantunan budaya dalam masyarakat dapat membantu untuk mencetuskan idea pengkaji dalam kajian. Ummu Hani Abu Hassan adalah seorang pengkarya yang banyak menggunakan atau mengetengahkan pengalaman, kehidupan kekeluargaan dan pendidikan Islam dalam karyanya. Disamping itu, teks kajian ini sememangnya sarat dengan bentuk budaya yang memaparkan budaya masyarakat.

Rumusan yang dapat dibuat pada bab satu dalam kajian ini adalah sebagai permulaan bab yang menjadi kayu ukur dalam sesuatu kajian untuk mengkaji dengan lebih mendalam mengikut setiap bahagian yang ditetapkan dan harus mengikut langkah-langkah yang telah diselaraskan bagi melaksanakan sesebuah kajian itu agar setiap proses disepanjang kajian dapat dijalankan mengikut skop yang betul. Antara skop yang terkandung dalam kajian adalah bermula daripada latar belakang yang akan menuntun pengkaji untuk mengeluarkan satu-satu makna dalam tajuk kajian dengan lebih sistematik dan terperinci. Hal ini, menambahkan lagi pemahaman pengkaji dan dapat menunjukkan jalan agar kajian yang ingin dikaji tersebut tidak terpesong daripada landasan yang sebenar.

Seterusnya, pengkaji juga membincangkan permasalahan yang timbul tentang kesantunan budaya dalam masyarakat pada hari ini sehingga dapat menarik minat pengkaji untuk mengkaji kekurangan dan kelemahan mengenai kajian yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji lepas yang hendak dikaji. Berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji lepas, ia dapat memberikan idea kepada pengkaji untuk mengisi dan menambahbaik kelompangan kajian sebelumnya agar dapat menjadikan sumber rujukan kepada pengkaji akan datang. Tambahan pula, melalui pengkajian mencari gali permasalahan kajian secara tidak langsung pengkaji dapat mengetahui isu-isu yang telah dibangkitkan dalam kalangan masyarakat serta dapat menjadi salah satu faktor kepada pengkaji untuk terus mengambil tahu dan mencari sumber-sumber yang dapat membantu pengkaji dalam menyelusuri maklumat-maklumat penting agar dapat menjadi sokongan kepada pengkaji. Langkah seterusnya, daripada sorotan kajian-kajian lepas pengkaji dapat mengenal pasti soalan yang timbul untuk menjadikan fokus kepada penyelidikan yang dilaksanakan. Oleh itu, pengkaji perlu membina persoalan kajian daripada hasil dapatan yang telah dikaji secara keseluruhan melalui permasalahan kajian. Seterusnya, persoalan

akan diikuti dengan objektif kajian yang akan menjawab semua soalan yang dibangkitkan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Hal ini dikatakan demikian, kerana objektif kajian merupakan kesinambungan kepada masalah kajian dalam pernyataan masalah kajian. Objektif kajian dapat memberi gambaran untuk melaksanakan kajian kesantunan budaya. Bagi objektif satu pengkaji mengenal pasti bentuk kesantunan budaya. Pengkaji telah mengeluarkan setiap bentuk kesantunan yang terdapat dalam teks kajian dengan menggunakan kaedah analisis tekstual. Di mana pengkaji menggunakan teks *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) hasil karya Ummu Hani Abu Hassan. Novel yang mempunyai beberapa aspek yang dapat dikaji dalam penulisan pengkarya yang mempunyai aspek intrinsik seperti tema, watak, perwatakan, persoalan, nilai dan pengajaran. Manakala ekstrinsik pula, menggambarkan diri penulis yang pernah menyambung pelajarannya di Syria mana penulisan itu sendiri menceritakan kaedah ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mengenai tajuk kajian yang hendak dikaji. Maka, dengan kaedah yang digunakan pengkaji dapat mengeluarkan bentuk-bentuk kesantunan budaya iaitu budaya berkomunikasi, menuntut ilmu, berpakaian, bertamu dan pengaruh luar. Hal ini dapat membantu pengkaji untuk meneruskan kajian dalam kesantunan budaya. Melalui hasil kajian terdapat budaya yang hampir sama dengan masyarakat orang Melayu tempatan. Antaranya, cara masyarakat menyantuni tetamu yang datang ke rumah iaitu dengan menyediakan makanan dan minuman kepada tetamu yang bertandang. Pada objektif pertama kajian ini dapat memberikan pendedahan awal bagi mengenal pasti bentuk kesantunan untuk memberi gambaran yang akan dijelaskan dengan lebih terperinci dalam objektif dua dengan lebih mendalam menggunakan pendekatan Ihya Ulumuddin rubu' *al-Adat*.

Objektif dua pula pengkaji menganalisis bentuk kesantunan budaya berdasarkan rubu' *al-Adat*. Kesantunan budaya yang mendasari kepada rubu' *al-Adat* lebih menekankan kepada nilai-nilai yang positif dalam bentuk kesantunan yang dapat memperjelaskan perwatakan individu yang mengamalkan setiap bentuk budaya yang telah menjadi norma oleh masyarakat terdahulu di kawasan tersebut. Setiap tindak tanduk manusia itu dipengaruhi oleh budaya yang mereka amalkan sejak awal kelahiran. Oleh itu, budaya adalah penyebab seseorang itu berkelakuan baik atau buruk. Analisis yang bertunjangkan kepada rubu' *al-Adat* iaitu kebiasaan yang dilakukan oleh manusia yang hidup di bumi ini perlu berkomunikasi, berpakaian, menuntut ilmu dan sebagainya. Rubu' ini amat membantu dalam menjelaskan setiap bentuk budaya yang lebih berpandukan ke arah kebaikan.

Objektif tiga menjelaskan kesan kesantunan budaya menerusi teks kajian dalam kehidupan. Kesan adalah ketika seseorang melakukan sesuatu perbuatan dan akan menghasilkan sesuatu hasil yang baik atau dapat memberikan keburukan kepada diri sendiri atau orang lain. Sehubungan itu, pengkaji memberi penegasan kepada kesan terhadap individu, masyarakat dan negara apabila individu atau rakyat di sesebuah kawasan tersebut mengamalkan budaya yang baik sehingga dapat memberi kesan yang baik. Objektif ini dapat dicapai dengan menggunakan kaedah kualitatif deskriptif sehingga dapat mengeluarkan nilai pengajaran dan nilai budaya yang dapat dipelajari oleh masyarakat pada masa kini. Setiap budaya yang ditemui oleh pengkaji dalam teks kajian tersebut dapat memenuhi objektif kajian dan menyelesaikan segala permasalahan tentang bentuk budaya.

Skop kajian pula dapat membantu pengkaji mengenal pasti penggunaan pendekatan yang sesuai dan selaras dengan pemilihan teks kajian yang dipilih oleh pengkaji. Hal ini juga dapat mengupas dengan lebih lanjut setiap kandungan yang terdapat dalam pendekatan

Ihya Ulumuddin yang mempunyai empat rubu' dan pengkaji hanya memilih satu sahaja daripada empat rubu'. Oleh itu, pengkaji memilih rubu' yang paling dominan dan selaras dengan bentuk yang akan dikaji serta dapat menjawab objektif secara tepat dan jelas. Pengkaji memilih rubu' *al-Adat* untuk mengkaji bentuk kesantunan budaya. Perkara ini amat penting bagi memastikan pengkaji sentiasa terarah sewaktu menganalisis data. Disamping itu, kepentingan kajian yang terdapat dalam bab satu ini adalah untuk memastikan kajian yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat kepada masyarakat di luar sana khususnya pengkaji-pengkaji yang mempunyai semangat cinta akan seni budaya yang mempunyai kepelbagaian dan keistimewaan yang tersendiri tetapi masih mengekalkan adab dan kesantunan.

Seterusnya, metodologi kajian yang perlu dilakukan oleh setiap pengkaji adalah untuk mengumpulkan data-data, maklumat, iaitu dengan membuat perancangan terlebih dahulu sebelum memulakan suatu kajian, menganalisis data-data supaya dapat menghasilkan bukti yang kukuh dan tepat untuk menyokong kajian. Metodologi yang digunakan juga adalah kaedah akademik yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji di dunia ini untuk menyelesaikan sebarang masalah berkaitan isu tentang masyarakat. Melalui kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah menganalisis data menggunakan teks kajian iaitu novel *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) karya Ummu Hani Abu Hassan. Menerusi kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif deskriptif iaitu hanya tertumpu kepada teks kajian sahaja daripada itu pengkaji dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Secara kesimpulannya, bab dua menekankan kajian-kajian lepas yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji lepas mengenai tajuk kajian yang dipilih. Sorotan kajian masing-masing didasari kepada 10 sorotan berdasarkan kepada kajian-kajian lepas berkaitan teks kajian,

kesantunan budaya, dan pendekatan Ihya Ulumuddin. Melalui kajian-kajian lepas pengkaji dapat mencari maklumat-maklumat dan data yang boleh dijadikan sebagai sokongan kepada penyelidikan tentang kesantunan budaya dan juga pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan. Setiap data yang dapat dikutip dan dikumpulkan daripada pengkaji lepas, pengkaji dapat mengenal pasti kelompangan yang terdapat daripada kajian-kajian lepas dan dapat mengesan kelemahan-kelemahan daripada kajian lepas. Maka, dengan kutipan dan pemerolehan data tersebut pengkaji dapat menghasilkan kajian yang lebih baik, terperinci dan menambah baik perkara yang tidak terkandung dalam kajian lepas mendasari kajian-kajian lepas tersebut. Oleh itu, kajian yang diselongkar dan dicari dalam setiap sumber dapat menjadi contoh dan panduan kepada pengkaji untuk menghasilkan kajian terhadap bentuk kesantunan budaya bertunjangan pendekatan Ihya Ulumuddin rubu *al-Adat* dengan sokongan idea daripada penyelidikan lepas.

Kaedah kajian adalah perkara penting untuk memastikan setiap kajian yang akan dikaji bertepatan dengan kajian yang akan diperoleh pada akhir kajian. Menerusi kajian yang dilakukan oleh pengkaji, pengkaji menggunakan teks kajian sebagai rujukan utama iaitu menggunakan novel *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) karya Ummu Hani Abu Hassan. Selain itu, pencarian lain sebagai sumber-sumber kajian iaitu sumber daripada perpustakaan, laman sesawang dan novel *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008). Kajian yang dilakukan telah menggunakan kaedah kualitatif di mana pengkaji harus membuat penelitian dengan lebih mendalam dan terperinci iaitu dengan meneliti satu per satu data-data tentang kesantunan budaya yang dipraktikkan oleh masyarakat dalam teks kajian tersebut. Selain itu, pengkaji perlu memahami pendekatan yang digunakan agar dapat menganalisis data bertunjangan rubu' yang dipilih dalam pendekatan Ihya Ulumuddin melalui kaedah kajian yang telah dilakukan. Kesimpulannya, pengkaji dapat menganalisis

data-data yang diperoleh melalui teks kajian dengan mengaplikasikan rubu' yang telah dipilih dan paling sesuai serta paling dominan untuk menjelaskan kajian dengan lebih jelas dan terperinci.

Objektif kajian yang ditetapkan oleh pengkaji akan dianalisis dalam bab empat untuk dibincangkan menggunakan kaedah yang dipilih oleh pengkaji. Objektif kajian akan menjelaskan bentuk kesantunan budaya masyarakat dalam teks kajian dan kesannya kepada individu, masyarakat dan negara. Dalam bab ini juga pengkaji akan merumuskan setiap bentuk kesantunan budaya yang telah diperoleh.

### **5.3 Cadangan**

Hasil daripada penelitian mengenai kajian bentuk kesantunan budaya bertunjangan pendekatan Ihya Ulumuddin rubu' *al-Adat* terhadap novel *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) karya Ummu Hani Abu Hassan, pengkaji mendapati bahawa kajian ini boleh dijadikan sebagai satu medium pendidikan kepada khalayak khususnya dalam menyebarkan ilmu pengetahuan terutama dalam memperkenalkan bentuk kesantunan budaya kepada masyarakat. Terdapat cadangan yang dapat diusulkan kepada pengkaji iaitu individu, masyarakat dan negara pada masa hadapan.

#### **5.3.1 Individu**

Berdasarkan hasil kajian, pengkaji juga mencadangkan kepada individu yang ingin mengkaji sesuatu karya novel mereka haruslah memilih karya yang mempunyai nilai dan kualiti untuk memberi pendidikan kepada masyarakat agar dapat membantu kerajaan dalam melahirkan modal insan kelas pertama pada masa hadapan. Selain itu, kajian yang dilakukan ini adalah untuk membantu pengkaji-pengkaji akan datang untuk menyelidik dan kepada individu yang berminat akan seni warisan kebudayaan. Hal ini, kerana kajian



tentang budaya lebih-lebih lagi kajian dari aspek nilai yang dapat memberi pengajaran dan kesan kepada individu di luar sana. Tambahan pula, kajian seperti ini dapat membuka mata individu mengenai bentuk kesantunan budaya yang terdapat di negara lain. Namun, dari segi perspektif yang lain pengkaji dapat memecahkan bentuk kebudayaan dan mencari gali bentuk kebudayaan yang lain yang tidak didapati dalam kajian ini. Namun begitu, kajian yang dilaksanakan ini tidak dikaji secara menyeluruh, oleh itu pengkaji yang akan datang perlulah menambahbaik dan menyempurnakan kajian mereka dengan lebih jitu dan sistematik.

### **5.3.2 Masyarakat**

Masyarakat dapat mengaplikasikan kajian ini dengan meneliti setiap bentuk kesantunan budaya yang telah dianalisis dengan bertunjangkan kepada rubu' *al-Adat*. Kajian ini dapat memperkenalkan bentuk kesantunan budaya yang dimiliki oleh masyarakat Arab dan juga Melayu. Hal ini, kerana penulis teks kajian itu sendiri pernah berkunjung ke bumi Syria itu sendiri. Hal ini terbukti bahawa, terdapat persamaan dalam bentuk kesantunan budaya yang ada pada kedua-dua masyarakat tersebut dalam teks kajian yang dapat diperkenalkan kepada masyarakat dalam kajian ini. Sehubungan itu, nilai-nilai bersandarkan Islam yang terkandung dalam setiap tingkah laku masyarakat yang mengamalkan kesantunan budaya yang telah diwujudkan oleh masyarakat terdahulu dapat memberi kesan yang baik kepada masyarakat kini. Oleh itu, masyarakat haruslah cuba untuk belajar dan mendalami setiap budaya yang baik agar dapat dicontohi dengan cara masyarakat tersebut cuba untuk mengkaji tentang budaya dengan menggunakan teori yang lebih mendekati masyarakat agar kajian tersebut dapat dijadikan contoh. Selain itu, juga dalam hidup bermasyarakat budaya yang sihat haruslah diterapkan dalam kalangan masyarakat. Perkara ini dapat dilaksanakan dengan memulakan budaya yang baik ini

diperingkat persekolahan lagi atau dalam erti kata lain, mendidik anak-anak dari bangku sekolah lagi dengan budaya yang baik agar budaya tersebut dapat mempengaruhi personaliti dalam dalam masa yang sama dapat membentuk kepribadian masyarakat yang beradab dan berakhlak mulia. Maka, kajian yang boleh dilakukan oleh masyarakat di luar sana adalah dengan membuat kajian terhadap golongan muda tentang faktor-faktor yang dapat menggalakkan masyarakat pada masa kini untuk mempraktikkan budaya yang baik agar dapat menghindari diri daripada budaya-budaya yang telah dicemari dan dipengaruhi oleh pengaruh barat yang dapat membawa masyarakat kepada kebinasaan dan gejala yang tidak sihat.

### **5.3.3 Negara**

Masyarakat yang menjadikan budaya sebagai suatu adat dalam kehidupan mereka dapat mewujudkan suasana yang harmoni secara tidak langsung dapat menjadikan sebuah negara yang aman dan damai kerana mempunyai masyarakat yang berperilaku baik. Hal ini, dapat diwujudkan dengan cara pihak kerajaan harus mengambil tanggungjawab untuk memastikan kesantunan budaya dapat diaplikasikan dalam setiap masyarakat tidak kira agama, bangsa dan budaya. Antara program yang dapat dilaksanakan oleh pihak kerajaan adalah mengadakan Minggu Kesantunan Budaya di peringkat sekolah. Hal ini dapat mendidik masyarakat dari peringkat awal bagi mendedahkan budaya yang baik kepada mereka. Selain itu, guru-guru di sekolah juga memainkan peranan yang penting untuk mengajarkan kepada pelajar tentang budaya yang baik dan juga tidak. Hal ini, dapat membantu pelajar tentang budaya-budaya masyarakat luar yang telah masuk ke dalam negara. Pengajaran tersebut dapat membantu pelajar menepis segala budaya yang tidak sihat untuk diamalkan dalam kehidupan seharian.

Hal ini, dapat direalisasikan dengan cara memperkenalkan setiap budaya kepada masyarakat melalui penggunaan media sosial yang menjadi peranan besar kepada masyarakat pada hari ini. Pengaruh media sosial atau orang awam yang minat akan penggunaan media sosial pada masa kini dapat menghasilkan sebuah video atau infografik yang menarik agar dapat mempengaruhi dan mengikuti tingak laku dan maklumat berkaitan dengan kesantunan budaya agar dapat menjadi ikutan pada masa akan datang.

#### 5.4 Penutup

Secara kesimpulannya, novel *Baromkeh Matamu di Mataku* (2008) mengandungi bentuk budaya dan nilai kesantunan yang telah dipraktikkan dalam kehidupan seharian masyarakat dalam novel tersebut di mana dapat dipelajari oleh pembaca melalui novel tersebut. Novel juga adalah medium utama bagi khalayak yang gemar membaca dan merupakan salah satu curahan yang dapat dirakamkan oleh seseorang menerusi pengalaman kehidupannya dengan merepresentasikan kehidupan suasana masyarakat. Novel ini juga telah banyak membantu pengkaji dalam menyiapkan kajian dan penyelidikan ini untuk mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan selain dapat memberi maklumat-maklumat baru mengenai budaya masyarakat daripada negara luar. Selain itu, pengaplikasian pendekatan Ihya Ulumuddin rubu' *al-Adat* yang mendorong penulisan dalam kajian ini bagi memastikan setiap kesantunan budaya yang diperolehi daripada novel tersebut dapat dirungkai dan diulas dengan baik serta lebih terperinci. Pengkaji berharap agar kajian mengenai kesantunan budaya ini dapat memberi ilmu pengetahuan baru dan membantu pengkaji dan penyelidik yang lain untuk mengkaji tentang kesantunan budaya dari segi perspektif yang berbeza.

## RUJUKAN

- Abani, M. H. (2019). Fakta dan fungsi sosial novel trah karya atas S Danusubroto. *Sutasoma: Jurnal Sastra Jawa*, 7(1).
- Ahmad, Z., Abdul Wahid, A., & Ali, A. H. (2020). Kerasulan insan kamil membentuk modal insan dalam novel Imam. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 16-27.
- Aisyah, S. (2022). *Analisis Isi Nilai-Nilai Religius dalam Novel" Re:" Karya Maman Suherman* (Doctoral Dissertation, UIN Sultan Maulana Hasanuddin Banten).
- Al Afif, H. A. Z. M. A. R. (2023). Nilai-nilai pendidikan Islam dalam novel Ketika Cinta Bertasbih Karya Habiburrahman El Shirazy. *Jurnal Pendidikan Yayasan Pendidikan Agama Islam Rengat*, 1(2).
- Alawiyah, S., Handrianto, B., & Rahman, I. K. (2020). *Adab berpakaian wanita muslimah sesuai tuntunan syariat Islam*. *Rayah Al-Islam*, 4(02), 218-228.
- Al-Qasimi, S. J. (2019). *Buku putih Ihya'Ulumuddin Imam Al-Ghazali*. Darul Falah.
- Amalia, Z. (2021). *Kajian Nilai-Nilai Sosial Dan Budaya Dalam Novel The Dreamer oleh Andrea Hirata* (Doktor Falsafah, UIN FAS BENGKULU).
- Amir, A. N. (2020). Falsafah pemikiran sastra Islam. *FITRAH: Jurnal Kajian Ilmu-ilmu Keislaman*, 5(1), 165-180.
- Amirah Syazwani Baderol Sham. (2021). *Adab-adab bertamu dalam budaya Melayu dan Islam*, <https://dewanbudaya.jendeladbp.my/2021/11/20/731/>
- Aziz, A. (2021). Analisis nilai pendidikan dalam novel Sepatu Dahlan karya Khrisna Pabhicara. *ENGGANG: Jurnal Pendidikan, Bahasa, Sastra, Seni, dan Budaya*, 2(1), 1-6.
- Brown, P., & Levinson, S. C. (1987). *Politeness: Some universals in language usage*. Cambridge University Press.
- Elneri, N., Thahar, H. E., & Abdurahman, A. (2018). Nilai-nilai pendidikan dalam novel Mamak karya Nelson Alwi. *Puitika*, 14(1), 1-13.
- Farida, U. (2023). Potret perempuan dalam Kitab Pesantren di Indonesia: Telaah terhadap Kitab Ihya' Ulum ad-Din Karya Imam al-Ghazali. *Prosiding Konferensi Gender Dan Gerakan Sosial*, 1(01), 777-797.

- Ginting, Y., Nurhasnah, N., & Lubis, F. (2022). A Analisis nilai moral religius dalam novel Laskar Pelangi karya Andrea Hirata. *ALFABETA: Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pembelajarannya*, 5(1), 27-32.
- Hall, S. (2020). *The work of representation*. In *The Applied Theatre Reader* (pp. 74-76). Routledge.
- Hamdani, A. D. (2021). Pendidikan di era digital yang mereduksi nilai budaya. *Cermin: Jurnal Penelitian*, 5(1), 62-68.
- Hamzah, N. B., Rahim, R. ., & Iskandar, I. (2022). Kerasan verbal pada media sosial Facebook ditinjau dari perspektif penyimpangan kesantunan berbahasa. *Jurnal Konsepsi*, 11(1), 119–131.
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan rangka kerja metodologi dalam kajian penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(2), 17-24.
- Imam Al-Ghazali. (2015). *Ringkasan Ihya' Ulumuddin*. Al-Hidayah House of Publishers Sdn Bhd. Selangor. (342-414).
- Imron, M. (2023). Perkembangan moral menurut Al Ghazali dalam Kitab Ihya Ulumuddin. *Jurnal Ilmu Sosial, Pendidikan dan Humaniora (JISPENDIORA)*, 2(1), 23-32.
- Irmania, E. (2021). Upaya mengatasi pengaruh negatif budaya asing terhadap generasi muda di Indonesia. *Jurnal Dinamika Sosial Budaya*, 23(1), 148-160.
- Ishak, M. S., & Hamid, N. A. (2023). Peranan nilai budaya keinsanan ke arah pengukuhan kesepaduan sosial dalam komuniti pelajar institusi pengajian tinggi. *Journal of Modern Education*, 5(16), 01-16.
- Iye, R., & Susiati, S. (2018). Nilai edukatif dalam novel Sebait Cinta di Bawah Langit Kairo karya Mahmud Jauhari Ali (Educative Values in Sebait Cinta di Bawah Langit Kairo by Mahmud Jauhari Ali). *Sirok Bastra*, 6(2), 185-191.
- Ja'afar, S. (2005). Kesantunan bahasa: pertembungan antara budaya Melayu-bukan Melayu dan Islam-bukan Islam. *Jurnal Peradaban Melayu*, 3, 49-60.
- Jamian, M. N., & Radzi, S. B. M. (2015). Kesusasteraan Melayu tradisional sebagai wadah komunikasi massa: Suatu Analisis. *Jurnal Komunikasi: Malaysia Journal of Communication*, 31(2), 183-194.
- Johari, A., & Zahid, I. (2016). Manifestasi kesantunan Melayu dalam ujaran memberi dan meminta nasihat. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 16(2).
- Kamarudin, K. (2013). The concept of qudwah hasanah and muslim women's roles in the strengthening of the ummah: An Analysis of Recent Malay Novels. *Malay Literature*, 26(2), 206-233.

- Karmila, M., & Meliasanti, F. (2021). Nilai pendidikan karakter dalam novel Tiga Matahari karya Prito Windiarso. *Jurnal Educatio Fkip Unma*, 7(4), 2067-2075.
- Kartikasari, C. A. (2021). *Analisis sosiologi sastra nilai-nilai pendidikan karakter novel Hafalan Shalat Delisa* karya Tere Liye dan Relevansinya dalam pembelajaran Sastra di SMA. *ENGGANG: Jurnal Pendidikan, Bahasa, Sastra, Seni, dan Budaya*, 2(1), 7-17.
- Latifah, S. N. (2021). *Pemikiran Al-Ghazali tentang pendidik dan peserta didik dalam Kitab Ihya'ulumuddin* [Doctoral dissertation] IAIN Palangka Raya.
- Mahsusiyah, L. (2021). *Nilai-nilai pendidikan akhlak dalam Kitab Ihya'Ulumuddin karya Imam Ghazali (Studi Analisis Bab Adabul Ulfah Wal Ukhwah)* [Doctoral dissertation] IAIN KUDUS.
- Muhammad Arif Syihabuddin. (2019). Budaya organisasi lembaga pendidikan dalam perspektif Islam. *AT-TA'DIB: Jurnal Ilmiah Prodi Pendidikan Agama Islam*, 110-119.
- Musta'inah, A. (2021). *Konsep pendidikan mental spiritual dalam Kitab Ihya'Ulumuddin Al-Ghazali* [Doctoral dissertation] Pendidikan Agama Islam PPS-IAIN Syekh Nurjati Cirebon.
- Ningrum, W. J., Syafrin, N., & Tanjung, H. B. (2022). Metode dakwah pada anak usia dini menurut Imam Al-Ghazali dalam Kajian Kitab Ihya Ulumuddin. *KOLONI*, 1(3), 146-161.
- Oktavianti, I., Zuliana, E., & Ratnasari, Y. (2017). Menggagas kajian kearifan budaya lokal di sekolah dasar melalui gerakan literasi sekolah. *Kudus: Universitas Muria Kudus*, 1(4), 36-41.
- Prasetya, K. H., Subakti, H., & Musdolifah, A. (2022). Pelanggaran rubu' al-Adat kesantunan berbahasa peserta didik terhadap guru sekolah dasar. *Jurnal Basicedu*, 6(1), 1019-1027.
- Ramli, F. N. A., & Wahid, A. (2019). Pengurusan identiti bangsa dalam Trilogi Karya Hamka: Suatu Pengenalan. *Jurnal Peradaban Melayu*, 14, 35-48.
- Rizka Ariefa, N. P. (2021). *Pemikiran Imam Al-Ghazali tentang nilai-nilai akhlak dalam Kitab Ihya'ulumuddin Terjemah Prof. Tk. H. Ismail Yakub Sh; Ma* [Doctoral dissertation] UIN Kiai Haji Achmad Shiddiq Jember.
- Robiansyah, D., & Rahmanudin, I. (2023). Qashr dalam kitab Ihya Ulumuddin Rubu'ibadah karya Imam Al-Ghazali. *TADRIS AL-ARABIYAT: Jurnal Kajian Ilmu Pendidikan Bahasa Arab*, 3(1), 1-27.

- Salaeh, A., Saha, N., Khair, N., Djabir, D. A., & Hamed, P. K. (2023). Character education concepts in Ihya'Ulumuddin. *Southeast Asian Journal of Islamic Education*, 5(2), 231-241.
- Saludin, M. R. B., & Nazri, M. S. B. A. (2020). Adab masyarakat Melayu lama dalam Hikayat Hang Tuah. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 8(3), 23-31.
- Sapitri, P. A., Chasanah, A., Putri, A. A., & Paulima, J. (2019). Exploring brown and levinson's politeness strategies: An Explanation on the Nature of the Politeness Phenomenon. *REiLA: Journal of Research and Innovation in Language*, 1(3), 111-117.
- Sariyan, A. (2007). *Santun berbahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Setyaningrum, N. D. B. (2018). Budaya lokal di era global. *Ekspresi Seni: Jurnal Ilmu Pengetahuan dan Karya Seni*, 20(2), 102-112.
- Shaari, A. H., & Kamaluddin, M. R. (2019). Buli siber: Ketidaksantunan bahasa dan etika media sosial dalam kalangan remaja Malaysia. *e-BANGI*, 16, 1-16.
- Sholihah, M. A., Astuti, C. W., & Novitasari, L. (2022). Kajian sosio-budaya sekolah berasrama penuh Islam dalam Novel Kembara Rindu oleh Habiburrahman El Shirazy. *LEKSIS: Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 2(2).
- Suhaimi, N. I. A. M. F., & Jabar, N. A. (2020). Menelusuri kesantunan berbahasa merentas budaya Buya Hamka Menggunakan Model Pertuturan Hymes Dell. *International Journal Of Creative Future And Heritage (Teniat)*, 8(1), 41-55.
- Suwarno, S. (2014). Representasi makna visual poster film religius (Studi Semiotika Poster Charles S. Pierce Pada Film 99 Cahaya di Langit Eropa). *Communication*, 5(2).
- Syah, A. D. M., Sholikhudin, M. A., & Yusuf, A. (2023). Konsep pendidikan karakter Al-Ghazali dalam Kitab Ihya'Ulumuddin dan relevansinya terhadap projek penguatan profil pelajar Pancasila. *Mudir: Jurnal Manajemen Pendidikan*, 5(1), 118-135.
- Syakhrani, A. W., & Nafis, M. (2022). Islam sebagai agama dan Islam sebagai budaya dalam masyarakat Banjar. *Mushaf Journal: Jurnal Ilmu Al Quran Dan Hadis*, 2(3), 270-274. (Kalimantan Selatan, Indonesia)
- Utama, F. P. B., & Bakar, A. A. (2022). Prosedur terjemahan perkataan berunsur budaya ekologi dalam Novel "Zainab" Arab-Melayu: Satu Kajian Analisis.
- Wibowo, G. (2019). Representasi perempuan dalam Film Siti. *Nyimak: Journal of Communication*, 3(1), 47-59.

- Winda Sari, A., Mahfuz, M., & Taqiyuddin, M. (2022). *Konsep Al-Ghazali Tentang Adab Murid Dan Guru Dalam Kitab Ihya Ulumuddin Dan Relevansinya Dengan Pendidikan Modern* [Doctoral dissertation] IAIN CURUP.
- Yassi, A. H. (2021). Ancangan model kerangka teori kesantunan yang efektif mengkaji budaya bahasa-bahasa heritage di asia. *Latihan, 1*(1), 11-21.
- Yunita, G. F. R., & Sugiarti, S. (2020). Kajian mitos dalam novel Aroma Karsa Karya Dewi Lestari Perspektif Ekologi Budaya. *Lingua Franca: Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya, 4*(1), 106-120.
- Adibah Sulaiman @ Mohamad, Mohd Azmir Mohd Nizah, & Ahmad Norsyafwan Norawavi. (2019). Konsep pendidikan Islam: Adab Guru-Pelajar: The Concept of Islamic Education: Teacher-Student Adab. *Sains Insani, 4*(1), 61-67.
- Ahmad Zuhri. (2022). Kedudukan dan keadilan sahabat. *Wahana Inovasi: Jurnal Penelitian dan Pengabdian Masyarakat UISU, 11*(1), 64-71.
- Arini Nurafifah. (2023). *Interpretasi santri dalam memahami hadis menutup aurat di pondok pesantren cipasung tasikmalaya* [Doctoral dissertation] UIN SUNAN KALIJAGA YOGYAKARTA.
- Aris Febri Rahmanto. (2004). Peranan komunikasi dalam suatu organisasi. *Komunikologi: Jurnal Ilmiah Ilmu Komunikasi, 1*(2).
- Azmin Yusof & Muhamad Ismail Abdullah. (2017). Adab unggul Islam dalam persahabatan antara insan: Islamic outstanding manners in friendship amongst human. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education, 1*(2), 102–112.
- Adam Drahman & Suhaimi Ab. Rahman. (2019). Konsep dan aplikasi hisbah dalam perniagaan produk halal: concept and application of hisbah in the halal product business. *Journal of Fatwa Management and Research, 18*(1), 25–44.
- Desi Damayani Pohan & Ulfi Sayyidatul. (2021). Jenis jenis komunikasi. *Cybernetics: Journal Educational Research and Social Studies, 29-37*.
- Diana Ariswanti Triningtyas. (2016). Komunikasi antar pribadi. CV. AE Media Grafika.
- Esti Verulitasari & Agus Cahyono. (2016). Nilai budaya dalam pertunjukan rapai geleng mencerminkan identitas budaya Aceh. *Catharsis, 5*(1), 41-47.
- Fauzi, A. (2016). Pakaian wanita Muslimah dalam perspektif hukum Islam. *Iqtishodia: Jurnal Ekonomi Syariah, 1*(1), 41-58.
- Goh Wei Sing & Azlina Abdullah. (2022, July 5). Makna perkahwinan daripada perspektif wanita Cina yang melewati perkahwinan. *Jurnal Wacana Sarjana, 6*(1), 1-13.




- Haderani Haderani. (2018). Tinjauan filosofis tentang fungsi pendidikan dalam hidup manusia. *tarbiyah: Jurnal Ilmiah Kependidikan*, 7(1).
- Hamzah Omar & Fatin Farihan Mohd Salleh. *Konsep bertamu dalam sunnah: satu tinjauan*.
- Indira Cahyaning Firdausi & Muhammad Al Amin. (2021). Akuntabilitas pondok pesantren dalam konsep amar ma'ruf nahi munkar. *Borobudur Accounting Review*, 57-65.
- Indirawati Zahid & Arina Johari. (2018). Kesantunan Melayu: analisis konteks perbualan dalam rancangan bual bicara (Malay Politeness: Conversational Context Analysis in Talk Show). *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(4).
- Kamarudin, K. (2014). *Novel Melayu dalam pelbagai perspektif*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kamus Pelajar Edisi Kedua. (2017). Negara. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=negara>
- Moh Faidol Juddi. (2019). *Komunikasi budaya dan dokumentasi kontemporer*. Unpad Press.
- Mohammad Luthfi. (2017). Komunikasi interpersonal suami dan istri dalam mencegah perceraian di Ponorogo. *ETTISAL Journal of Communication*, 2(1), 51-61.
- Mohd Aizam Mas'od & Mohd Fauzi Hamat. (2018). Analisis definisi sahabat dalam beberapa karya syiah Melayu: An Analysis of the Definition of Companion in Several Malay Shiite Works. *Afkar: Jurnal Akidah & Amp; Pemikiran Islam*, 20(1), 1-40.
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff. (2023). Manikam kalbu: adat dan adab Melayu. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 2(1), 55-73.
- Nazirah Lee. (2014). Transformasi fesyen pakaian muslim di semenanjung Tanah Melayu, 1930-1940: Muslim Dress Fashion Transformation In Malay Peninsula, 1930-1940. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 6(3), 68-80.
- Noor Hisham Md. Nawi, Zaleha Embong, Ahmed Thalal Hassan, Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail, Ng., Siew Foen, Ahmed Abdelghany Mohammed Abdelghany, Siti Bahirah Saidi, Nawi@Mohd. Nawi Ismail, Mohd. Asyraf Zulkffli (eds.). (2022) *Proceedings international conference on Ummah (ICU) 2022 : "strengthening humanity values in Ummah civilization of digital era", 4th-5th December 2022, Universiti Malaysia Kelantan, Bachok*. Penerbit UMK, Universiti Malaysia Kelantan, Kota Bharu, Kelantan.
- Nurhaliza, M. (2018). *Tanggungjawab terhadap Kerabat dalam Al-Qur'an* [Doctoral dissertation, UIN Ar-Raniry Banda Aceh].


- Osman, W. R. H. M., & Wahab, H. A. (2018). Kesantunan berbahasa kaunselor pelatih dalam sesi kaunseling. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(1).
- Okarisma Mailani, Irna Nuraeni, Sarah Agnia Syakila, & Jundi Lazuardi. (2022). Bahasa sebagai alat komunikasi dalam kehidupan manusia. *Kampret Journal*, 1(2), 1–10.
- Pohan, Desi Damayani & Ulfi Sayyidatul Fitria. (2021). Jeni-jenis komunikasi. *Cybernetics: Journal Educational Research and Social Studies*, 29-37.
- Rahimah Hamdan. (2021). Adab berkomunikasi watak dalam hikayat Khoja Maimun. *Language*, 4(13), 09-23.
- Rezki Hariko. (2016). Ilmu bimbingan dan konseling, nilai dan kesejahteraan individu: *Studi literatur. Jurnal Konseling dan Pendidikan*, 4(2), 118-123.
- Riska Dwi Novianti, Mariam Sondakh, & Meiske Rembang. (2017). Komunikasi antarpribadi dalam menciptakan harmonisasi (suami dan istri) keluarga di desa Sagea Kabupaten Halmahera Tengah. *Acta Diurna Komunikasi*, 6(2).
- Sri Andjariah. (2016). Kebahagiaan perkawinan ditinjau dari faktor komunikasi pada pasangan suami istri. *Jurnal Psikologi*, 1(1).
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Syh NoorulMadiah Syed Husin, Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib, Zulfaqar Mamat & Mohamad Aniq Aiman Alias (2022). Konsep perkahwinan menurut perspektif fiqh dan undang-undang Islam di Malaysia.
- Wikhdaton Khasanah. (2021). Kewajiban menuntut ilmu dalam Islam. *Jurnal riset agama*, 1(2), 296-307.
- Yusoff, M. H. M. (2023). Manikam kalbu: adat dan adab melayu. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 2(1), 55-73.
- Zuraini Ramli, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Dahlia Janan & Khairul Azam Bahari. (2014). Amalan kesantunan berbahasa sebagai cerminan santun budaya dalam memartabatkan bahasa Melayu. *Bahasa Ibu: Pelestarian Dan Pesona Bahasanya*.
- Zurakintan Abdul Razak, & Che Ibrahim Salleh. (2015). Pemikiran Melayu tentang ilmu dan adab dalam puisi Melayu tradisional. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 3(2), 121-129.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN